

**MENEROKA PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN
YOUTUBE SERTA CABARANNYA DALAM
PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
DI SEKOLAH MENENGAH**

NOR AZLINDA BINTI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

MENEROKA PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YOUTUBE SERTA
CABARANNYA DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
DI SEKOLAH MENENGAH

NOR AZLINDA BINTI ABDUL AZIZ

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI


2025


PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Mei 2025

NOR AZLINDA BINTI ABDUL AZIZ
P115503



 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

G. PERAKUAN TESIS SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS)			
Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	NOR AZLINDA BINTI ABDUL AZIZ		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P115503	Sesi Akademik (Academic Session)	2024/2025
Tajuk Tesis (Thesis Title)	MENEROKA PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YOUTUBE SERTA CABARANNYA DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH		

Merujuk kepada Klausa 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai (*Tandakan ✓ bagi maklumat yang berkaitan):
(With regard to Clause 4.2 of the UKM Student Intellectual Property Policy (Supplementary), the thesis is the student's property. I hereby declare this thesis as (*Mark ✓ on relevant information):


- *RAHSIA
(CONFIDENTIAL)** Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972
(Consisting of classified information under the OFFICIAL SECRETS ACT 1972)
- *TERHAD
(RESTRICTED)** Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan
(Consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organization/ body where the research was conducted)
- *AKSES TERBUKA/
TIDAK TERHAD
(OPEN ACCESS/
NON-RESTRICTED)** Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(I allow this thesis to be published through open access, full text or copied for study, learning and research purposes only)


Bagi kategori Akses Terbuka / Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana / Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

(For the Open Access / Non-Restricted category, I allow this (Master's / Doctoral) Thesis to be kept in the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library with the following usage conditions:)

- Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(UKM Library has the right to reproduce the thesis for study, learning and research purposes only.)
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.
(UKM Library is allowed to make one (1) copy of this thesis for exchange purposes among higher education institutions and any government body/agency, subject to terms and conditions.)

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)		PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)	
 TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)		 TANDATANGAN PENYELIA / PENERUSI JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)	
Kad Pengenalan /: No. Pasport (Identity Card / Passport No.)	771210125502	Nama Penyelia: Pengerusi JK Siswazah (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name)	Dr KHADIJAH ABDUL RAZAK
Tarikh: (Date)	10/05/2025	Tarikh:	10 Mei 2025 (Date)



PENGHARGAAN

Dengan penuh kesyukuran, saya merafakkan setinggi-tinggi pujian kepada Allah SWT yang dengan limpahan rahmat dan kasih-Nya memberikan saya kekuatan untuk menempuh setiap cabaran dan liku-liku perjalanan dalam menyiapkan pengajian ini. Setiap detik perjalanan ini penuh dengan pelajaran dan hikmah dan saya berterima kasih kepada mereka yang telah hadir dalam setiap langkah, baik dalam suka mahupun duka.

Pertama sekali, penghargaan ini ditujukan kepada insan yang paling dekat di hati saya iaitu, suami tercinta, Dr Hj Issraq bin Ramli. Terima kasih kerana menjadi kekuatan dan pendorong di kala saya hampir menyerah serta sabar mendengar segala keluh kesah saya. Pengorbananmu yang tidak ternilai, kasih sayang dan sokongan tanpa henti, menjadi pendorong terbesar dalam menamatkan perjalanan ini. Kepada anak-anak kesayangan saya, Muhammad Atif, Sri Norshatirah, Muhammad Ajdar, dan Sri Norsafirah, terima kasih kerana menjadi cahaya hidup yang sentiasa menyinari hati umi. Kalianlah sumber kekuatan dan inspirasi yang memacu umi untuk terus bertahan dan berjuang.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang amat mendalam saya tujukan kepada ibu saya yang tercinta, Che Jam Binti Jaib. Doa ibu yang tidak pernah putus menjadi benteng kekuatan spiritual saya. Setiap langkah saya diiringi dengan doa ibu, dan saya yakin tanpa restu serta kasih sayang ibu, mustahil untuk saya sampai ke tahap ini. Tidak dilupakan adik beradik, sanak saudara yang sentiasa menyokong saya dari jauh mahupun dekat, terima kasih atas kepercayaan dan dorongan anda semua.

Penghargaan khas juga saya tujukan kepada penyelia saya, Dr Khadijah Binti Abdul Razak. Tanpa bimbingan dan nasihat berharga daripada beliau, saya pasti akan terumbang-ambing dalam mencari arah. Kesabaran beliau dalam membimbing saya, dari fasa penyelidikan hingga ke penulisan, amat saya hargai. Setiap teguran dan dorongan beliau telah membentuk perjalanan akademik saya menjadi lebih bermakna.

Tidak lupa kepada semua pensyarah di Fakulti Pendidikan, yang telah membuka ruang ilmu dan memberi inspirasi kepada saya untuk terus belajar. Kepada mentor saya, Dr Hj. Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, CRMP, dan rakan-rakan seperjuangan dalam circle Platinum Dr Rokat, terima kasih kerana hadir di saat-saat saya memerlukan sokongan moral dan akademik. Kehadiran anda semua memberikan saya kekuatan untuk terus mara, walaupun banyak cabaran yang menanti di depan.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan dan semua insan yang tidak disebut namanya di sini, yang mungkin hadir dalam bentuk doa, nasihat, atau senyuman, anda semua adalah penyokong yang tidak ternilai. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa dan kebaikan anda semua.

Dengan penuh kerendahan hati, saya dedikasikan kejayaan ini buat arwah ayah saya, Abdul Aziz bin Abdul Samad, yang telah pergi meninggalkan kami. Meskipun

beliau tidak sempat melihat pencapaian ini, setiap usaha saya adalah untuk mengenang jasa dan pengorbanannya dalam membentuk saya menjadi insan seperti hari ini. Semoga roh ayahanda dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan hamba-hamba-Nya yang beriman.

Setiap cabaran dalam perjalanan ini mengajarkan saya erti kesabaran, ketabahan, dan kepercayaan kepada takdir Allah. Semoga segala usaha dan pengorbanan ini diberkati dan dirahmati oleh-Nya. Akhir kalam terima kasih Allah, terima kasih semuanya.



ABSTRAK

Pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam penggunaan teknologi digital seperti YouTube amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam era digital masa kini. Kajian ini bertujuan meneroka pengetahuan dan kemahiran guru dalam menggunakan aplikasi YouTube serta cabaran yang dihadapi dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di Malaysia. Pendekatan kajian berbentuk kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian kes. Empat orang guru Pendidikan Islam dipilih secara pensampelan bertujuan sebagai responden. Data dikumpul melalui temu bual dan dokumen, dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru berkaitan penggunaan YouTube dalam pengajaran meliputi kepentingan, kesesuaian, impak kepada pelajar, sumber maklumat, serta pemilihan bahan yang sesuai. Dari aspek kemahiran, dapatan menunjukkan guru memerlukan pelbagai kemahiran, termasuk memilih jenis video yang tepat, mengintegrasikan elemen menarik, serta menggunakan strategi yang meningkatkan keberkesanan YouTube dalam pengajaran. Cabaran utama yang dihadapi guru dibahagikan kepada dua tema, iaitu kekangan dan langkah penambahbaikan. Bagi tema kekangan termasuklah kemahiran yang terhad, minat guru terhadap teknologi, kurangnya sokongan dari pentadbir, fasiliti pembelajaran yang terhad, fokus murid dalam pembelajaran. manakala tema langkah penambahbaikan diperlukan bagi penggunaan YouTube yang lebih meluas, penyediaan pelbagai kursus dan latihan, sokongan pelbagai pihak, penghargaan bagi guru yang cemerlang dalam YouTube. Implikasi kajian ini penting bagi guru, pelajar, pentadbir sekolah, dan media dakwah Islam dalam memperkenalkan YouTube sebagai platform pendidikan yang menarik dan berkesan. Kesimpulannya, pemahaman yang mendalam tentang pengetahuan dan kemahiran serta kesedaran terhadap cabaran yang dihadapi dapat membantu guru memanfaatkan YouTube secara lebih efektif dalam meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam.

YOUTUBE KNOWLEDGE AND SKILLS AND ITS CHALLENGES IN THE TEACHING OF ISLAMIC EDUCATION IN SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The knowledge and skills of Islamic Education teachers in the use of digital technology such as YouTube are very important in the teaching and learning process in the current digital era. This study aims to explore teachers' knowledge and skills in using the YouTube application as well as the challenges faced in teaching Islamic education in secondary schools in Malaysia. The study approach is qualitative and uses a case study design. Four Islamic Education teachers were selected by purposive sampling as respondents. Data was collected through interviews and documents, and analyzed thematically. The results of the study show that teachers' knowledge regarding the use of YouTube in teaching includes importance, suitability, impact on students, sources of information, and selection of appropriate materials. From the skills aspect, the results show that teachers need a variety of skills, including choosing the right type of video, integrating interesting elements, and using strategies that increase the effectiveness of YouTube in teaching. The main challenges faced by teachers are divided into two themes, namely constraints and improvement measures. The constraint theme includes limited skills, teachers' interest in technology, lack of support from administrators, limited learning facilities, and student focus in learning. While the improvement theme requires wider use of YouTube, provision of various courses and training, support from various parties, and recognition for teachers who excel in YouTube. The implications of this study are important for teachers, students, school administrators, and Islamic preaching media in introducing YouTube as an interesting and memorable educational platform. In conclusion, a deep understanding of knowledge and skills as well as awareness of the challenges faced can help teachers utilize YouTube more effectively in improving the quality of Islamic Education teaching.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
JADUAL TRANSLITERASI		xi
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI ILUSTRASI		xiv
SENARAI SINGKATAN		xv
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Persoalan Kajian	13
1.7	Kerangka Konseptual	13
1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Batasan Kajian	18
1.10	Definisi Operasional	18
	1.10.1 Pengetahuan Guru	19
	1.10.2 Kemahiran Guru	19
	1.10.3 YouTube	20
	1.10.4 Cabaran Guru	20
	1.10.5 Guru Pendidikan Islam (GPI)	21
1.11	Kesimpulan	21
BAB II	KAJIAN LITERASI	
2.1	Pengenalan	23
2.2	Revolusi Pendidikan Negara Ke Arah Teknologi Pendigitalan	23

2.2.1	Teknologi Pendidikan Digital	24
2.2.2	Teknologi Pendidikan Digital dalam Pendidikan Islam	29
2.2.3	Alat Teknologi dalam Pendidikan Islam	33
2.3	YouTube Sebagai Agen Penyebaran Ilmu Moden	36
2.3.1	Aplikasi YouTube	36
2.3.2	YouTube dalam Pendidikan Islam	40
2.4	Teori-Teori Yang Mendasari Kajian	41
2.4.1	Teori TPACK	41
2.4.2	Teori Islam	44
2.4.3	Model <i>Knowledge-Attide-Practice</i> (KAP)	50
2.4.4	Model Penerimaan Teknologi (<i>Technology Acceptance Model</i>) (TAM)	51
2.5	Kajian-Kajian Lepas	54
2.5.1	Pengetahuan Guru Berkaitan dengan Aplikasi YouTube	54
2.5.2	Kemahiran Guru Berkaitan dengan Aplikasi YouTube	59
2.5.3	Cabaran Berkaitan dengan Aplikasi YouTube dalam Pengajaran	63
2.5.4	Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Penggunaan YouTube dalam Pendidikan Islam	65
2.6	Kesimpulan	70
BAB III KAEDAH KAJIAN		
3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.3	Peserta Kajian	73
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.4.1	Kajian Pra Lapangan	75
3.4.2	Kajian Sebenar	76
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	79
3.5.1	Protokol Temu bual	79
3.5.2	Kaedah Analisis dokumen	82
3.6	Kaedah Penganalisan Data	84
3.6.1	Penulisan Transkripsi Temu Bual	84
3.6.2	Menganalisis Temu Bual	84
3.6.3	Pembentukan Tema	85
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	86
3.8	Kesimpulan	90

BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	91
4.2	Profil Informan	91
4.3	Pengetahuan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube dalam Konteks Pengajaran	92
4.4	Kemahiran Aplikasi YouTube dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah	120
4.5	Cabaran yang Dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Aplikasi YouTube dalam Pengajaran Pendidikan Islam	139
4.6	Kesimpulan	151
BAB V	PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	153
5.2	Rumusan Kajian	153
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	155
5.3.1	Pengetahuan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube	155
5.3.2	Kemahiran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube	159
5.3.3	Cabaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube	162
5.4	Implikasi Kajian	165
5.4.1	Implikasi Kajian kepada Teori	165
5.4.2	Implikasi Kajian kepada Praktikal	167
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	170
5.6	Sumbangan Kajian	171
5.6.1	Sumbangan Kajian Terhadap Sekolah	171
5.6.2	Sumbangan Kajian Terhadap Guru	172
5.6.3	Sumbangan Kajian Terhadap Pendidikan Islam	173
5.7	Kesimpulan	173
	RUJUKAN	175
	KESIMPULAN	
Lampiran A	Protokol Temu bual	202
Lampiran B	Surat Kebenaran EPRD (eRas)	209

Lampiran C	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	210
Lampiran C.1	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan	211
Lampiran C.2	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	212
Lampiran D	Surat Permohonan Kebenaran Daripada Peserta Kajian dan Borang Persetujuan	213
Lampiran E	Contoh RPH Oleh Peserta GPI2	217
Lampiran F	Contoh Video Youtube PdPc Oleh Responden GPI2	218
Lampiran G	Tanskrip Temu bual	219
Lampiran H	Pengesahan Transkrip Temu bual oleh Peserta	222
Lampiran I	Surat Lantikan Pakar, Semakan Soalan Protokol	224
Lampiran J	Surat Lantikan Pakar Penilai Semakan dan Kebolehpercayaan antara Pakar	225
Lampiran K	Contoh Penilaian Interater untuk Cohen Kappa	226

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	ḍamīr
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبطة	habaṭa
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasar

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	fa ^ʿ ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اِ، اِي	a	كاتب ، قاضي	katib, qaḍa
ي	i	كريم	karim
و	u	حروف	ḥuruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَوْ	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	iiy/i	ي	raj ^ʿ iiy
و	uww/u	عدو	^ʿ aduww / ^ʿ adu

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada 'a' bukan kepada 'a'. Contoh: أكبر , transliterasi: *akbar* bukan *'akbar*.
2. Huruf Arab ة (*ta' marbutah*) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'. Contohnya: وزارة التعليم , transliterasi: *wizarat al-ta^ʿlim*, bukannya *wizarah al-ta^ʿlim*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *ta' marbutah* ditransliterasikan kepada h.

Contoh**Transliterasi**

1. المكتبة الأهلية

al-Maktabah al-Ahliyyah

2. قلعة

qal^ʿah

3. دار و هبة


Dar Wahbah

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Definisi teknologi pendidikan digital	25
Jadual 2.2	Ringkasan kajian-kajian lepas mengenai pengetahuan guru berkaitan dengan YouTube	59
Jadual 2.3	Ringkasan kajian-kajian lepas berkaitan kemahiran guru berkaitan dengan YouTube	62
Jadual 2.4	Ringkasan kajian-kajian lepas berkaitan cabaran YouTube dalam pengajaran	65
Jadual 2.5	Rumusan kajian-kajian terdahulu berkaitan penggunaan YouTube dalam Pendidikan Islam	69
Jadual 3.1	Rumusan proses pengumpulan data temu bual	77
Jadual 3.2	Senarai pakar bagi pengesahan data kajian	88
Jadual 3.3	Skala Interpretasi Nilai Cohen Kappa	89
Jadual 4.1	Profil informan	91
Jadual 4.2	Tema dan Sub Tema	92
Jadual 4.3	Tema dan sub-tema	121
Jadual 4.4	Tema dan sub tema	139

SENARAI ILUSTRASI


No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka konseptual kajian	15
Rajah 2.1	Ciri-ciri bilik darjah digital	29
Rajah 2.2	Alat teknologi pendidikan	35
Rajah 2.3	<i>Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK)</i>	42
Rajah 2.4	Model penerimaan teknologi (<i>The technology acceptance model</i>)	52
Rajah 3.1	Pengumpulan data kajian	83
Rajah 3.2	Proses kesahan dan kebolehpercayaan	90



SENARAI SINGKATAN

4IR	Teknologi Revolusi Industri Keempat
ATT	<i>Attitude Towards Technology</i>
AYU	Akademi YouTuber
BI	<i>Behavioural Intention</i>
CK	<i>Content Knowledge</i>
COVID-19	<i>Corona Virus Disease-19</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EFL	<i>English as a Foreign Language</i>
EPRD	Education Planing and Research Division
GPI	Guru Pendidikan Islam
HIMPAUDI	Himpunan Pendidik dan Tenaga Kependidikan Anak Usia Dini Indonesia
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
KAP	<i>Knowledge, Attitude, Practice</i>
KBAT	Kemahiran Berpikir Aras Tinggi
KPM 2021	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK-21	Penerapan Pembelajaran Abad ke-21
PAUD	Pendidikan Anak Usia Dini
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PEU	<i>Perceived Ease of Use</i>
PIK	Pedagogi Isi Kandungan
PK	Pedagogi Knowledge
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PU	<i>Perceived Usefulness</i>

RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SWT	<i>Subhanahuwata'ala</i>
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TCK	<i>Teknologi Content Knowledge</i>
TK	Technologi Knowledge
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TPACK	<i>Technology Pedagogy Content Knowledge</i>
TPK	<i>Knowledge Technology Pedagogy</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
URL	<i>Uniform Resource Locator</i>
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i>
WWW	<i>World Wide Web</i>



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dalam era digital semasa, YouTube telah menjadi platform yang sangat popular dan berguna dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan. Para guru dituntut memanfaatkannya sesuai kemajuan zaman mulai dari merancang, melaksanakan, dan mengevaluasi pembelajaran (Baihaqi et al. 2020; Setiawan et al. 2018). Dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah, pengetahuan dan kemahiran YouTube boleh memberi manfaat yang besar. Pengetahuan dan kecekapan YouTube merujuk kepada pemahaman dan kemahiran dalam mengakses, memilih dan menggunakan kandungan yang relevan dan berkualiti dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam. Guru dapat memanfaatkan pelbagai saluran YouTube yang ada untuk menyampaikan bahan pembelajaran yang menarik dan interaktif, sekaligus menjadikannya medium pengajaran yang penting (Kamlin & Tan Choon 2020). Kajian oleh Hossain et al. (2022) di Bangladesh menunjukkan bahawa penggunaan platform seperti YouTube dalam pendidikan dapat meningkatkan penglibatan pelajar dan keberkesanan pembelajaran, terutamanya dalam subjek-subjek yang memerlukan pendekatan visual dan interaktif.

Salah satu faedah utama menggunakan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam ialah keupayaannya untuk mempersembahkan kandungan multimedia yang kaya, seperti video, animasi dan persembahan visual (Gurkan Dagbasi et al. 2023; Nur Fatin et al. 2021). Ini dapat membantu meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap bahan yang diajar. Selain itu, YouTube juga membenarkan akses kepada sumber pendidikan yang lebih luas, seperti khutbah, syarahan dan perbincangan daripada ulama dan ulama Islam terkemuka. Sepertimana menurut Nur Setiyana dan

Anggun Badu (2021) bahawa YouTube ialah platform dalam talian yang membolehkan orang berkongsi video dan menyampaikan pengajaran. Begitu juga, kajian oleh Chan et al. (2020) di Singapura menunjukkan bahawa penggunaan YouTube dalam pendidikan dapat meningkatkan interaksi pelajar dengan bahan pengajaran, sekaligus memperkukuhkan pembelajaran.

Walaupun YouTube boleh menjadi alat yang berguna, terdapat beberapa cabaran yang perlu diambil perhatian apabila menggunakannya. Salah satunya ialah kemungkinan terdedah kepada kandungan yang tidak sesuai atau tidak tepat. Guru perlu memilih kandungan yang betul, memastikan bahan yang disampaikan mengikut kurikulum dan nilai-nilai Islam yang betul. Selain itu, menggunakan YouTube juga boleh memberikan cabaran dari segi pengurusan masa. Dalam pengajaran pendidikan Islam, guru perlu mengawal tempoh dan kekerapan penggunaan YouTube agar tidak mengganggu masa pembelajaran yang berkesan.

Dalam menghadapi cabaran ini, guru perlu memastikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang YouTube, termasuk pemahaman tentang dasar privasi dan keselamatan platform. Selain itu, guru juga perlu terus mengembangkan kemahiran mereka dalam menyampaikan bahan pembelajaran yang menarik dan bermaklumat melalui YouTube. Secara keseluruhannya, pengetahuan dan kemahiran YouTube boleh menjadi aset berharga dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Dengan pemahaman yang baik tentang penggunaan YouTube yang sesuai dan memberi perhatian kepada cawangan sedia ada, guru boleh menggunakan platform ini untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemahaman pelajar tentang nilai-nilai Islam.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Peranan guru sangat penting dalam menentukan corak pengajaran yang hendak disampaikan kepada para pelajar. Sejarah telah banyak membuktikan perubahan demi perubahan sistem pendidikan yang dilakukan ke arah kecemerlangan sesebuah institusi. Oleh itu, sudah pastinya fungsi guru tidak terkecuali untuk menjayakan hasrat dan impian negara. Tambahan pula apabila tercetusnya pandemik negara yang

berlaku sebelum ini telah menuntut pantas kesediaan guru lebih pro aktif, kreatif dan bersiap siaga mental fizikal untuk menghadapi cabaran dan isu dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan surat siaran bertarikh 27 Mac 2020 Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 3 iaitu, garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa perintah kawalan pergerakan akibat penularan jangkitan COVID-19 (KPM 2021). Ketika itu, semua tenaga kerja dalam institusi pendidikan terpaksa mengubah kaedah pengajaran mereka daripada kaedah tradisional kepada mod dalam talian (Kamaruddin et al. 2022). Situasi ini telah membuka ruang dan peluang kepada semua guru untuk meneroka dan memanfaatkan apa jua aplikasi teknologi atau platform yang tersedia di dunia maya untuk diadaptasi dalam pengajaran mereka secara menyeluruh (Rerah et al. 2021).

Situasi tersebut telah menyebabkan teretusnya idea dan inisiatif seorang guru hebat yang diketuai oleh cikgu Muhammad Suffi Yusof dengan beberapa rakan guru Malaysia untuk mewujudkan Akademi YouTuber (AYU) pada 2 Julai 2020, bertujuan melahirkan guru-guru Malaysia yang berkemahiran menghasilkan video-video PdPc yang berkualiti, bagi memenuhi dan melengkapkan keperluan pengajaran guru dari semasa ke semasa ke arah pendidikan digital negara, memartabatkan profesion perguruan di Malaysia dan melahirkan generasi berdaya saing dalam era globalisasi digital (Press AYU 2021). Walau bagaimanapun, usaha yang dilakukan oleh barisan tertinggi Jawatankuasa Akademi YouTuber untuk melahirkan guru-guru yang mahir membina channel YouTube sendiri dan menghasilkan kandungan video-video PdP yang berkualiti terutamanya Guru Pendidikan Islam (GPI) masih belum memuaskan apabila data menunjukkan GPI sekolah menengah yang terlibat secara langsung dalam AYU masih sedikit. Seramai 47 orang GPI seluruh negeri yang terlibat dan hanya 36 orang GPI yang berjaya melepasi syarat graduasi daripada modul yang disediakan, yang berjaya bergelar YouTuber Pendidikan mewakili GPI seluruh negeri di Malaysia setakat awal tahun 2023 (Akademi YouTuber 2023).

YouTube merupakan antara teknologi digital pendidikan yang popular dan telah menjadi media pembelajaran yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehan dan kemahiran pelajar (Bozkurt & Sharma 2018). Selain itu, YouTube juga merupakan salah satu media sosial atau laman web yang boleh diakses

pada bila-bila masa tanpa mengenal sempadan ruang dan masa (Suwarto et al. 2022). Penggunaan YouTube boleh mempengaruhi motivasi diri dan pembelajaran boleh dilakukan secara sendiri oleh pelajar (Widiantari et al. 2023). Melalui penguasaan YouTube dalam pengajaran, guru dapat memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013) iaitu pada anjakan yang ke-7 ‘Memanfaatkan *Information and Communications Technology* (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia’. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah mengubah sempadan dalam komuniti. Dunia kini mengalami perubahan dalam arus pendidikan, di mana guru dan semua orang yang terlibat dalam dunia pendidikan secara tidak langsung menjadi komuniti dalam talian dan digital.

Menurut Chien dan Liu (2021) penggunaan YouTube semasa proses pengajaran memberi manfaat kepada guru dan pelajar. Menarik perhatian pelajar, menumpukan tumpuan pelajar, melihat peristiwa yang sukar, meningkatkan minat pelajar terhadap subjek, meningkatkan perspektif mereka terhadap kandungan, membina hubungan dengan pelajar, memupuk kreativiti, meningkatkan kerjasama, memotivasi pelajar, menjadikan pembelajaran menyeronokkan, mengurangkan kebimbangan mereka tentang subjek yang menakutkan dan meningkatkan pemahaman mereka. Dreon dan Dietrich (2009) menyatakan bahawa guru menyambut baik penggunaan YouTube sebagai motivasi untuk penstriman video dalam pendidikan sebagai medium yang menarik dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Menurut pelbagai penemuan penyelidikan terkini, YouTube dikhususkan sebagai sistem dalam talian (Saed et al. 2021; Szeto et al. 2016; Thanissaro & Kulupana 2015; Yaacob & Saad 2020), dapat memudahkan proses pembelajaran. Di tengah-tengah wabak COVID-19, YouTube juga mempunyai pengaruh yang baik terhadap proses pembelajaran dalam talian (Putri et al. 2021). YouTube merupakan platform media sosial paling popular di banyak negara (Fyfield et al. 2021). Platform rangkaian sosial ini memaparkan berita terkini serta maklumat pengajaran. Selain itu, masyarakat boleh memanfaatkannya sebagai alat untuk mengembangkan ilmu pengetahuan (Samosir et al. 2018), khususnya dalam membina kemahiran penggunaan

YouTube (Kristiawan et al. 2023). Oleh itu, guru harus memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi cabaran yang akan berlaku dalam dunia pendidikan pada masa yang akan datang berkaitan dengan teknologi seperti YouTube.

Pengetahuan kepada YouTube adalah penting, menurut Syaida dan Fariza (2016), pengetahuan pedagogi yang sesuai untuk berkongsi bahan rujukan yang berkesan dalam menjalankan aktiviti pembelajaran di bilik darjah adalah YouTube. Melalui penerapan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) dan pengintegrasian teknologi dalam aktiviti pembelajaran, boleh membantu guru dalam mencapai proses pengajaran yang berkesan (Nur Aqilah & Noor Dayana 2020). Pada masa kini, YouTube di gunakan oleh guru dan pelajar untuk mencari sumber pengetahuan (Saban 2020). Harapan dari anjuran tersebut ialah agar pendidik dapat memperoleh pengetahuan yang lebih luas dan terbaru. Menurut Septantiningtyas dan Hafidzah (2022) melalui YouTube guru boleh mengembangkan pengetahuan sehingga sampai pada fasa profesional. Dengan demikian, apabila guru memiliki pengetahuan yang tinggi maka akan sangat mudah menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar melalui YouTube (Narzullayevna 2020).

Selain pengetahuan, kemahiran juga berperanan penting bagi guru dalam penyampaian pembelajaran menggunakan YouTube. Media YouTube memberi impak yang ketara kepada pembelajaran, penulisan, dan kemahiran teknologi (Sulsilawati et al. 2021). Guru boleh menggunakan YouTube untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna. YouTube adalah salah satu alat media sosial yang paling kerap digunakan bersama-sama dengan alat media sosial yang lain mahupun bukan sosial, terutamanya dalam konteks pengajaran di sekolah menengah (Szeto 2016). Kajian lepas mengenai kemahiran penggunaan YouTube, seperti Arsana (2020), Safitri dan Sontani (2016), Shofiyah et al. (2021), menunjukkan bahawa motivasi pelajar dan kemahiran teknologi YouTube pengajar berkait rapat. Selain itu, beberapa kajian terdahulu mengkaji kesan YouTube terhadap pembelajaran (Anugrahaana 2020; Habibah et al. 2020; Kristiawan et al. 2021; Putri et al. 2021). Terdapat juga beberapa kajian melihat bagaimana YouTube boleh digunakan untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran teknologi mereka (Colim et al. 2022; Subaih et al. 2021; Vaataja & Ruokamo 2021).

Walaupun begitu, banyak cabaran yang wujud di pelbagai sudut dalam usaha guru Pendidikan Islam untuk menerapkan Pendidikan Digital (Mohd Amirul & Hafizhah 2022). Isu ini turut diakui oleh Amala et al. (2020) yang menyatakan ramai pendidik yang kurang mahir menghadapi cabaran untuk menggabungkan teknologi dalam PdPc kelas mereka dengan berkesan. Di Indonesia, Agusdianita et al. (2021) dalam kajiannya menyatakan bahawa antara cabaran yang dihadapi guru adalah penggunaan YouTube di sekolah terpencil dan di kawasan yang tidak boleh menjangkau penggunaan internet, sehingga pembelajaran menggunakan YouTube dirasai kurang berkesan. Sementara kajian di Malaysia oleh Moghavvemi et al. (2018) penggunaan YouTube terhad kepada pelajar sahaja tanpa melibatkan guru dan ia adalah bukan dalam kitaran pendidikan. Di Arab Saudi, kajian yang dijalankan oleh Albahiri and Alhaj (2020), bahawa beliau menhadkan kajian kepada satu sekolah dan hanya kepada 3 orang pelajar sahaja. Selain itu beliau tidak menggunakan kaedah yang sesuai dalam menyampaikan pengajaran melalui YouTube kepada pelajar.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa YouTube berpotensi besar dalam meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Walaupun terdapat cabaran seperti kekurangan kemahiran teknologi di kalangan guru dan masalah akses infrastruktur, YouTube dapat membantu guru dalam menghasilkan kandungan pengajaran yang interaktif dan bermakna. Untuk memaksimumkan manfaatnya, guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam menggunakan platform ini. Oleh itu, sokongan berterusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam bentuk latihan dan penyediaan kemudahan adalah penting untuk memastikan penggunaan YouTube dapat diterapkan secara meluas, selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kajian kualitatif yang dijalankan oleh Sanmugam et al. (2023) mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang timbul dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian, terutamanya berkaitan dengan teknologi digital. Antara isu utama yang dikenal pasti adalah kekurangan interaksi dua hala antara guru dan pelajar. Isu ini, menurut kajian

tersebut, telah memberi kesan terhadap keberkesanan pembelajaran atas talian, menjadikannya tidak praktikal dan kurang menyokong proses pembelajaran yang seimbang. Kajian ini turut menunjukkan bahawa halangan-halangan ini menyebabkan matlamat pembelajaran tidak dapat dicapai sepenuhnya, yang menghalang perkembangan pembelajaran yang optimum dalam kalangan pelajar (Deepika 2020).

Selanjutnya, kajian Manickam dan Khalid (2023) turut memperlihatkan kekurangan pengetahuan guru, khususnya dalam menguasai penggunaan teknologi untuk menghasilkan bahan pengajaran yang interaktif. Dalam konteks Pendidikan Islam, mereka mendapati bahawa guru tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam memanfaatkan ICT, termasuk aplikasi YouTube, untuk memperkaya pengajaran mereka. Kekurangan ini membatasi kemampuan guru untuk mengoptimalkan penggunaan media digital dalam pembelajaran, sekaligus menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara atas talian. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa walaupun teknologi seperti YouTube mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran, masalah kekurangan pengetahuan dan kemahiran di kalangan guru perlu ditangani terlebih dahulu agar pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sylviano dan Hasmadi (2019) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan teknologi digital, khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian, masih berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini seiring dengan kajian Suzlina dan Jamaludin (2016) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan guru terhadap aplikasi Web 2.0, seperti YouTube, juga masih pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun teknologi semakin berkembang, terdapat jurang dalam penguasaan guru terhadap alat-alat ini untuk meningkatkan proses pembelajaran dalam talian. Selain itu, Destya dan Izza (2022) mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru ketika menggunakan YouTube dalam pengajaran. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah kesukaran dalam mencari kandungan yang sesuai dengan bahan pengajaran dan masalah teknikal seperti kesukaran dalam memuat turun video, yang memakan masa lebih lama disebabkan kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi.

Dalam kajian oleh Fathuddin et al. (2023), juga ditemukan bahawa penerapan kaedah pengajaran yang lebih baik dan penggunaan teknologi pendidikan, termasuk YouTube, masih memerlukan penambahbaikan. Hal ini memberi kesan langsung kepada tahap pengetahuan guru dalam menggunakan aplikasi tersebut secara efektif. Kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan kemahiran guru dalam menggunakan teknologi digital perlu dipertingkatkan agar mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi media seperti YouTube untuk memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, terutamanya dalam pengajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, penambahbaikan dalam aspek latihan dan sokongan kepada guru adalah langkah penting untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan teknologi dalam bilik darjah.

Manakala dalam kajian Destya Ramadhina dan Izza Rohman (2022) mendapati bahawa terdapat lima masalah utama yang dirasai oleh guru semasa penggunaan media YouTube antaranya kekurangan peranti untuk memaparkan video, kesukaran mencari kesesuaian kandungan dengan bahan pengajaran, kesukaran dalam proses memuat turun video yang mengambil masa yang lama disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan kemahiran guru, kesukaran mengurus masa semasa proses pembelajaran, serta kesukaran mengawal sikap pelajar untuk fokus terhadap pembelajaran. Oleh itu, Saban Aslihan (2020) mencadangkan agar sekolah dan guru dapat membangunkan aktiviti berkenaan peningkatan pengetahuan pedagogi YouTube yang berkesan. Selain itu, kerajaan perlu memperhatikan agar sekolah lebih awal memperkenalkan teknologi secara lebih mendalam, kerana pada masa kini pengetahuan dan pendekatan dalam era teknologi digital cukup diterima oleh generasi muda dan orang dewasa (Jailani & Suyadi 2023).

Selanjutnya, kajian yang telah dijalankan oleh Nurul Farhana dan Mohd Faisal (2021), mendapati kemahiran GPI terhadap PdP dalam talian yang melibatkan teknologi adalah masih pada tahap yang sederhana. Fyfield (2021) dalam kajiannya menyatakan guru kerap menggunakan YouTube untuk memilih video dalam pembelajaran, tetapi kemahiran proses yang mereka gunakan untuk memilih sumber ini kurang dipelajari. Ramai guru yang tidak mempunyai kemahiran mengendalikan teknologi komputer, khasnya menjadikan bahan-bahan yang menarik untuk pelajar mereka (Kristiawan et al. 2023). Manakala dalam kajian Agus Suradika et al. (2020)

mendapati bahawa kemahiran guru dalam menggunakan platform YouTube perlu dipertingkatkan.

Walau bagaimanapun terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi GPI dalam penggunaan YouTube. Kajian oleh Balbay dan Kilis (2017) mendapati hasil kajian bahawa pelajar mendapat manfaat daripada penggunaan YouTube, tetapi ia terhad kepada satu video pada tahun pertama. Manakala dalam kajian di Negara Israel oleh Dubovi dan Tabak (2020) iaitu, berkaitan dengan interaksi pelajar yang tidak formal dalam komen mereka di YouTube, ia tidak boleh mengukur pembelajaran sebenar yang paling penting dan diperlukan dalam kitaran pengajaran. Selain itu penggunaan YouTube terhad kepada satu subjek sahaja (Dubovi & Tabak 2020). Selanjutnya, beliau hanya menggunakan aplikasi YouTube sahaja, tetapi tidak melakukan kajian berkaitan dengan penggunaan YouTube kepada individu secara statistik. Cabaran YouTube juga dirasai oleh Bohloko et al. (2019) bahawa kajian terhad kepada satu sekolah sahaja sehingga melibatkan populasi dan subjek yang kecil. Selain itu kurangnya latihan guru berkaitan aplikasi YouTube menjadikan kerja amali dalam konteks sumber makmal kurang berkesan (Bohloko et al. 2019).

Seterusnya, dalam kajian Fidan dan Debbag (2018) menunjukkan bahawa dalam pembuatan vlog video, guru praperkhidmatan merasa tegang, teruja dan malu. Selain itu, mereka mempunyai cabaran pembetulan berkaitan dengan rakaman yang salah dan mereka mempunyai kebimbangan tentang kerahsiaan berkaitan dengan video tersebut. Manakala dalam kajian D'Aquila et al. (2019) bahawa walaupun mereka menyukai video YouTube tetapi tidak mahu menggunakannya, pelajar masih memilih pengajaran konvensional. Sementara di Jordan kajian yang dijalankan oleh Habes et al. (2019) bahawa guru hanya boleh menggunakan satu ciri YouTube dan mengabaikan ciri lain yang penting. Iftikhar et al. (2019) turut menjalankan kajian di Pakistan, bahawa penggunaan YouTube masih amat terhad, ia terhad kepada satu ciri YouTube sahaja dan tidak membincangkan proses tutorial bilik darjah atau kaedah penggunaan YouTube sebagai bahan pengajaran.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Hasin Anuar et al. (2020), isu yang dikaitkan dengan YouTube, seperti yang ditunjukkan oleh 55% responden mempunyai

masalah dengan internet dan line yang agak lambat. Jaringan internet lemah dan aksesibiliti yang terhad menjadi cabaran penggunaan YouTube. Ini termasuklah juga berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran guru yang masih kurang tentang penggunaan internet yang mana mereka juga menghadapi kesulitan dalam pencarian dan mengenal pasti maklumat tertentu (Kasturi & Norasmah 2022). Kebanyakan guru mengambil masa yang lama untuk mencari maklumat dengan menggunakan internet dan ada guru yang masih tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam melayari internet. Akibat kelemahan tersebut, mereka berasa malu, risau akan diketahui oleh para pelajar (Suzlina 2016), akhirnya guru menjadi malas untuk menggunakan aplikasi digital dan internet sebagai bahan bantu mengajar mereka. Begitu juga, dalam kajian Arif Abd Aziz dan Abdurakhmonovich (2023) menjalankan kajian di Sekolah Madrasah Ibtidaiyah mendapati bahawa kelas digital pintar termasuk penggunaan YouTube benar-benar boleh merangsang kreativiti guru apabila mereka mencari cara terbaik untuk membuat bahan pengajaran. Namun, antara cabaran yang dihadapi guru dalam penggunaan kelas digital ialah batasan gajet yang menyokong penggunaan kelas digital, kemahiran guru, dan peraturan sekolah untuk menyediakan sokongan.

Di samping memiliki kesan yang mencabar berkaitan YouTube, dalam kajian Jackman (2019) di Sepanyol bahawa YouTube dapat digunakan untuk penjelasan yang sukar dan mencabar. Kajian oleh Asiah et al. (2023) menunjukkan bahawa penggunaan penstriman langsung YouTube telah memberi manfaat kepada proses pembelajaran dalam empat cara, iaitu meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar, meningkatkan keupayaan pelajar menggunakan teknologi, menjemput pelajar kepada proses pembelajaran sebenar, dan meningkatkan kreativiti guru. Empat faedah tersebut merupakan bukti bahawa media pembelajaran yang baik memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, YouTube boleh memainkan peranan penting dalam akademik pelajar sekolah menengah (Srinivasacharlu 2020).

Pembudayaan pendidikan digital seperti YouTube merupakan salah satu alternatif yang menarik dalam mengikuti trend terkini di era digital ini. Dengan memanfaatkan teknologi seperti platform digital, pembudayaan pendidikan dapat menjadi lebih interaktif, menarik, dan relevan bagi generasi muda. Merupakan salah

satu trend popular, boleh dijadikan medium berbentuk ilmiah untuk berkongsi dan menyampaikan maklumat dalam PdPc antara guru dan pelajar (Rigianti 2020; Wahyono et al. 2020). Aplikasi YouTube berfungsi sebagai platform e-pembelajaran, mengubah pengajaran tradisional kepada pengajaran berasaskan teknologi. Pendidik boleh menyampaikan ilmu kepada pelajar melalui pelbagai medium seperti video, audio, imej, dan komunikasi teks serta pendekatan ini juga dapat dikaitkan dengan m-pembelajaran, memupuk interaksi yang lebih luas antara guru, pelajar, rakan sebaya, dan bahan pembelajaran (Sarina Aini et al. 2020; Sarina Aini & Nur Atikah 2021).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, beberapa jurang kajian berkaitan penggunaan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah dapat dikenalpasti. Kajian oleh Alhashmi dan Moussa-Inaty (2021) menunjukkan bahawa, walaupun terdapat penglibatan dalam pembangunan profesional guru Pendidikan Islam, pengetahuan mendalam tentang penggunaan teknologi dalam pengajaran masih terhad. Kajian ini tidak menyorot penggunaan YouTube untuk mengatasi cabaran mengajar subjek yang lebih kompleks dalam Pendidikan Islam, seperti tafsir atau fiqh, sekali gus menunjukkan perlunya kajian lebih lanjut mengenai cara guru dapat memanfaatkan YouTube dalam menyampaikan pelajaran yang lebih mendalam dalam konteks ini. Kajian Abubakar dan Muhammed (2023) pula mengkaji penggunaan YouTube dalam pedagogi guru secara umum, tetapi tidak memberi fokus khusus kepada guru Pendidikan Islam. Ini mencadangkan jurang dalam penyelidikan yang mengupas bagaimana guru Pendidikan Islam dapat menggabungkan YouTube untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Selain itu, kajian oleh Alhrahsheh et al. (2024) mengkaji impak YouTube terhadap motivasi pelajar, tetapi tidak memberi penekanan terhadap cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam menggunakan platform ini secara efektif dalam bilik darjah. Hal ini membuka ruang bagi kajian mendalam mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru, seperti masalah akses internet, kemahiran teknikal, dan kesiapsiagaan pelajar dalam menggunakan teknologi ini.

Selain itu, kajian oleh Fanani (2024) yang memfokuskan kepada penggunaan YouTube dalam madrasah menunjukkan keberkesanan platform ini dalam meningkatkan hasil pembelajaran, namun ia tidak memberi perhatian kepada konteks

sekolah menengah dan Pendidikan Islam secara spesifik. Ini menunjukkan perlunya kajian lanjut untuk menilai bagaimana YouTube boleh digunakan secara efektif untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap nilai-nilai Islam. Tambahan pula, kajian oleh Rini dan Suharto (2024) menyoroti isu stereotaip agama dan manipulasi dalam video pendidikan YouTube, yang boleh memberi kesan terhadap persepsi pelajar terhadap pengajaran agama. Jurang ini menggariskan keperluan untuk kajian yang lebih mendalam mengenai kesan kandungan YouTube yang tidak tepat atau memutarbelitkan maklumat, terutamanya dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Semua jurang ini menunjukkan bahawa penyelidikan yang lebih khusus dan terfokus perlu dijalankan untuk menilai dengan lebih mendalam penggunaan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam, serta kesan dan cabarannya dalam kalangan guru dan pelajar.

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang diberikan, jelaslah bahawa terdapat banyak isu berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran serta cabaran guru dalam penggunaan YouTube. Kajian lepas yang berkaitan dengan YouTube dalam Pendidikan Islam, seperti kajian Gunada (2018), Kabooha dan Elyas (2015), Koksai (2004), Tan dan Carol (2013), Noraziela dan Nor Azira (2010), Kabooha dan Elyas (2015), Sethela et al. (2014), Wail Ismail et al. (2017), Alwehaibi dan Abdulrahman (2013), Suheri et al. (2023), Fibrianto et al. (2023), Gürkan Dagbasi et al. (2023), Alhashmi dan Moussa-Inaty (2021), Abubakar dan Muhammed (2023), Alhrahshah et al. (2024), Fanani (2024), Rini dan Suharto (2024). Dalam kajian lepas kebanyakannya penyelidik mengkaji terhadap peringkat awal kanak-kanak dan pelajar universiti. Masih sedikit yang mengkaji dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian lepas menghadkan kepada pelajar, tanpa melibatkan guru seperti kajian yang dijalankan oleh Agusdianita et al. (2021) dan Moghavvemi et al. (2018). Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik ingin memfokuskan kajian mengenai guru khususnya Guru Pendidikan Islam sekolah menengah dari aspek pengetahuan dan kemahiran penggunaan aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran di sekolah menengah. Kajian ini diharapkan dapat membantu dan menyumbangkan kebaikan solusi kepada pendidikan negara ke arah pendidikan yang berkualiti, kompetensi dan dinamik.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian, secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneroka pengetahuan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.
2. Meneroka kemahiran aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.
3. Memahami cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif di atas, kajian ini dirangka bagi menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran?
2. Bagaimanakah kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam

1.7 KERANGKA KONSEPTUAL


Kerangka konseptual merupakan panduan utama dalam penyelidikan yang berfungsi untuk memastikan kajian berjalan lancar dan tidak tersasar daripada objektif yang ditetapkan (Ghazali & Sufean 2018). Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan pada pengetahuan, kemahiran, dan cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam

(GPI) di sekolah menengah dalam menggunakan YouTube sebagai alat pengajaran dalam PdP. Kajian ini bertujuan untuk menilai bagaimana aplikasi YouTube boleh menjadi alat yang efektif dalam mempertingkatkan pembelajaran agama Islam, yang lebih interaktif dan menarik, terutamanya dalam era digital yang serba canggih ini (Muhammad Zulazizi 2020). Oleh itu, pemahaman tentang keupayaan penggunaan teknologi oleh guru menjadi sangat penting kerana kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi seperti YouTube boleh menjejaskan pencapaian matlamat pengajaran.

Dalam kajian ini, teori yang digunakan ialah TPACK (*Technology Pedagogy Content Knowledge*), yang menggabungkan tiga elemen utama dalam pengajaran, iaitu teknologi, pedagogi, dan kandungan. TPACK membantu memahami bagaimana teknologi dapat dipadankan dengan kaedah pedagogi yang sesuai dan kandungan pengajaran untuk meningkatkan keberkesanan proses PdP. Menurut Shulman (1986) dan Mishra dan Koehler (2006), teori TPACK memberi tumpuan kepada kepentingan integrasi teknologi dalam pendidikan, di mana guru perlu menguasai ketiga-tiga elemen ini untuk menyampaikan ilmu dengan lebih efektif. Teori ini relevan untuk kajian ini kerana YouTube merupakan medium teknologi yang memerlukan kefahaman dalam penggunaan pedagogi yang sesuai bagi memastikan pembelajaran pelajar tidak hanya terbatas kepada paparan video semata-mata, tetapi juga mencipta interaksi yang berkesan antara guru dan pelajar.

Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan model KAP (*Knowledge, Attitude, Practice*), yang menerangkan hubungan antara pengetahuan, sikap, dan amalan seseorang dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran. Pengetahuan yang baik tentang aplikasi YouTube akan mempengaruhi sikap positif terhadap penggunaan teknologi tersebut, dan seterusnya meningkatkan amalan pengajaran yang lebih efektif. Model ini menyarankan bahawa guru yang memiliki pengetahuan yang tinggi mengenai YouTube akan lebih cenderung untuk menggunakan teknologi ini dalam PdP mereka untuk meningkatkan kecekapan pengajaran mereka. Di samping itu, kajian ini juga berlandaskan falsafah Imam Al-Ghazali, yang menekankan pentingnya pendidikan yang seimbang antara pengetahuan duniawi dan ukhrawi. Dalam konteks ini, penerapan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam melalui YouTube bukan

hanya untuk menyampaikan ilmu, tetapi juga untuk menguatkan pembentukan akhlak dan etika dalam kalangan pelajar. Falsafah ini menjadikan kajian ini lebih holistik, dengan memberi penekanan bukan hanya pada teknologi, tetapi juga pada nilai-nilai pendidikan Islam yang perlu diterapkan dalam proses PdP. Secara terperinci kerangka konseptual kajian ini seperti dalam Rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan Rajah di atas, pengetahuan dan kemahiran guru mengenai YouTube menjadi aspek penting bagi pengajaran Pendidikan Islam. Pendidikan Islam melalui YouTube dalam teori Imam Al-Ghazali dapat diterapkan dengan menekankan bahawa penggunaan teknologi harus membawa manfaat bukan hanya dalam aspek pengetahuan tetapi juga dalam pembangunan akhlak pelajar. Kajian oleh Samsudin dan Zahari (2022) menunjukkan bahawa penggunaan platform seperti YouTube dapat memberikan pembelajaran yang lebih interaktif, di mana pelajar bukan sahaja

menerima ilmu tetapi juga dapat mengembangkan motivasi dan minat mereka terhadap subjek sehingga pengajaran menjadi lebih berkesan. Ini selaras dengan prinsip Imam Al-Ghazali yang menggalakkan pembelajaran yang bukan sahaja memberi impak kepada ilmu tetapi juga membentuk akhlak yang baik.

Selain itu, kajian oleh Mohd Amirul dan Hafizhah (2022) menyorot cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (GPI), di mana ramai guru yang masih kekurangan kemahiran dalam menghasilkan kandungan video yang berkualiti dan memanfaatkan sepenuhnya potensi YouTube. Ini menunjukkan bahawa dalam kerangka TPACK, penguasaan teknologi dalam kalangan guru perlu dipertingkatkan supaya mereka dapat mengintegrasikan teknologi dengan lebih berkesan dalam proses pengajaran Pendidikan Islam. Kajian ini menyarankan bahawa latihan dan pengembangan profesional perlu diberikan kepada guru supaya mereka dapat menguasai kemahiran teknikal dan pedagogi dalam menggunakan platform seperti YouTube dengan lebih efektif.

Penggunaan teori Imam Al-Ghazali dan teori TPACK dalam kajian ini menawarkan kerangka yang holistik untuk meneroka pengajaran Pendidikan Islam menggunakan teknologi, khususnya YouTube. Teori Al-Ghazali menekankan pentingnya ilmu yang bermanfaat dan pembentukan akhlak dalam pendidikan, yang boleh dicapai melalui penggunaan teknologi dengan bijak. Di sisi lain, teori TPACK memberikan panduan bagaimana pengetahuan kandungan, pedagogi, dan teknologi harus digabungkan dengan efektif untuk mencapai pengajaran yang berjaya. Kajian lepas memberikan sokongan bahawa YouTube boleh menjadi platform yang efektif untuk pendidikan Islam, tetapi penguasaan teknologi dan pedagogi yang lebih baik oleh guru masih diperlukan untuk memaksimumkan potensinya.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini untuk mengenal pasti dan meneroka sejauh mana aplikasi YouTube dapat memberi kesan terhadap pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI), pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai YouTube sebagai medium alternatif pembelajaran

yang interaktif dan menarik bagi generasi masa kini. Kajian ini dapat dimanfaatkan kepada guru, pelajar, dan industri pendidikan itu sendiri.

YouTube membolehkan Guru Pendidikan Islam mencipta bahan pembelajaran interaktif yang menarik dan berkesan. Video boleh distrukturkan dalam format yang menarik, menggabungkan animasi, grafik, dan rakaman langsung untuk menerangkan konsep Pendidikan Islam secara visual dan komprehensif (Hepi Ikmal 2023). Ini membantu pelajar dalam memahami konsep agama dengan lebih baik. Kebolehcapaian dan jangkauan maklumat luas kerana YouTube merupakan platform global yang membolehkan pelajar dari pelbagai latar belakang dan lokasi mengakses bahan pembelajaran Pendidikan Islam. Ini penting untuk memupuk pendidikan inklusif dan tanpa sempadan. Pelajar dari kawasan luar bandar atau mereka yang mempunyai akses terhadap sumber pembelajaran tradisional juga boleh mendapat manfaat daripada kandungan YouTube. Jelaslah bahawa guru dan pelajar yang kreatif dan inovatif dalam menyampaikan pendidikan, dapat membantu dalam sistem pendidikan negara kerana guru mempunyai kepakaran serta dapat mengurangkan jurang keciciran dalam pendidikan Malaysia contohnya ketika berlakunya pandemik COVID-19 sebelum ini, pelajar boleh menerima pendidikan walaupun tidak dapat pergi ke sekolah.

Dari aspek komuniti pula dapat melahirkan masyarakat celik digital sekali gus melancarkan proses pendidikan yang pelbagai setanding negara luar dan sudah tentunya sebagai *value added* kepada guru dan pelajar. Ternyata guru yang berkebolehan ICT dapat menjimatkan masa dan kos guru kerana boleh menyampaikan ilmu di mana sahaja berada.

Manakala dari sudut industri, kepentingan juga dapat dilihat dari ciri sepunya yang mana YouTube merupakan salah satu medium komersil terbaik. Aplikasi YouTube merupakan salah satu nilai tambah kepada kepakaran guru-guru yang mana kepakaran tersebut boleh menarik minat pelajar luar atau pengusaha luar ingin menggunakan perkhidmatan menggunakan kepakaran guru-guru di Malaysia. Secara tidak langsung keaktifan penggunaan aplikasi YouTube dalam kalangan guru dapat menjana pendapatan sampingan. Diharapkan dapatan kajian ini juga mampu melihat

penemuan baru iaitu dapat memupuk jiwa keusahawanan dalam diri pendidik Guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasi YouTube dan dapat mewujudkan dunia pendidikan secara menyeluruh dalam saluran YouTube bagi subjek Pendidikan Islam. Akhirnya untuk kajian akan datang dapat mewujudkan model baru yang lebih jelas dan sistematik kepada pendidik dalam penggunaan Saluran YouTube.

1.9 BATASAN KAJIAN

Skop kajian adalah suatu ruang lingkup atau kawasan penyelidikan yang menjadi keutamaan dalam fokus penyelidik. Fokus kajian ini adalah untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran penggunaan YouTube dan cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, data dikumpulkan menggunakan protokol temubual yang berfungsi sebagai instrumen utama. Bagi kajian penyelidik, batasan kajian terhad kepada peserta kajian dalam kalangan guru peringkat sekolah menengah sahaja sama ada menengah rendah mahupun menengah atas dan fokus kepada pengajaran subjek Pendidikan Islam. Seterusnya dari segi pengumpulan data terhad kepada tiga responden yang dipilih menggunakan pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*), pemilihan sampel kajian dengan mengambil kira bahawa guru GPI merupakan ketua bidang, penolong kanan hal ehwal murid, serta guru yang telah bergelar sebagai pakar YouTube (YouTuber) di Malaysia (daripada Negeri Selangor, Melaka dan Sabah). Temu bual dijalankan melalui dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet*. Dari segi analisis, kajian ini hanya menggunakan analisis yang diperolehi daripada hasil temubual dan analisis dokumen.

1.10 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional kajian perlu diuraikan untuk difahami oleh pembaca berkaitan tajuk kajian yang akan dijalankan. Ia juga akan menjadi panduan kepada penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Aspek definisi yang menjadi tunjang kepada kajian ini adalah:

1.10.1 Pengetahuan Guru

Pengetahuan, dalam erti kata umum, merujuk kepada pemerolehan, pemahaman, dan penggunaan maklumat, fakta, kemahiran, dan pengalaman yang diperoleh individu melalui pelbagai cara seperti pendidikan, latihan, pemerhatian dan penerokaan peribadi (Mishra & Koehler 2006). Dalam konteks kajian penyelidik, konsep ilmu memegang peranan penting bagi guru. Guru bukan sahaja penyampai ilmu tetapi juga pemudah cara pengalaman pembelajaran. Dalam era digital ini, pengetahuan mereka melangkaui buku teks tradisional untuk merangkumi sumber digital seperti YouTube, yang boleh menyediakan banyak kandungan pendidikan. Bagi pendidik, pengetahuan melibatkan pemahaman yang mendalam tentang subjek, kesedaran tentang sumber pendidikan yang pelbagai tersedia dalam talian, keupayaan untuk menilai secara kritis kualiti dan kesesuaian kandungan untuk pengajaran pendidikan Islam dan kemahiran untuk mengintegrasikan pengetahuan ini dengan berkesan.

Pengetahuan ini digabungkan dengan pengetahuan tentang subjek itu sendiri untuk membantu guru mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang berkesan dan bermakna untuk pelajar (Uwais 2023). Namun, dalam konteks kajian ini, pengetahuan kajian lebih kepada pengetahuan penggunaan YouTube menjurus kepada pengetahuan guru terhadap sistem YouTube, elemen-elemen yang perlu guru tahu dalam menggunakan YouTube, ciri-cirinya dan tentang keistimewaan yang dapat diperolehi daripada penggunaan YouTube untuk pendidikan.

1.10.2 Kemahiran Guru

Kemahiran melibatkan kebolehan mengaplikasikan pengetahuan untuk membangunkan pelbagai kecekapan, merangkumi kemahiran pengurusan asas, teknikal dan kepimpinan (Kamarulzaman 2014). Secara amnya, kemahiran merujuk kepada satu set kecekapan, kebolehan atau keupayaan yang diperolehi oleh individu melalui pembelajaran, amalan dan pengalaman, membolehkan mereka melaksanakan tugas atau menyelesaikan masalah dengan berkesan dalam konteks yang pelbagai. Guru dikehendaki memiliki set kemahiran unik untuk menyesuaikan diri dengan era digital dan memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Penguasaan kemahiran yang melibatkan penggunaan teknologi seperti YouTube dengan cekap untuk pengajaran yang memberi impak, mencipta kandungan

dalam talian yang menarik dan menyemai pemikiran kritis dan celik digital, keupayaan gabungan pengetahuan dan sikap yang ditunjukkan di samping memperkasakan pelajar untuk mengemudi landskap dalam talian yang luas secara bertanggungjawab (Hazwani & Nor Aishah 2018). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka kemahiran penggunaan YouTube GPI berdasarkan aspek pengetahuan dan kemahiran penggunaan YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.10.3 YouTube

YouTube adalah platform sosial yang membolehkan perkongsian pelbagai kandungan video untuk tujuan pendidikan, hiburan, dan sosial (Mochamad Ranga 2020). Kajian oleh Samsudin dan Zahari (2022) menegaskan peranan YouTube dalam pembelajaran interaktif, di mana ia membantu guru dan pelajar mengakses bahan pembelajaran secara terus, meningkatkan motivasi dan minat pelajar. Dalam pengajaran Pendidikan Islam, kajian dalam negara menunjukkan penggunaan YouTube memberi impak positif, namun cabaran masih wujud, seperti kekurangan kemahiran guru dalam menghasilkan kandungan video berkualiti (Mohd Amirul & Hafizhah 2022; Moghavvemi et al. 2018). Di peringkat antarabangsa, kajian oleh Gurkan Dagbasi et al. (2023) dan Bozkurt dan Sharma (2018) menunjukkan bahawa YouTube memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar dengan menyediakan akses kepada bahan pendidikan, termasuk video dari ulama terkenal, serta memberi peluang untuk pembelajaran sendiri yang meningkatkan penglibatan pelajar dan kemahiran teknologi mereka.

1.10.4 Cabaran Guru

Istilah "cabaran" digunakan untuk merujuk kepada tindakan yang memberi kesan kepada seseorang. Cabaran juga merupakan faktor seperti menguji kemampuan dan ketabahan sesebuah organisasi (Fuad et al. 2023). Menurut Kamus Dewan (2007), "cabaran" ditakrifkan sebagai sesuatu elemen atau faktor yang menguji kemampuan dan ketabahan sesuatu organisasi atau kumpulan manusia. Jika ia berkaitan dengan profesion perguruan, ia bermakna kemampuan dan ketabahan guru untuk melaksanakan sesuatu yang melibatkan pelajar, sekolah, masyarakat setempat dan negara. Istilah "cabaran" memberikan gambaran yang lebih positif tentang keadaan di

mana orang boleh melakukan sesuatu untuk menangani masalah yang berkaitan. Dalam kajian ini, istilah "cabaran" berkaitan dengan aplikasi YouTube yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam.

1.10.5 Guru Pendidikan Islam (GPI)

Guru Pendidikan Islam (GPI) merujuk kepada pendidik yang bertanggungjawab mengajar ilmu agama Islam di sekolah, yang melibatkan pengajaran akidah, fiqh, sejarah Islam, serta nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian. Di Malaysia, GPI bukan hanya berperanan sebagai pengajar tetapi juga sebagai pembentuk akhlak dan rohani pelajar melalui pendekatan holistik yang melibatkan perkembangan jasmani, emosi, rohani, dan intelektual pelajar (Hassan & Ibrahim 2021; Noraini & Azman 2020). Kajian oleh Ismail dan Abdullah (2019) menekankan bahawa selain daripada pengetahuan agama, GPI perlu menguasai kemahiran pedagogi yang efektif dan dapat mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek pengajaran. Di luar negara, kajian oleh Al-Qudah dan Al-Khateeb (2021) di Jordan menyatakan bahawa GPI perlu memupuk nilai-nilai moral dan sosial Islam dalam kalangan pelajar, selain mengajar teori ajaran Islam. Di Singapura, Bakar dan Yusof (2020) pula menekankan pentingnya seorang GPI menggabungkan kemahiran akademik dan rohani dengan menggunakan pendekatan yang relevan dan teknologi moden dalam pengajaran. Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa peranan GPI adalah lebih daripada sekadar pengajaran teori, tetapi turut melibatkan pembinaan karakter dan pengembangan spiritual pelajar dengan pendekatan yang sesuai mengikut peredaran zaman.

1.11 KESIMPULAN

Bab ini telah menghuraikan permasalahan kajian untuk menunjukkan terdapat keperluan untuk menjalankan kajian ini. Secara keseluruhan bab ini mengkaji pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah. Penggunaan YouTube sangat penting bagi Guru Pendidikan Islam sebagai medium alternatif untuk menyampaikan pengajaran di kelas. Hal ini disebabkan kerana pelajar pada masa kini termasuk dalam kategori generasi Alpha, iaitu generasi yang melek akan teknologi dalam kehidupan keseharian mereka. Oleh itu, terdapat kepentingan untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran

guru berkaitan dengan YouTube. Hasil kajian ini akan memberikan nilai tambah kepada kajian-kajian lepas dan seterusnya menyumbang dan memberi manfaat kepada para warga pendidikan khususnya kepada Guru Pendidikan Islam itu sendiri untuk bersiap siaga segala kebolehan dan potensi diri dalam mengharungi cabaran pendidikan abad ke-21, menyahut saranan hala tuju kerajaan menjadi generasi yang fasih digital, meningkatkan professional dan berkompetensi dalam teknologi pendidikan digital. Secara keseluruhannya bab ini merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan, objektif dan persoalan kajian. Bab ini juga menjelaskan kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional secara ilmiah.



BAB II

KAJIAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan konsep-konsep, teori-teori, teknologi, pedagogi, amalan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran YouTube dalam pengajaran guru Pendidikan Islam. Penjelasan mengenai kepentingan penggunaan YouTube sebagai medium alternatif untuk PdP dan juga meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam penggunaan YouTube dihujahkan melalui sorotan literatur. Dalam bab ini juga membincangkan isu-isu kajian lepas yang dikupas secara kritikal dan sistematik. Perbincangan dalam tinjauan literatur ini akan menjawab persoalan kajian. Perenggan akhir dalam bab ini disimpulkan rumusan yang berkaitan dengan keseluruhan tinjauan literatur yang dijalankan.

2.2 REVOLUSI PENDIDIKAN NEGARA KE ARAH TEKNOLOGI PENDIGITALAN

Kepesatan kemajuan teknologi pada masa kini telah membawa perubahan kepada sistem pendidikan seiring dengan abad ke-21. Sejar dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) atau biasa disebut sebagai revolusi digital, yang menawarkan kemudahan teknologi yang menarik kepada sektor pendidikan dengan membolehkan perkongsian maklumat yang pelbagai dan pantas pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Malaysia kini mengambil langkah ke arah kaedah pengajaran dan pembelajaran digital berpandukan teknologi, interaktif dan fleksibel yang sentiasa berkembang, didorong oleh permintaan pelajar dalam pendidikan. Sehubungan itu, potensi media sosial sebagai konsep baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tanpa disekat oleh kaedah tradisional, memberi peluang untuk merevolusikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan meningkatkan komunikasi dan

mengembangkan komuniti pembelajaran, perkongsian maklumat tanpa sempadan dan pembelajaran sendiri.

2.2.1 Teknologi Pendidikan Digital

Revolusi perindustrian keempat, juga disebut era 4IR, adalah salah satu matlamat utama pendidikan. Dalam kesusasteraan, tamadun manusia telah mengalami tiga revolusi industri iaitu; revolusi perindustrian pertama (revolusi wap dan air secara mendadak meningkatkan produktiviti manusia); revolusi perindustrian kedua (perindustrian besar-besaran, kuasa elektrik sebagai penggerak); revolusi industri ketiga (Teknologi maklumat; pengkomputeran dalam industri dan pembangunan komputer peribadi) (Darwish 2018; Schwab 2019). Selanjutnya, revolusi industri keempat (4IR) berkaitan dengan teknologi digital. Dalam kajian Khang, Jadhav dan Birajdar (2023), bahawa abad ke-21 telah menyaksikan peningkatan kepentingan pada pendigitalan, pengkomputeran dan kemajuan dalam teknologi baharu. Setiap pelajar di sekolah menengah telah dikaji untuk menentukan kesediaan mereka untuk menerima pakai teknologi revolusi industri keempat (4IR) dalam meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran pelajar mereka (Ayanwale 2023).

Definisi teknologi bersumberkan Kamus Dewan edisi 4 dijelaskan sebagai kaedah atau proses menangani sesuatu masalah teknikal, berkaitan dengan pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat secara elektronik, melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi, teknologi yang berasaskan kajian saintifik termaju dengan penggunaan peralatan elektronik yang canggih. Manakala teknologi dalam pendidikan merujuk kepada penggunaan peralatan, perisian, dan aplikasi teknologi digital untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Hawkrige 2022). Ia melibatkan integrasi alat dan sumber digital dalam persekitaran pendidikan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dan membolehkan pendidik melaksanakan kaedah pengajaran yang lebih inovatif dan efektif (Alenezi 2023). Menurut Mohd Amirul dan Hafizhah Zulkifli (2022) teknologi pendidikan digital adalah suatu proses pengintegrasian teknologi digital dalam pendidikan bagi pendidik mencapai matlamat dan objektif semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan.

Teknologi pendidikan digital boleh diertikan sebagai pegangan atau pelaksanaan pendidikan yang sistematik, satu proses teknologi pendidikan adalah abstrak iaitu, difahami sebagai satu proses kompleks, proses bersepadu yang melibatkan orang, prosedur, idea, peralatan, dan organisasi untuk menganalisis masalah, mencari jalan untuk menyelesaikan masalah, melaksana, menilai, dan mengurus penyelesaian masalah yang merangkumi semua aspek pembelajaran manusia (Unik Hanifah & Niar Agustian 2021). Teknologi pendidikan adalah satu bidang sains gunaan yang menggabungkan secara sinergi beberapa disiplin dengan tujuan untuk memudahkan proses pembelajaran, meningkatkan kualiti pembelajaran, dan meningkatkan prestasi (Yuniastuti & Khoiron 2021). Manakala dalam kajian Al-Malah, Majeed dan Al-Rikabi (2023) teknologi pendidikan merupakan sumber yang menyediakan persekitaran pendidikan di mana proses pengajaran dan pembelajaran dikendalikan oleh guru dan pelajar, melalui peranti mudah alih dan rangkaian wayarles di mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa yang mereka mahu.

Persekitaran ini dicirikan oleh penyebarannya yang luas dan tidak disekat oleh tempat atau masa. Ia juga menawarkan ciri khusus untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menekankan pembelajaran terarah sendiri, di mana aplikasi pendidikan adalah penting untuk mencapainya (Majeed & Jawad 2021; Salim & Tauma 2021). Dengan demikian, mengintegrasikan teknologi ke dalam pendidikan menyediakan pelajar pengalaman pembelajaran yang lebih menarik, membolehkan mereka kekal lebih berminat dalam subjek yang disampaikan oleh guru (Abid Haleem et al. 2022). Secara terperinci disenaraikan dalam Jadual 2.1 berikut ini.

Jadual 2.1 Definisi teknologi pendidikan digital

Teknologi pendidikan digital boleh didefinisikan sebagai

Bil	Penulis	Definisi
1.	Abid Haleem et al. (2022)	Mengintegrasikan teknologi ke dalam pendidikan menyediakan pelajar pengalaman pembelajaran yang menarik, membolehkan mereka kekal lebih berminat dalam subjek tanpa terganggu.
2.	Yuniastuti dan Khoiron (2021)	satu bidang sains gunaan yang menggabungkan secara sinergi beberapa disiplin dengan tujuan untuk memudahkan proses pembelajaran, meningkatkan kualiti pembelajaran, dan meningkatkan prestasi.

bersambung...

...sambungan

3.	Majeed dan Jawad (2021) Salim dan Tauma (2021)	Persekitaran yang dicirikan oleh penyebarannya yang luas kerana ia tidak disekat oleh tempat atau masa dan memberi ciri khas kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menekankan pembelajaran terarah sendiri di mana aplikasi pendidikan memainkan peranan penting dalam mencapainya
4.	Mohd Amirul dan Hafizhah Zulkifli (2020)	adalah suatu proses pengintegrasian teknologi digital dalam pendidikan bagi pendidik mencapai matlamat dan objektif semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan.
5.	Al-Malah et al. (2023)	Sumber yang menyediakan persekitaran pendidikan di mana proses pengajaran dan pembelajaran dikendalikan oleh guru dan pelajar, melalui peranti mudah alih dan rangkaian wayarles di mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa yang mereka mahu
6.	Alenezi (2023)	integrasi alat dan sumber digital dalam persekitaran pendidikan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dan membolehkan pendidik melaksanakan kaedah pengajaran yang lebih inovatif dan efektif.
7.	Unik Hanifah dan Niar Agustian (2021)	pegangan atau pelaksanaan pendidikan yang sistematik, satu proses teknologi pendidikan adalah abstrak iaitu, difahami sebagai satu proses kompleks, proses bersepadu yang melibatkan orang, prosedur, idea, peralatan, dan organisasi untuk menganalisis masalah, mencari jalan untuk menyelesaikan masalah, melaksana, menilai, dan mengurus penyelesaian masalah yang merangkumi semua aspek pembelajaran manusia.
8.	Hawkrige (2022)	penggunaan peralatan, perisian, dan aplikasi teknologi digital untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya, teknologi pendidikan digital salah satu teknologi yang merangkumi pengabungan teknologi digital dalam pendidikan untuk tenaga pengajar mencapai matlamat dan objektif semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ia melibatkan penggunaan peralatan, perisian, dan aplikasi teknologi digital untuk meningkatkan proses pembelajaran dengan menyepadukan alatan dan sumber digital dalam persekitaran pendidikan. Sepertimana dalam kajian Al-Malah et al. (2023) bahawa Penyelidikan telah menunjukkan bahawa teknologi pendidikan memberi manfaat kepada pengguna, seperti pengurangan masa dan kos, kawalan yang lebih besar ke atas penyampaian perkhidmatan, pengurangan masa menunggu, kemudahan lokasi, kepuasan yang lebih besar, kecekapan, fleksibiliti dan inovasi mental.

Dengan menggunakan teknologi dalam pendidikan, pelajar mempunyai pengalaman pembelajaran yang menarik yang membolehkan mereka mengekalkan minat mereka dalam mata pelajaran. Pembelajaran dalam bilik darjah boleh menjadi

menarik dan menyeronokkan dengan penggunaan projektor, komputer dan peralatan teknologi canggih lain. Tugas kelas yang menggabungkan sumber teknologi, pembentangan lisan dan kumpulan boleh menjadikan pembelajaran pelajar lebih dinamik dan menarik (Bilotta et al. 2021). Teknologi dalam pendidikan juga melibatkan penggunaan jaringan komputer, sambungan internet, dan platform pembelajaran atas talian untuk memudahkan akses kepada sumber-sumber pembelajaran yang luas dan beraneka. Kemunculan Internet yang juga dikenali sebagai *World Wide Web* dan aplikasinya dalam semua bidang masyarakat menunjukkan betapa pentingnya maklumat sebagai barangan yang boleh dibeli dan dijual. Ini disebabkan oleh fakta bahawa maklumat boleh dihantar dengan cepat dari satu tempat ke tempat lain melalui internet (Satari et al. 2023).


Selain itu, teknologi pendidikan membentuk bidang saintifik praktikal yang menggabungkan pelbagai disiplin secara tindakan bersama dengan tujuan memudahkan proses pembelajaran, meningkatkan kualiti pendidikan dan meningkatkan prestasi dalam kalangan pelajar. Ini sudah tentunya memerlukan proses holistik dan bersepadu yang melibatkan individu, prosedur, idea, alatan dan organisasi yang berperanan penting untuk memudahkan pembentukan hubungan kolaboratif, membina makna, nilai tambah yang terbaik dalam konteks PdPc yang lebih mudah difahami. Pada dasarnya, takrifan ini bertumpu pada penyepaduan alat digital untuk pendidikan yang lebih baik sambil menonjolkan pelbagai perspektif tentang sifat holistik proses teknologi pendidikan, gabungan platform pembelajaran dalam talian bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan memberikan peluang pembelajaran yang fleksibel (Sarudin et al. 2024)-

Matlamat teknologi dalam pendidikan adalah untuk meningkatkan proses pembelajaran dan pencapaian pelajar melalui penggunaan teknologi digital. Terdapat beberapa matlamat utama dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan, antaranya dapat meningkatkan aksesibiliti. Teknologi dalam pendidikan berusaha untuk menyediakan akses yang lebih luas dan mudah diakses oleh siapapun dalam dunia pendidikan (Qureshi et al. 2021). Kajian Gürkan Dağbaşı et al. (2023) turut menunjukkan bahawa teknologi membolehkan pembelajaran dijalankan atas talian dan

pendidikan jarak jauh. Individu memastikan pembangunan peribadi dan profesional mereka dengan cara yang paling cekap tanpa mengira masa dan tempat. Dengan bantuan teknologi, pembelajaran dapat dilakukan di tempat yang jauh, terpencil, atau dalam keadaan yang tidak membenarkan kehadiran fizikal, seperti pembelajaran jarak jauh atau pembelajaran atas talian. Ini membolehkan pelajar yang sebelumnya terhad dalam akses kepada pendidikan boleh mendapatkan peluang pembelajaran yang sama, kerana teknologi menjadikan arahan lebih memberi inspirasi dan bermakna (Kumar 2022). Seterusnya, teknologi dapat meningkatkan interaksi dan keterlibatan. Ini adalah kerana teknologi dalam pendidikan merangsang interaksi antara pelajar, pendidik, dan bahan pembelajaran.

Oleh itu untuk melengkapkan kurikulum, pembelajaran digital berperanan penting secara keseluruhan yang membolehkan pelajar belajar secara lebih pantas dan tepat (Oliver 2005; Pacheco et al. 2018; Turgut & Aslan 2021). Masa kini kebanyakan kursus diajar kepada pelajar secara atas talian melalui platform yang menarik dan interaktif, bukannya mengambil nota tentang apa yang guru telah sampaikan di kelas (Abid Haleema et al. 2022). Pendidikan pada dasarnya adalah sejenis komunikasi, walaupun ia mempunyai banyak aspek. Terdapat lebih banyak saluran komunikasi baharu di internet, yang telah meningkatkan cara untuk menghantar dan mendapatkan maklumat pendidikan (Azmian et al. 2024). Selain itu, dengan adanya internet pelajar boleh dengan mudah mengakses maklumat dari pelbagai sumber (Shaharom & Rahman 2021).

Dalam kajian Abid Haleema et al. (2022) menyatakan bahawa terdapat delapan ciri-ciri teknologi pendidikan digital iaitu *affordable*, *ease of teaching process*, *upgrade learning*, *innovative contents*, *interactive*, *accessible*, *flexible learning*, dan *collaborative*. Secara ringkasnya dapat dilihat dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1 Ciri-ciri bilik darjah digital

Sumber: Abid Haleema et al. 2022

Teknologi boleh meningkatkan pembelajaran sendiri, sepertimana dalam kajian Abid Haleema et al. (2022) bahawa menggunakan sumber teknologi pendidikan digital, pelajar kini mempunyai keupayaan untuk mempelajari pelbagai subjek secara bebas. Perisian pembelajaran dan platform pembelajaran dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap pelajar, serta menyediakan aktiviti pembelajaran yang disesuaikan. Teknologi dalam pendidikan membantu meningkatkan kebolegunaan dan kecekapan proses pembelajaran. Penggunaan peralatan digital dan aplikasi pembelajaran mempercepat proses pengumpulan, penyimpanan, dan pengorganisasian maklumat. Pelajar dan pendidik dapat mengakses sumber-sumber pembelajaran dengan cepat dan mudah.

2.2.2 Teknologi Pendidikan Digital dalam Pendidikan Islam

Islam menunjukkan betapa pentingnya teknologi untuk kemajuan manusia. Selain itu, pada masa hadapan, teknologi pendidikan akan memainkan peranan yang semakin penting dalam pendidikan (Az-zahra 2023; Salsabila et al. 2023). Pendapat ini disokong dalam kajian Handayani dan Silalahi (2023) bahawa teknologi pendidikan boleh menangani masalah teknologi dengan sangat baik. Ia juga boleh digunakan dalam ilmu pembelajaran Islam.

Perkembangan teknologi membawa kepada perubahan besar dalam bidang pendidikan, termasuk pendidikan agama Islam. Kini, pendidikan agama Islam tidak hanya menekankan ilmu ukhrawi, tetapi juga boleh bersaing dalam bidang duniawi seperti sains dan teknologi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsep yang diajar dalam pendidikan agama Islam boleh menggabungkan dua aspek ilmu, iaitu ukhrawi dan duniawi. Oleh itu, konsep pendidikan agama Islam jelas berbeza daripada konsep pendidikan lain (Salsabila et al. 2021).

Teknologi harus digunakan secara bertanggungjawab dan sesuai dengan etika Islam agar tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam. Merujuk kepada panduan tentang penggunaan teknologi digital dan ilmu yang bertanggungjawab serta beretika haruslah diikuti oleh semua GPI, telah dihuraikan dalam surah al-A'raf ayat 31.

يٰۤاَيُّهَا اٰدَمُ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِيْنَ ۝۳۱

Maksudnya:

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas (31)

Surah Al-A'raf, ayat 31, menawarkan garis panduan penting mengenai penggunaan teknologi dan ilmu yang bertanggungjawab dan beretika dalam kerangka Islam. Ayat ini mengupas aspek penting dalam kehidupan manusia, merangkumi penggunaan teknologi, pakaian, makanan, dan minuman. Allah Yang Maha Kuasa, memanggil manusia melalui seruan "Wahai anak Adam!" Ini berfungsi sebagai peringatan kepada semua keturunan Adam, menunjukkan bahawa mesej ini relevan untuk seluruh umat manusia dan meluas ke semua aspek kehidupan, termasuk teknologi. Pemanfaatan teknologi dilihat sebagai salah satu nikmat Allah yang mesti dimanfaatkan secara berhemah. Secara kolektif, ayat ini dengan tegas menekankan kepentingan memanfaatkan teknologi dan ilmu dengan akauntabiliti dan etika Islam. Ia mendorong masyarakat Islam bukan sahaja untuk memanfaatkan kemajuan teknologi untuk kesejahteraan manusia tetapi juga untuk menghormati nilai agama dan

prinsip etika merentasi semua aspek kehidupan. Justeru, penggunaan teknologi perlu didekati dengan penuh kesedaran tentang tanggungjawab kepada Allah dan sesama manusia, di samping menjunjung norma etika yang ditetapkan oleh Islam. Contohnya, sebagai Guru Pendidikan Islam (GPI) perlulah ada kesedaran dan pengetahuan untuk menghindari akses ke konten yang negatif, melindungi privasi dan keselamatan pelajar, serta memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam akses teknologi. Teknologi dalam pendidikan harus digunakan untuk menciptakan peluang pembelajaran yang adil dan saksama bagi semua pelajar. Ini bermaksud memastikan akses yang sama kepada teknologi dan sumber pembelajaran berkualiti, tanpa mengabaikan golongan yang kurang berkemampuan atau terpinggir.

Selain itu, dalam ayat al-Quran yang lain juga disebutkan mengenai teknologi yang merupakan satu cara untuk menyediakan segala perkara saintifik yang berfungsi memudahkan kesinambungan dan kesejahteraan hidup manusia. Dalam Firman Allah yang berkaitan dengan teknologi, termasuk dalam surat Al-Anbiya 80-81:

وَعَلَّمْنَاهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِيُخْصِنَكُمْ مِنْ بَأْسِكُمْ فَهَلْ أَنْتُمْ شَاكِرُونَ

Maksudnya:

Dan Kami telah mengajarkan kepadamu Daud baju besi untuk melindungi kamu dalam peperangan, maka tidakkah kamu bersyukur? [kepada Allah].

وَلَسَلِّمْنَ الرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِ إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَالِمِينَ

Maksudnya:

Dan kepada Sulaiman seorang yang kuat. angin yang bertiup ke atas bumi yang telah Kami kurniakan rezeki, dan Kami mengetahui segala sesuatu.

Dalam sebahagian al-Quran, diceritakan bahawa Allah SWT mengajar Nabi Daud untuk membuat baju besi untuk berperang. Dia kemudiannya membantu Nabi Daud membuat perlindungan, yang pada mulanya hanyalah kepingan baju besi. Kemudian, Nabi Daud membuat bulatan kecil daripada baju besi itu. Dalam kes ini, mukjizat Nabi tidak mengandungi teknologi. Walau bagaimanapun, manusia

mempunyai kemampuan untuk berfikir yang luar biasa. Kisah nabi hanyalah contoh bagaimana manusia boleh melakukan perkara yang luar biasa. Sebut sahaja kisah Nabi Sulaiman, yang mempunyai kemampuan untuk mengawal angin sehingga boleh melawat seluruh negeri (Supriyanto et al. 2022).

Dalam kes ini, kebanyakan orang berfikir tentang kemampuan mereka untuk terbang, dan akibatnya seorang pengkaji Muslim Ibnu Firnas terbang dengan sayap yang ditutupi bulu; dia berfikir tentang cara terbang daripada cara burung terbang dengan sayap dan bulu. Leonardo da Vinci yang digunakan dalam peperangan dibuat oleh Nabi Daud. Begitu juga, Allah telah menundukkan angin untuk Nabi Sulaiman supaya dia boleh melawat negeri yang berdekatan. Perkembangan yang telah berlaku menunjukkan seberapa canggihnya alat-alat itu dibuat mengikut rupa Tuhan. Kuasa angin digunakan oleh kapal layar, kincir angin dan peralatan berat lain (Irmu et al. 2023).

Teknologi termasuk alat, mesin, bahan dan proses yang membantu orang menyelesaikan masalah. Memandangkan alam semesta dan prosesnya sering disebut sebagai "ayat-ayat Allah," Allah Maha Tinggi membimbing ayat-ayat Al-Quran dengan memberi contoh apa yang boleh dilihat dan untuk tujuan apa. Ini menjamin bahawa orang akan sentiasa memikirkan untuk mencari kebenaran dalam apa yang Allah telah jelaskan (Kamil Abdushamad 2003). Oleh itu, Teknologi adalah penting untuk meningkatkan pendidikan, kerana ia memberikan kelebihan yang ketara dalam pembangunan teknologi pendidikan. Ini termasuk teori dan amalan dalam bidang seperti perancangan, pelaksanaan, pengurusan, pengajaran, dan pelaksanaan proses pembelajaran, alatan dan sistem (Irmu et al. 2023).

Sememangnya, penggunaan teknologi dalam pendidikan Islam harus sesuai dengan nilai-nilai Islam dan tujuan pendidikan Islam. Ini termasuk penggunaan teknologi untuk memperkuatkan pemahaman agama, meningkatkan pengetahuan tentang Al-Quran dan hadis, mengajar akhlak dan etika Islam, serta mempromosikan keadilan sosial dan kesejahteraan umat manusia. Sarjana akademik yang berkaitan dengan teknologi pendidikan dalam konteks Islam juga menekankan pentingnya pendekatan holistik dalam penggunaan teknologi (Rukmana & Wirawan 2023). Mereka

berpendapat bahawa teknologi seharusnya bukan hanya alat pembelajaran, tetapi juga alat yang dapat membantu memperkukuh ikatan antara ilmu pengetahuan dan agama. Dalam konteks ini, teknologi dapat digunakan untuk memperkaya pemahaman tentang ajaran Islam, memudahkan pengalaman pembelajaran berdasarkan nilai-nilai Islam, berusaha untuk memastikan bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah selaras dengan pandangan Islam, memberikan manfaat yang baik kepada pelajar dan membantu memperkukuh pemahaman agama dan kecemerlangan akademik dalam konteks keislaman (Salsabila et al. 2023).


Oleh itu, untuk menggunakan teknologi dalam pendidikan Islam, sistem mesti mempunyai keupayaan untuk melaksanakannya, iaitu (a). Pendidik yang berkebolehan dalam beberapa bidang ini termasuk reka bentuk proses dan sumber pembelajaran, yang meliputi reka bentuk sistem, pengalaman pembelajaran, pendekatan pembelajaran, dan sifat pembelajaran. (b). Pembangunan proses dan sumber pembelajaran merangkumi teknik pantas, audio-visual, berasaskan komputer, dan bersepadu. (c). Penggunaan proses dan sumber pembelajaran merangkumi penyebaran inovasi, pelaksanaan, dan penerapan proses pembelajaran. (d). Pemprosesan sumber pembelajaran termasuk pemprosesan projek, sistem, dan sistem maklumat pendidikan. (e). Analisis, pengukuran rujukan, penilaian formatif, dan penilaian sumatif termasuk dalam kategori ini. Institusi pendidikan Islam yang mempunyai tenaga yang mahir lebih mudah menggunakan teknologi pendidikan dengan betul dan memperoleh hasil yang terbaik. Oleh itu, selepas pendidikan umum, kualiti pendidikan Islam tidak akan dipandang rendah melalui penggunaan teknologi dalam pembelajaran mereka (Hector & Salinitri 2022; Suhirman 2023; Klisch et al. 2013).

2.2.3 Alat Teknologi dalam Pendidikan Islam

Alat teknologi pendidikan diperlukan dalam dekade ini, tidak hanya teknologi tetapi juga memerlukan pendidik yang berkualiti tinggi (kreatif dan kritis), berilmu, mampu berkomunikasi, dan mampu belajar sepanjang hayat (Aji et al. 2022). Berikut adalah alat teknologi digital menurut Al-Malah et al. (2023), yang mencakupi bahan

pendidikan, strategi pendidikan, pelaburan pendidikan, sistem dan aplikasi, hasil dan peranti. Secara lebih detail dijelaskan dalam huraian berikut ini.

1. Bahan pendidikan: guru, kandungan pendidikan, pelajar (Majeed 2014; Jawad & ALRikabi 2021).
2. Strategi pendidikan: pendidikan interaktif, kepelbagaian kandungan pendidikan,
3. pelaburan pendidikan, simulasi, keselamatan siber, realiti maya, program bersepadu (Hasan 2021).
4. Sistem dan aplikasi: program kecerdasan buatan seperti automatik sistem guru, sistem simulasi deria manusia dan menangani masalah pendidikannya, platform pintar, protokol dan algoritma rangkaian pintar, pangkalan data pengurusan, pengkomputeran kabus, pengkomputeran awan, internet, mesin pembelajaran (Al-Malah et al. 2021).
5. Menghasilkan: pelaburan ekonomi, pelaburan sosial, pelaburan pendidikan (Hussien et al. 2020).
6. Ed. peranti: komputer riba (tablet), projektor kursus, kamera digital, papan pintar, papan putih interaktif digital, rangkaian komunikasi, projektor digital, pemandu laluan kerjaya pintar, peralatan frekuensi tinggi, liputan tanpa wayar subband, kabel gentian optik, pautan dan geganti radio gelombang milimeter, robotik, sistem masa nyata, sistem masa nyata yang diedarkan, keselamatan rangkaian (Al-Sarry et al. 2022; Jawad & Majeed 2021). Secara ringkas seperti yang dinyatakan dalam Rajah 2.2 berikut.



Rajah 2.2 Alat teknologi pendidikan

Sumber: Al-Malah, Majeed & ALRikabi 2023

Alat teknologi boleh dijalankan kepada semua bidang pendidikan, termasuklah dalam pendidikan agama Islam, berdasarkan pandangan Salsabila et al. (2023), teknologi pendidikan agama Islam adalah keilmuan yang mencakup bidang pengetahuan dalam aplikasi yang boleh meningkatkan kualiti pendidikan, membantu menyelesaikan isu pendidikan, dan memberikan pemahaman tentang kemajuan teknologi yang memerlukan kemahiran terhadap literasi digital. Menurut Muhammad dan Sukri (2021), literasi digital boleh digunakan dalam pendidikan Islam dengan beberapa cara. Pertama, literasi digital boleh digunakan sebagai media pembelajaran secara konseptual. Cara kedua ialah meningkatkan infrastruktur teknologi. Institusi pendidikan Islam yang mempunyai infrastruktur teknologi yang mencukupi pastinya akan membantu pelajar menjadi lebih celik dan mahir dalam literasi digital. Ketiga, menyediakan kurikulum literasi digital yang betul (Nurjannah 2022). Keempat, mencipta kaedah pembelajaran yang kreatif dan inovatif. Kelima, peningkatan kemahiran tenaga pendidik. Keenam, peningkatan kesedaran dan penglibatan orang tua (Muflihin 2020).

Berdasarkan enam cara ini, apabila dijalankan dengan serius maka teknologi akan membawa impak yang positif kepada kemenjadian pelajar dalam pendidikan

agama Islam. Sememangnya, teknologi mempunyai kesan positif dan negatif terhadap kehidupan manusia, oleh itu ibu bapa perlu tahu cara menggunakan teknologi untuk anak mereka dan mengawal apa yang mereka lihat (Irmu et al. 2023). Hal ini kerana peranan ibu bapa sangat penting untuk menciptakan generasi yang melek teknologi berlandaskan agama dan al-Quran. Antara peranan ibu bapa terhadap teknologi dalam pendidikan Islam, iaitu

- a) Ibu bapa yang tidak menghalang anak-anak mereka daripada menggunakan teknologi memaksa mereka bermain permainan video atau menonton YouTube, yang mengganggu tidur anak-anak mereka. Selain itu, kanak-kanak yang kerap menggunakan peranti pada masa lapang mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan kurang kemahiran hidup, seperti tidak mahu makan sendiri, memulangkan mangkuk atau cawan makanan ke tempatnya, dan sebagainya. Selain itu, apabila ibu bapa mereka memanggil atau meminta mereka bercakap, mereka mungkin tidak menjawab. Oleh itu, kebebasan kanak-kanak harus diambil kira.
- b) Muat turun aplikasi yang menggalakkan bakat kanak-kanak, membaca buku kanak-kanak atau kisah kenabian, dan menyekat kandungan dewasa yang tidak mendidik atau tidak berguna untuk kanak-kanak.
- c) Luangkan lebih banyak masa di luar dengan anak-anak, bermain dengan mereka, belajar, membaca Al-Quran, atau melakukan perkara lain yang bermanfaat.
- d) Berhenti bermain peranti elektronik di hadapan kanak-kanak dan menjadi contoh yang baik kepada mereka (Tamrin Afrizal 2023)

2.3 YOUTUBE SEBAGAI AGEN PENYEBARAN ILMU MODEN

2.3.1 Aplikasi YouTube

Salah satu penyimpanan awam terbesar di internet ialah YouTube. YouTube ialah salah satu platform sosial yang paling popular di kalangan komuniti global, merupakan tapak web yang membolehkan pengguna memuat naik dan berkongsi video. Platform YouTube telah diasaskan oleh Chad Hurley, Steven Chen, dan Jawed

Karim (Burgess & Green 2009; Roslizawati Saad 2020). Dalam YouTube, orang boleh berkongsi kandungan yang mereka buat atau perolehi secara percuma dan dengan cepat (Gürkan Dağbaşı et al. 2023). Sebagai platform perkongsian video terbuka yang pertama, YouTube telah berkembang pesat sehingga hari ini. YouTube ialah platform yang paling biasa digunakan untuk berkongsi video dalam pelbagai kategori. Lebih daripada 30% trafik internet global dijana oleh YouTube (Mansoor Iqbal 2025). Ia termasuk tapak web yang membenarkan pengguna memuat naik, menonton dan berkongsi klip video (Shaharizan & Zainol 2024).

Menurut Gürkan Dağbaşı et al. (2023), YouTube mempunyai banyak video pendidikan untuk penyelidikan. Antara alat media sosial, YouTube adalah salah satu platform paling popular dalam dunia pendidikan (Cihangir 2021). YouTube dalam pendidikan ialah platform perkongsian video dalam talian yang boleh digunakan sebagai sumber pembelajaran dan pengajaran (Fira Nur & Anggun Badu 2021). YouTube bukan hanya digunakan untuk berkongsi jenis video peribadi, komersial dan lain-lain tetapi juga telah berkembang menjadi medium pembelajaran dalam sektor pendidikan. Menurut Malimi Kamlin dan Tan Choon (2020) aplikasi YouTube merupakan platform tontonan video yang popular. Aplikasi YouTube mengandungi video berbentuk animasi, muzik, iklan dan seumpamanya yang boleh dimuat naik dan turun oleh setiap pengguna (Saad 2022).

Dalam konteks pendidikan, YouTube boleh berfungsi sebagai alat yang berkesan untuk menyampaikan bahan pembelajaran dalam bentuk video kepada pelajar dan pengajar Tinambunan (2022). Merujuk kepada persatuan antarabangsa iaitu, Persatuan Media dan Pembelajaran (MLA) yang menyenaraikan bahawa data pada akhir Ogos tahun 2022, antara pilihan peralatan dan perkhidmatan yang menarik dan terkenal, yang masih berada di kedudukan tiga teratas ialah aplikasi YouTube, Powerpoint dan Carian Google yang banyak digunakan oleh para pengguna termasuk rujukan dalam dunia pembelajaran (Jane Hart's 2022).

Takrifan YouTube dalam pendidikan melibatkan penggunaan video yang berkaitan dengan kandungan kurikulum, bahan pengajaran, tutorial, pembentangan dan sumber pembelajaran lain. YouTube menyediakan akses luas kepada pelbagai

jenis video, termasuk kuliah, demonstrasi praktikal, animasi dan video percubaan. Bahan-bahan ini boleh menyediakan visual dan audio tambahan yang boleh membantu pelajar memahami konsep yang kompleks, meningkatkan penglibatan pelajar dan memperkaya pengalaman pembelajaran. Dalam konteks pendidikan formal, YouTube boleh digunakan oleh guru sebagai alat sokongan dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Video yang dikongsi melalui YouTube boleh digunakan sebagai rujukan tambahan untuk menerangkan konsep, menerangkan eksperimen atau proses, menunjukkan kajian kes atau memperkenalkan topik baharu kepada pelajar.

Selain itu, YouTube juga membenarkan pelajar belajar secara berdikari di luar bilik darjah. Mereka boleh mencari video pembelajaran yang sesuai dengan minat dan gaya pembelajaran mereka sendiri. Dengan pelbagai saluran pendidikan yang ada, pelajar boleh mempelajari pelbagai topik dengan cara yang lebih interaktif dan menyeronokkan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk ambil perhatian bahawa dalam menggunakan YouTube dalam pendidikan, perlu ada pemantauan dan penilaian yang betul terhadap kualiti dan kebolehpercayaan kandungan yang dipersembahkan. Guru dan pelajar harus mempertimbangkan sumber video yang boleh dipercayai dan membandingkan maklumat yang ditemui dengan sumber lain.

Aplikasi YouTube boleh dikaitkan dengan pendidikan digital dan pembelajaran maya. Pendekatan pendidikan digital merujuk kepada penggunaan teknologi digital dalam konteks pendidikan, manakala pembelajaran maya merujuk kepada pembelajaran dalam talian melalui internet. Dalam konteks pendidikan digital, YouTube menyediakan akses kepada pelbagai sumber pembelajaran dalam bentuk video yang boleh diakses dalam talian. Video ini boleh digunakan sebagai alat pembelajaran yang berkesan dalam menyampaikan konsep yang kompleks, mempersembahkan demonstrasi visual, dan mengembangkan pemahaman pelajar melalui multimedia interaktif. Guru boleh membuat saluran YouTube mereka sendiri untuk memuat naik video pembelajaran, atau mereka boleh mengarahkan pelajar ke saluran pendidikan sedia ada yang berkaitan. Pembelajaran maya juga boleh melibatkan penggunaan YouTube sebagai platform pembelajaran dalam talian. Guru boleh membuat video pembelajaran yang bersesuaian untuk pelajar, berkongsiya melalui saluran YouTube mereka atau sebagai sebahagian daripada kursus dalam

talian. Pelajar boleh mengakses video di mana-mana dan pada bila-bila masa mengikut keperluan mereka, dan mengulanginya jika perlu.

Selain itu, YouTube juga menyediakan ciri untuk berinteraksi dengan video melalui ulasan, yang membolehkan pelajar berbincang, bertanya soalan dan berkongsi pendapat mereka tentang bahan pembelajaran. Penggunaan YouTube dalam pendidikan digital dan pembelajaran maya juga boleh melibatkan kerjasama guru-pelajar. Sebagai contoh, pelajar boleh membuat video pembentangan atau projek pembelajaran mereka sendiri dan memuat naiknya ke saluran YouTube kelas mereka untuk berkongsi dengan rakan sekelas dan mendapatkan maklum balas guru. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk memastikan bahawa penggunaan YouTube dalam pendidikan digital dan pembelajaran maya dipantau dan mematuhi dasar sekolah serta privasi dan keselamatan pelajar.

Mutakhir ini, penggunaan video YouTube semakin mendapat perhatian di persada dunia pendidikan walaupun PKP akibat pandemik COVID-19 telah berlalu. Video YouTube dilihat sesuai untuk menjadi bahan bantu mengajar dalam strategi pengajaran Pendidikan Islam. Kajian yang dibuat oleh Widiantari et al. (2023) berpendapat, kesan pengajaran bukan berdasarkan penggunaan video semata-mata, namun keberkesanannya bergantung kepada bagaimana penggunaan video tersebut dilaksanakan dalam proses pembelajaran bahasa. Selain itu, penggunaan YouTube turut menjejaskan motivasi diri dan pembelajaran terkawal sendiri untuk pelajar muda dwibahasa (Widiantari et al. 2023). Justeru, penggunaan video YouTube adalah sesuai dengan pendidikan terutamanya dalam penerimaan medium digital baru dalam aktiviti strategi pengajaran dan kandungan kurikulum kerana kaedah yang digunakan adalah mendasari kepada teori TAM (Mohd Hafifi 2022) dan teori TPACK yang diperkenalkan oleh Mishra dan Koehler pada tahun (2009). Selaras dengan dapatan-dapatan lepas yang membuktikan bahawa aplikasi YouTube mampu digunakan dengan lebih meluas dalam dunia pendidikan. Ini kerana menurut laporan eMBA Julai 2019), YouTube ialah aplikasi video yang tertinggi digunakan dalam pendidikan serta aplikasi yang paling ramai dilayari sehingga diperingkat global iaitu 1 bilion dalam sebulan.

2.3.2 YouTube dalam Pendidikan Islam

YouTube dalam pendidikan Islam boleh ditakrifkan sebagai platform perkongsian video dalam talian yang digunakan untuk menyampaikan kandungan pendidikan yang berkaitan dengan agama Islam. YouTube boleh menjadi sumber maklumat, pemahaman dan pengajaran yang hebat tentang ajaran, nilai, amalan, sejarah dan budaya Islam (Shaharizan & Zainol 2024). Definisi YouTube dalam pendidikan Islam melibatkan penggunaan video yang memfokuskan kepada pelbagai aspek agama, seperti bacaan al-Quran, tafsir al-Quran, hadis, sejarah Islam, akidah, akhlak, solat, ibadah, kisah-kisah Nabi, dan topik agama yang lain. Video ini boleh dipersembahkan dalam pelbagai format, termasuk kuliah, perbincangan, khutbah, pengajaran interaktif, dan persembahan visual. Melalui YouTube, pendakwah dan ulama Islam boleh berkongsi pengetahuan, pemikiran dan pengalaman mereka tentang Islam dengan khalayak yang lebih luas. Video ini boleh membantu umat Islam mendalami pemahaman agama mereka, mempelajari ajaran Islam dengan lebih mudah, dan menjawab sebarang soalan agama yang mereka ada (Hening kusumaningrum et al. 2022).

Selain itu, YouTube juga boleh dijadikan sebagai alat untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Ustaz, pendakwah dan ulama boleh menggunakan platform ini untuk menyampaikan kuliah agama, khutbah, tausiyah, atau kuliah pendek mengenai topik agama yang berkaitan. Penemuan menunjukkan bahawa menggunakan video YouTube dalam pendidikan Islam sebagai bahan pengajaran boleh meningkatkan hasil pembelajaran dan penglibatan pelajar dengan ketara (Marzuki et al. 2023). Video ini boleh diakses oleh berjuta-juta orang di seluruh dunia, membolehkan penyebaran nilai agama Islam, keamanan dan kebijaksanaan kepada khalayak yang lebih luas yang disampaikan oleh tokoh yang matang dari segi intelek dan emosi, serta sensitif dari segi sosial dalam masyarakat (Wahyudi & Alanshori 2023). Hal ini penting untuk mengekalkan integriti dan ketepatan maklumat yang disampaikan di YouTube dalam konteks pendidikan Islam (Azfaedahanim Azis & Farhana Sabidin 2020). Pengguna mesti berhati-hati dalam memilih saluran, video dan sumber yang boleh dipercayai dan disokong oleh ulama atau tokoh agama yang berwibawa. Selain itu, pengguna juga perlu menghayati kepelbagaian tafsiran dan perspektif dalam Islam, serta

menerapkan sikap kritis dan terbuka dalam menilai kandungan yang mereka konsumsi.

2.4 TEORI-TEORI YANG MENDASARI KAJIAN


Bahagian bab ini terdapat beberapa teori yang berkaitan dengan kajian yang dibincangkan. Justeru, teori-teori yang bersesuaian dengan kajian pengkaji antaranya ialah rentetan teori yang dicadangkan untuk dibincangkan berdasarkan kepentingan dan kaitannya dengan tajuk kajian " Pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabarannya dalam Pengajaran Pendidikan Islam": Teori TPACK (Pengetahuan Kandungan Pedagogi Teknologi): Ini adalah teori yang paling relevan dengan topik penyelidikan kerana ia membincangkan cara guru mengintegrasikan pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan untuk pengajaran yang berkesan menggunakan YouTube. Teori Pembelajaran Berasaskan Teknologi: Teori ini penting kerana membincangkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran, yang merangkumi penggunaan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam. Teori Imam Ghazali: Teori ini berkaitan dengan nilai dan prinsip dalam Pendidikan Islam, dan ia boleh digunakan untuk memahami bagaimana YouTube boleh digunakan untuk menyampaikan aspek-aspek tersebut. Teori Pembelajaran Berpandu (Bandura): Teori ini relevan kerana ia membicarakan tentang peranan guru dalam memberikan bimbingan dan model kepada pelajar, yang boleh diaplikasikan dalam konteks penggunaan YouTube. Teori TAM (*Technology Acceptance Model*): Teori TAM boleh dibincangkan sebagai rumusan kerana ia lebih berkaitan dengan penerimaan dan penyesuaian teknologi oleh guru dan pelajar, yang boleh dijelaskan selepas membincangkan teori lain yang lebih memfokuskan penggunaan YouTube dalam mengajar.

2.4.1 Teori TPACK

Shulman (1986), Mishra dan Koehler (2006) dalam kajiannya mencipta rangka kerja TPACK untuk membantu mengajar dengan lebih baik dan menambah ilmu pengetahuan teknologi ke dalam PCK. Kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi (*Pedagogi Knowledge, PK*) dan pengetahuan teknologi (*Technologi Knowledge, TK*) guru berinteraksi antara satu sama lain semasa mengajar di kelas. Pengetahuan Pedagogi Teknologi Guru (TPK) dianggap sebagai asas untuk

penggunaan teknologi dalam pengajaran secara berkesan, terutamanya dalam pedagogi berasaskan permainan di prasekolah. “Pengetahuan tentang bagaimana teknologi boleh mencipta sebagai perwakilan baharu untuk kandungan tertentu dan boleh memberi kesan kepada amalan dan pengetahuan bagi sesuatu disiplin”. Dengan demikian, apabila guru memahami kepentingan menggunakan teknologi sebagai alat pengajaran dan pembelajaran, maka mereka mempunyai keupayaan untuk mengubah cara mengajar dan melatih pelajar untuk menggunakan teknologi (Geoffrey et al. 2024).

Dalam kajian ini, TPACK memainkan peranan penting dalam menangani persoalan kajian dengan menyediakan rangka kerja yang komprehensif untuk mengkaji penggunaan YouTube dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam dan cara guru mengintegrasikannya dengan berkesan ke dalam pengajaran mereka. Teori TPACK membolehkan pengkaji melihat bagaimana elemen ini saling berkait dan cara penggunaan YouTube mempengaruhi dinamik ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah integrasi teori TPACK menurut Albion et al. (2010).



Rajah 2.3 *Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK)*

Sumber: Albion et al. 2010

Berdasarkan rajah di atas, terdapat bahagian C, P, dan K. Selepas itu, C berubah menjadi (CK), P berubah menjadi PK dan T berubah menjadi TK, dan hubungan antara bahagian dijelaskan oleh perkara berikut:

1. *Content Knowledge* (CK) ialah pengetahuan tentang subjek yang akan dipelajari. Materi ini dimasukkan ke dalam kurikulum. menurut Shulman et al. (1986), subjek pelajaran terdiri daripada semua jenis pengetahuan yang termasuk teori, konsep, idea, kerangka kerja, teknik, dan aplikasinya dalam kehidupan seharian.
2. *Pedagogy Knowledge* (PK) merangkumi pengetahuan yang berkaitan dengan teori dan kaedah mengajar. Guru harus memahami pedagogi yang diperlukan, iaitu cara murid memahami dan membina pengetahuan, sikap dan ketrampilan mereka (Koehler et al. 2011).
3. *Technology Knowledge* (TK) ialah garis panduan teknologi yang boleh digunakan untuk menyokong pembelajaran.
4. Interaksi dan hubungan antara pedagogi (P) dan materi pelajaran (C) termasuk dalam pedagogi maklumat (PCK). Seperti yang dinyatakan oleh Shulman dalam Koehler et al. (2011), PCK ialah konsep pembelajaran yang menyampaikan bahan pelajaran yang terkandung dalam kurikulum. Ini termasuk proses pembelajaran yang berkaitan dengan subjek pelajaran dan sistem untuk menilai pelajar.
5. Pemahaman tentang teknologi dan materi pelajaran adalah komponen *Teknologi Content Knowledge* (TCK). Pemahaman ini boleh membantu dan mempengaruhi komponen lain (Mishra & Koehler 2006).
6. *Knowledge Technology Pedagogy* (TPK) ialah set pemahaman tentang cara teknologi digunakan untuk mendukung pembelajaran secara aktif dan boleh membantu dan mempermudah konsep-konsep bahan pelajaran. TPK memerlukan pemahaman tentang faedah dan kelemahan teknologi yang diperlukan yang digunakan untuk materi pelajaran yang berlaku semasa proses pembelajaran (Schmidt et al. 2009).

7. *Technology Pedagogy Content Knowledge* (TPACK) merangkumi suatu rangkaian pembelajaran yang terdiri daripada kemahiran penguasaan teknologi yang terintegrasi, yang terdiri daripada komponen penyusunnya (C), (P) dan (K). TPACK memerlukan pelbagai interaksi dan kombinasi komponen, seperti materi pelajaran, pedagogi dan teknologi. Teori Pembelajaran Berasaskan Teknologi

Oleh itu, dengan memasukkan teori pembelajaran berasaskan Teknologi ke dalam penyelidikan, maka pengkaji memperoleh perspektif yang komprehensif tentang cara teknologi, khususnya YouTube digunakan dalam konteks Pendidikan Islam. Teori ini boleh membantu menganalisis hubungan pelbagai rupa antara teknologi, strategi pengajaran dan hasil pelajar, memberikan cerapan berharga tentang pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran pendidikan Islam di sekolah menengah.

2.4.2 Teori Islam

Teori Islam digunakan dalam kajian ini sebagai rangka kerja untuk menggabungkan konsep-konsep Islam dalam proses pengajaran melalui teknologi. Penggunaan YouTube sebagai medium pengajaran dalam Pendidikan Islam bukan hanya bertujuan untuk mempermudah penyampaian ilmu, tetapi juga untuk memastikan bahawa kandungan yang digunakan sejalan dengan prinsip-prinsip Islam. Teori Islam ini menekankan pengajaran yang berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah serta nilai-nilai yang terkandung dalamnya, seperti keikhlasan, ketulusan dalam menyampaikan ilmu, dan pemahaman yang mendalam tentang ajaran agama.

Dalam kajian ini, teori Islam diterapkan untuk memastikan bahawa teknologi yang digunakan dalam pengajaran tidak menyimpang dari nilai-nilai asas Islam. Sebagai contoh, dalam penggunaan YouTube, guru perlu memastikan bahawa video yang ditayangkan berkaitan dengan ajaran yang sahih dan tidak mengandungi unsur yang bertentangan dengan syariah. Selain itu, teori Islam juga menggariskan pentingnya pengajaran yang bertujuan untuk memperkasa sahsiah pelajar, seperti mengajar mereka mengenai akhlak mulia, adab dalam beragama, dan menanamkan kesedaran tentang tanggungjawab sosial sebagai umat Islam.

Teori Islam dalam kajian ini juga menekankan pentingnya pengajaran yang berbentuk transformatif, iaitu pendidikan yang bukan hanya menyampaikan ilmu tetapi juga membentuk individu yang mampu membawa perubahan positif dalam masyarakat. Oleh itu, penggunaan YouTube bukan hanya untuk mengajar secara teori, tetapi juga untuk mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, seperti menggalakkan pelajar untuk mempraktikkan solat, puasa, dan akhlak Islam yang baik dalam konteks dunia moden. Dengan menggabungkan teori-teori Islam ini, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan pendekatan pengajaran yang bukan sahaja menggunakan teknologi terkini, tetapi juga selaras dengan matlamat pendidikan Islam yang lebih mendalam dan berkesan.

a. Teori Imam Ghazali

Imam Al-Ghazali, seorang cendekiawan Islam terkemuka abad ke-11, sangat relevan dengan objektif penyelidikan berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran pendidikan Islam di sekolah menengah.. Al-Ghazali menekankan kepentingan pendidikan dalam Islam, memandangkan ilmu sebagai cara untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang agama dan kehidupan. Dalam konteks kajian, pemikiran Al-Ghazali sejajar dengan cara pendidik Islam menggunakan YouTube sebagai medium alternatif untuk menyampaikan ilmu agama kepada pelajar sekolah menengah. Imam al-Ghazali menggalakkan pendekatan yang memupuk pembelajaran yang mendalam dan bermakna, menekankan kepentingan kefahaman yang tulen.

Tambahan pula, Imam al-Ghazali mengutamakan pembangunan etika dan karakter individu. Beliau menganggap etika sangat penting dalam pendidikan, menjadikan penanaman budi pekerti sebagai matlamat utama pengajaran Islam. Selain itu, falsafah Imam Al-Ghazali menekankan kepentingan pendidikan, kefahaman agama, pembangunan etika, dan muhasabah dalam pembelajaran Islam. Oleh itu, dengan memasukkan prinsip Imam Ghazali ke dalam penyelidikan ini, maka pengkaji boleh menambah dimensi berharga yang melangkaui aspek teknologi. Pengkaji memperoleh keupayaan untuk menilai bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran YouTube tetapi juga cabaran dalam pengajaran pendidikan Islam secara lebih luas yang dianuti oleh Ghazali dalam Pendidikan Islam.

Teori Imam Al-Ghazali digunakan dalam kajian ini untuk memberi landasan pendidikan yang lebih holistik dalam pengajaran Pendidikan Islam (GPI) melalui penggunaan teknologi seperti YouTube. Imam Al-Ghazali menekankan pentingnya pendidikan yang menyeluruh, yang tidak hanya berfokus pada penguasaan ilmu duniawi, tetapi juga membentuk akhlak, etika, dan sahsiah pelajar. Dalam konteks ini, teori beliau digunakan untuk memastikan bahawa penerapan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam tidak hanya bertujuan untuk menyampaikan ilmu agama, tetapi juga untuk membentuk dan memperkukuh nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar.

Menurut Al-Ghazali, pendidikan bukan hanya berfokus pada pengetahuan akademik, tetapi juga melibatkan pembinaan karakter, spiritualiti, dan etika. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan falsafah beliau dengan cara menggunakan YouTube untuk mengajar konsep-konsep Islam yang penting, sambil mengintegrasikan nilai-nilai moral dan etika yang berteraskan ajaran Islam. Sebagai contoh, video-video YouTube yang digunakan dalam pengajaran perlu dipilih dengan berhati-hati, memastikan ia tidak hanya sesuai dengan silibus tetapi juga dapat menyampaikan ajaran yang menekankan keperluan untuk memperbaiki akhlak, menguatkan keimanan, serta membentuk sahsiah pelajar yang positif.

Secara keseluruhannya, penerapan teori Imam Al-Ghazali dalam kajian ini adalah untuk memastikan bahawa teknologi tidak mengabaikan dimensi etika dan moral dalam pendidikan, terutama dalam pengajaran Pendidikan Islam. Penggunaan YouTube, dengan segala potensi interaktiviti dan visualnya, dapat digunakan untuk memperkukuhkan pendidikan Islam yang seimbang, iaitu ilmu yang bermanfaat di dunia dan di akhirat.

b. Teori Ibn Khaldun

Teori al-Ta'lim yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam karya agungnya *Muqaddimah* menekankan bahawa pendidikan bukanlah semata-mata proses pemindahan maklumat, tetapi suatu proses pembinaan insan melalui sosialisasi ilmu yang bersifat berperingkat (*tadarruj*), pengulangan (*tadrib*), dan bimbingan akhlak

oleh guru yang berperanan sebagai murabbi. Prinsip ini sangat relevan dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah, terutamanya apabila YouTube digunakan sebagai alat bantu pembelajaran. Beberapa kajian terdahulu seperti oleh Halim Tamuri (2007) dan Azra (1999) menunjukkan bahawa pendidikan Islam menuntut keseimbangan antara ilmu dan nilai, serta menekankan proses pendidikan yang melibatkan interaksi sosial dan contoh teladan daripada guru. Dalam konteks ini, walaupun YouTube menyediakan kandungan visual dan interaktif yang menarik serta berpotensi untuk menyokong prinsip *tadarruj* dan *tadrib* melalui pembelajaran sendiri dan pengulangan video, ia tetap memerlukan pemantauan dan pengarahannya guru agar selari dengan nilai-nilai Islam.

Tambahan lagi, Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) menekankan bahawa pendidikan dalam kerangka Ibn Khaldun perlu berpaksikan pembentukan adab (*ta'dib*), bukan hanya penyampaian fakta. Oleh itu, penggunaan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam perlu memastikan kandungannya tidak terpisah daripada objektif pembentukan peribadi Muslim yang seimbang dari aspek rohani, intelek dan emosi. Rosnani Hashim (2003) pula mengingatkan tentang bahaya fragmentasi ilmu dalam media moden yang tidak berpaksikan kepada susun atur kurikulum yang sah dan bersifat holistik. Oleh itu, penggunaan YouTube perlulah disusun secara sistematik oleh guru agar mengikut prinsip *tadarruj* dan tidak sekadar menyajikan maklumat tanpa kesinambungan atau kefahaman mendalam. Secara keseluruhan, teori al-Ta'lim Ibn Khaldun memberikan asas yang kukuh untuk mengintegrasikan teknologi seperti YouTube dalam pendidikan Islam, asalkan penggunaannya dikawal oleh prinsip pedagogi Islam yang menekankan bimbingan guru, pembinaan adab dan penyampaian ilmu yang bertahap dan berstruktur.

c. Teori Al-Farabi

Teori pendidikan dan etika Al-Farabi dibina atas prinsip bahawa pendidikan harus melahirkan insan yang seimbang dari segi akal dan ruh, iaitu dengan menggabungkan ilmu *aqli* (rasional/logik) dan ilmu *naqli* (wahyu/nas agama). Beliau percaya bahawa matlamat pendidikan adalah untuk membentuk insan kamil (manusia sempurna) yang bukan sahaja memiliki ilmu dan kefahaman tinggi, tetapi juga beretika dan berfungsi

dalam masyarakat secara aktif. Dalam kerangka ini, pendidikan Islam tidak boleh hanya menekankan aspek rohani (naqli) atau hanya bersifat logik semata-mata (aqli), tetapi mesti menggabungkan kedua-duanya secara harmoni.

Apabila diaplikasikan dalam konteks penggunaan YouTube sebagai alat bantu pengajaran Pendidikan Islam, prinsip ini menggesa agar kandungan video yang digunakan bersifat seimbang, iaitu menyampaikan mesej agama berdasarkan rujukan sahih (al-Quran, hadis, dan pandangan ulama muktabar), namun dalam masa yang sama disampaikan dengan pendekatan rasional dan sesuai dengan konteks kontemporari pelajar. Ini penting untuk memastikan bahawa pelajar bukan sahaja memahami hukum atau konsep Islam secara literal, tetapi juga menghubungkannya dengan realiti semasa dan perkembangan pemikiran manusia.

Kajian oleh Rosnani Hashim (2004) dalam *Islamization of Knowledge* menegaskan bahawa pendidikan Islam masa kini mesti bergerak ke arah pengintegrasian ilmu wahyu dan ilmu rasional untuk melahirkan pelajar yang kritis dan tetap berpegang kepada prinsip Islam. Beliau menekankan keperluan bahan bantu mengajar moden (seperti video YouTube) yang tidak sekadar menyampaikan maklumat agama, tetapi juga mendorong pelajar untuk berfikir, bertanya dan berdialog – satu ciri yang Al-Farabi sangat anggap penting dalam pembentukan akal.

Dalam kajian oleh Hassan Langgulung (1981), beliau merumuskan bahawa pendidikan dalam Islam menggabungkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor, dan ini berakar dari falsafah pendidikan pemikir seperti Al-Farabi yang menuntut pendekatan holistik. Oleh itu, YouTube sebagai media pengajaran perlu digunakan bukan hanya untuk menyampaikan fakta, tetapi juga memupuk nilai etika, keterlibatan emosi, dan pemikiran reflektif dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, kajian oleh Abu Bakar (2013) mengenai penggunaan ICT dalam pendidikan Islam menekankan bahawa teknologi hanya akan berkesan jika digunakan dengan prinsip epistemologi Islam yang sahih, selaras dengan pandangan Al-Farabi bahawa pendidikan tanpa arah etika boleh membawa kepada kekeliruan. Oleh itu, guru berperanan penting dalam menilai dan memandu pelajar dalam penggunaan

kandungan YouTube agar ianya tidak bercanggah dengan nilai Islam dan tidak bersifat liberal tanpa bimbingan.

Secara kesimpulannya, teori pendidikan Al-Farabi memberikan asas falsafah yang kukuh untuk mengadaptasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam. Namun, ia harus dikendalikan dengan penekanan terhadap keseimbangan antara rasional dan wahyu, dan memerlukan guru untuk menjadi pemudah cara dalam memastikan kandungan itu benar dari segi syariah dan sesuai dari segi logik serta pendekatan zaman kini.

d. Teori pendidikan al-Qabisi

Teori pendidikan al-Qabisi menekankan pentingnya etika guru dan disiplin dalam proses pengajaran, yang sangat relevan dalam penggunaan teknologi seperti YouTube dalam pendidikan Islam. Kajian terkini oleh Wan Muhammad Fariq et al. (2024) menyokong prinsip-prinsip al-Qabisi yang menekankan kewajipan guru untuk memenuhi hak dan tanggungjawab mereka dengan adil, serta bersifat penyayang dan mengawasi pelajar dengan tegas. Dalam konteks penggunaan YouTube, guru harus memastikan bahawa kandungan yang dipilih sesuai dan membimbing pelajar untuk mengintegrasikan pengetahuan yang diperoleh, sekaligus menjaga etika dalam pembelajaran. Hal ini amat penting untuk mengelakkan pelajar menjadi terbiasa dengan pembelajaran pasif yang tidak berstruktur.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Muhamad Basyrul Muvid (2023), beliau menekankan pendidikan yang seimbang dan holistik, yang juga sesuai dengan pandangan al-Qabisi. Al-Qabisi menekankan agar pembelajaran melibatkan aspek afektif, kognitif, dan psikomotor. Dalam konteks YouTube, pemilihan kandungan yang tidak hanya menekankan aspek pengetahuan semata-mata tetapi juga mengembangkan peribadi dan akhlak pelajar adalah sangat penting. Oleh itu, penggunaan YouTube haruslah selari dengan prinsip pendidikan Islam yang mengutamakan pembangunan rohani dan jasmani pelajar.

Kajian oleh Al-Husaini M. Daud (2014) pula menjelaskan pembahagian ilmu menurut al-Qabisi, iaitu ilmu wajib dan pilihan. Dalam penggunaan YouTube, guru

boleh memilih kandungan yang sesuai dengan tahap pembelajaran pelajar, memastikan mereka memperoleh ilmu yang bersifat wajib seperti al-Qur'an, hadis, dan fiqh terlebih dahulu, sebelum melangkah ke ilmu pilihan seperti sejarah dan bahasa. Ini mengelakkan pembelajaran yang tidak berfokus dan lebih kepada hiburan semata-mata, dan memastikan bahawa pelajar mendapat pendidikan yang menyeluruh dan berstruktur.

Akhirnya, kajian oleh Edi Purnomo (2024) menggariskan bahawa pendekatan al-Qabisi juga menekankan penanaman nilai dan pembentukan karakter yang sangat sesuai dalam konteks pendidikan digital. Di dalam dunia digital yang penuh dengan informasi, pembimbingan yang berterusan oleh guru selepas pelajar menonton video YouTube adalah penting, agar pelajar dapat menghubungkan pengetahuan dengan nilai-nilai Islam dan diterapkan dalam kehidupan seharian. Hal ini turut menyokong idea bahawa pendidikan bukan sahaja berkaitan dengan pemindahan ilmu tetapi juga pembentukan karakter yang beretika dan bertanggungjawab.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa teori al-Qabisi tetap relevan dan boleh diterapkan dalam konteks pendidikan Islam moden, terutama dengan kemajuan teknologi seperti YouTube. Prinsip-prinsipnya yang menekankan struktur, bimbingan, dan nilai-nilai etika tetap penting untuk memastikan pendidikan Islam yang benar-benar efektif dan bermakna.

2.4.3 Model *Knowledge-Attitude-Practice* (KAP)

Model KAP (*Knowledge, Attitude, dan Practice*) adalah singkatan kepada Pengetahuan, Sikap dan Amalan. Model ini digunakan untuk menerangkan tiga komponen penting dalam perubahan tingkah laku atau pembelajaran. Menurut Rogers (2003), wujud fenomena yang dikenali sebagai jurang pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) di mana mempunyai pengetahuan dan sikap positif terhadap inovasi tidak semestinya membawa kepada penggunaannya dalam amalan. Pengetahuan, sikap dan amalan adalah tiga komponen utama model KAP (Andersen 2011). Pengetahuan ialah komponen kognitif yang menentukan tingkah laku, niat, dan sikap seseorang (Fariyah 2015). Secara terperinci model KAP adalah sebagai berikut:

1. **Pengetahuan:** Komponen pengetahuan merangkumi pemahaman dan maklumat yang dimiliki seseorang tentang topik atau subjek tertentu. Pengetahuan ini boleh diperolehi melalui pembelajaran, pengalaman, atau sumber lain. Contohnya, dalam konteks pendidikan Islam, pengetahuan tentang ajaran agama, sejarah Nabi Muhammad, atau prinsip-prinsip etika Islam.
2. **Sikap:** Komponen sikap merangkumi pandangan, kepercayaan dan perasaan seseorang terhadap sesuatu topik atau subjek. Sikap boleh mempengaruhi cara seseorang bertindak balas atau berinteraksi dengan maklumat atau pengetahuan yang mereka ada. Dalam pendidikan Islam, sikap yang diinginkan ialah sikap positif terhadap agama, seperti hormat-menghormati, bertolak ansur dan mengambil berat terhadap orang lain.
3. **Amalan:** Komponen amalan merangkumi tindakan atau tabiat sebenar yang dilakukan oleh seseorang berdasarkan pengetahuan dan sikap yang mereka miliki. Amalan ialah pelaksanaan ilmu dan sikap dalam kehidupan seharian. Dalam pendidikan Islam, amalan boleh berbentuk melaksanakan ibadah, menerapkan nilai-nilai akhlak, atau perbuatan baik dalam masyarakat.


Model KAP ini sangat relevan dalam konteks pengajaran pendidikan Islam kerana ia melibatkan pemahaman ilmu agama, membentuk sikap Islam yang positif, dan mengaplikasikan amalan agama dalam kehidupan seharian. Dengan gabungan ketiga-tiga komponen ini, diharapkan perubahan tingkah laku dan pemahaman yang lebih baik dalam melaksanakan syiar Islam dapat berlaku.

2.4.4 Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*) (TAM)

Dibangunkan oleh Fred Davis, TAM meneroka faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penggunaan teknologi individu, yang mencakupi 1) *Perceived Usefulness* (PU), atau tahap di mana seseorang percaya bahawa penggunaan teknologi akan meningkatkan prestasi kerja mereka; 2) *Perceived Ease of Use* (PEU), iaitu kepercayaan bahawa penggunaan teknologi adalah mudah dan cepat; dan 3) *Attitude Towards Technology* (ATT), iaitu penilaian teknologi secara keseluruhan yang dicirikan oleh perasaan positif atau negatif mengenai teknologi apabila ia digunakan.

Di dalam PEU secara langsung memberi kesan kepada PU daripada TAM asal kerana teknologi yang lebih mudah digunakan lebih mungkin digunakan. PU dan PEU menentukan ATT, yang mempunyai kesan langsung ke atas *Behavioural Intention* (BI), iaitu keinginan untuk menggunakan teknologi dalam aktiviti profesional seseorang. Oleh itu, BI akan membawa kepada penggunaan teknologi yang berkesan, yang seterusnya akan membawa kepada penggunaan secara praktikal (Antonietti et al. 2022).

Versi pertama TAM yang diperkenalkan oleh Davis telah disemak pada tahun-tahun sebelumnya. Pengubahsuaian TAM oleh Davis dan Venkatesh (1996) mengecualikan konstruk sikap, berdasarkan bukti empirikal, kerana ia tidak sepenuhnya mengantara kesan PEU dan PU terhadap niat. Oleh itu, PEU dan PU mempunyai pengaruh langsung ke atas BI seperti yang ditunjukkan dalam Rajah berikut:



Note: PU = perceived usefulness; PEU = perceived ease of use; BI = behavioural intention; AU = actual use.

Rajah 2.4 Model penerimaan teknologi (*The technology acceptance model*)

Sumber: Davis dan Venkates 1996

Dalam kajian ini, pengaplikasian teori TAM boleh memberikan gambaran tentang pengetahuan dan kemahiran terhadap aplikasi YouTube sebagai medium pengajaran alternatif. Model Penerimaan Teknologi (TAM) ialah teori yang berharga untuk dipertimbangkan dalam konteks topik penyelidikan, "Pengatahuan dan

Kemahiran aplikasi YouTube dan Cabarannya dalam Pengajaran Pendidikan Islam". TAM amat relevan untuk memahami bagaimana individu, termasuk guru Pendidikan Islam dan pelajar sekolah menengah, menerima pakai teknologi, seperti YouTube, untuk tujuan pendidikan. Berkenaan objektif penyelidikan, TAM boleh memberikan pandangan berharga ke dalam objektif kajian.

TAM boleh diaplikasikan untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan guru Pendidikan Islam terhadap YouTube sebagai medium alternatif pengajaran. Ia mengkaji persepsi kemudahan penggunaan (betapa mudahnya guru menggunakan YouTube) dan persepsi kegunaan (sejauh mana guru percaya YouTube meningkatkan pengajaran mereka) sebagai penentu utama penerimaan teknologi. Dengan menggunakan TAM, pengkaji boleh menilai sejauh mana guru menganggap YouTube sebagai alat yang bermanfaat dalam pengajaran Pendidikan Islam dan sama ada persepsi mereka memberi kesan kepada penyepaduan YouTube ke dalam strategi pengajaran mereka.

Dari segi soalan penyelidikan pengkaji, TAM boleh digunakan untuk menangani soalan yang berkaitan dengan penerimaan dan penggunaan YouTube sebagai alat pengajaran dan pembelajaran, seperti contoh berikut:

1. Bagaimanakah guru Pendidikan Islam melihat kemudahan penggunaan dan kegunaan YouTube dalam pengajaran mereka?
2. Apakah faktor yang mempengaruhi keputusan guru Pendidikan Islam untuk menyepadukan YouTube ke dalam pengajaran mereka?
3. Bagaimanakah pelajar sekolah menengah melihat kemudahan penggunaan dan kegunaan YouTube untuk pembelajaran Pendidikan Islam mereka?
4. Sejauh manakah penerimaan pelajar terhadap YouTube memberi kesan kepada penglibatan dan prestasi akademik mereka dalam Pendidikan Islam?

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan tiga objektif kajian yang berkaitan dengan model TAM, iaitu:

1. Meneroka pengetahuan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.
2. Meneroka kemahiran aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.
3. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.

Dengan menggunakan TAM dalam penyelidikan yang dijalankan, maka pengkaji boleh mengkaji secara sistematik faktor penerimaan teknologi di kalangan guru dan pelajar, menjelaskan sikap dan tingkah laku mereka mengenai penggunaan YouTube sebagai medium alternatif dalam Pendidikan Islam. Rangka kerja ini boleh membantu pengkaji memperoleh pemahaman menyeluruh tentang penerimaan dan kesan YouTube dalam konteks pendidikan yang disiasat.

2.5 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.5.1 Pengetahuan Guru Berkaitan dengan Aplikasi YouTube

Kajian oleh Guntoro et al. (2022) mendapati bahawa integrasi YouTube dan Instagram dalam proses pengajaran di sekolah rendah mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran, terutamanya dalam menyampaikan maklumat secara lebih interaktif dan menarik. Walau bagaimanapun, kejayaan penggunaan platform ini bergantung kepada tahap pengetahuan guru dalam mengendalikan teknologi digital. Guru yang lebih celik teknologi dapat menyusun bahan pembelajaran dengan lebih baik, menggunakan video yang sesuai dengan objektif kurikulum, serta membimbing pelajar dalam mengakses kandungan yang bermanfaat. Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan latihan berterusan kepada guru bagi memastikan mereka mampu menggunakan teknologi secara efektif dalam bilik darjah.

Sementara itu, kajian oleh Simanjuntak et al. (2023) mendapati bahawa walaupun YouTube berpotensi sebagai medium pembelajaran yang efektif, banyak guru masih mengalami kesulitan dalam menggunakannya. Antara cabaran utama ialah kurangnya pengetahuan guru mengenai kaedah pemilihan video yang sesuai, kesukaran dalam menyesuaikan kandungan dengan keperluan kurikulum, serta

keterbatasan kemudahan teknologi di sekolah. Selain itu, isu kawalan terhadap kandungan yang diakses oleh pelajar juga menjadi kebimbangan utama. Kajian ini menyarankan agar guru diberikan latihan khusus untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan YouTube sebagai alat pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan.

Dalam konteks pendidikan Islam, kajian oleh Baihaqi et al. (2020) membuktikan bahawa YouTube merupakan medium yang berkesan dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap subjek agama. Kajian ini menunjukkan bahawa video YouTube dapat membantu pelajar memahami konsep agama dengan lebih mendalam melalui penyampaian visual yang lebih menarik dan mudah difahami. Namun, tahap keberkesanan penggunaan YouTube dalam pembelajaran agama sangat bergantung pada pengetahuan guru dalam memilih kandungan yang sesuai dan berkualiti. Guru yang memiliki pemahaman yang mendalam tentang teknologi mampu mengintegrasikan video secara lebih berkesan, manakala mereka yang kurang mahir dalam teknologi cenderung menghadapi kesulitan dalam menggunakannya. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa peningkatan literasi digital guru dalam penggunaan YouTube adalah penting untuk memastikan penyampaian ilmu yang lebih efektif dalam Pendidikan Islam.

Kajian oleh Abubakar dan Muhammed (2023) menekankan bahawa pengetahuan guru mengenai penggunaan YouTube dalam pendidikan memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mendapati bahawa guru yang mempunyai tahap literasi digital yang tinggi lebih cenderung untuk menggunakan YouTube sebagai alat bantu pengajaran yang interaktif dan menarik. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi adalah kekurangan latihan profesional dalam pemilihan kandungan yang sesuai serta kekangan teknikal seperti akses internet yang tidak stabil di beberapa kawasan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar guru diberi latihan secara berterusan dalam mengadaptasi YouTube sebagai medium pembelajaran yang lebih efektif.

Sementara itu, kajian oleh Alhrahshah et al. (2024) mengkaji bagaimana tahap pengetahuan guru terhadap platform digital seperti YouTube mempengaruhi

pendekatan pedagogi mereka. Kajian ini mendapati bahawa guru yang lebih mahir dalam teknologi mampu menggunakannya secara lebih inovatif, termasuk menghasilkan kandungan video sendiri bagi memenuhi keperluan pelajar. Sebaliknya, guru yang kurang mahir dalam teknologi cenderung hanya bergantung pada video yang sedia ada tanpa menyesuaikannya dengan kurikulum. Kajian ini menegaskan kepentingan program pembangunan profesional untuk meningkatkan kemahiran guru dalam penyuntingan video serta memahami strategi penyampaian yang lebih berkesan melalui platform digital.

Kajian oleh Fanani (2024) pula memberi tumpuan kepada keberkesanan YouTube sebagai alat bantu pengajaran dalam mata pelajaran tertentu, khususnya dalam bidang agama dan sains sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai teknologi lebih mudah mengintegrasikan video YouTube sebagai bahan bantu mengajar yang menarik minat pelajar. Kajian ini turut menekankan bahawa tahap kecekapan guru dalam menggunakan YouTube tidak hanya bergantung pada aspek teknikal, tetapi juga pada pemahaman mereka terhadap pedagogi digital serta kaedah penyampaian yang lebih dinamik.

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Destya dan Izza (2022) bagi guru kelas di sekolah-sekolah rendah Indonesia, bertujuan untuk menganalisis masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan video YouTube sebagai media pembelajaran di sekolah rendah. Jenis penyelidikan ini adalah kajian deskriptif dengan pendekatan kualitatif. Hasil dapatan yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian dan dokumentasi menunjukkan terdapat masalah utama yang dirasakan oleh guru semasa penggunaan media YouTube. Antaranya kesukaran guru dalam mencari kesesuaian kandungan dengan bahan pengajaran dan kesukaran dalam proses memuat turun video, yang mengambil masa yang lama disebabkan oleh pengetahuan dan kemahiran guru. Masalah yang diperolehi boleh dijadikan rujukan dalam memberi sokongan kepada guru dalam mengatasi masalah penggunaan video YouTube agar pembelajaran lebih berkualiti terutamanya dalam aspek pengetahuan guru yang mendalam dalam strategi pengajaran mereka. Bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah az-Zumar ayat 9.

....قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٩

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Apakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?”. Sesungguhnya orang yang berakal sehat yang dapat menerima pelajaran.

Kajian Fathuddin et al. (2023) membincangkan isu-isu pembelajaran pendidikan agama Islam era milenial, memfokuskan kepada guru, kaedah pengajaran, media pembelajaran, dan minat pelajar untuk belajar. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di daerah Pasangkayu. Penyelidikan menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik pengumpulan data seperti pemerhatian langsung, temu bual mendalam, dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melaksanakan pembelajaran pendidikan Agama Islam pada generasi milenial bermula dengan penyediaan alat pengajaran. Namun begitu, penerapan kaedah pengajaran dan pemanfaatan teknologi pendidikan masih memerlukan lebih banyak penambahbaikan. Isu-isu pembelajaran pendidikan agama Islam generasi milenial di sekolah menengah merangkumi masalah dalaman dan luaran. Masalah dalaman termasuk keperluan guru untuk lebih keupayaan untuk menyampaikan pelajaran dan menggunakan teknologi pendidikan. Guru agama Islam harus menjadi suri teladan kepada pelajar dalam soal tanggungjawab, minat yang rendah, dan motivasi belajar. Masalah luaran termasuk pengaruh kemajuan sains dan teknologi dalam komunikasi dan kesan persekitaran sosial. Penyelesaian masalah pembelajaran ini melibatkan guru Agama Islam memperbaiki proses pembelajaran, menyediakan alat bantu belajar, dan menguasai teknologi pendidikan.

Eraku et al. (2023) dalam kajiannya bertujuan untuk menghuraikan kompetensi guru Pendidikan Agama Islam dalam era digital. Hasil dapatan membincangkan kompetensi guru dan pembelajaran era digital, cabaran, dan strategi guru Pendidikan Agama Islam dalam mengharungi cabaran pembelajaran era digital. Guru dalam era digital mestilah berupaya menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi bagi memudahkan pelajar mengikutinya kerana maklumat yang diterima dari alam siber adalah pantas. Akhir sekali, guru Pendidikan Agama Islam mesti meningkatkan keupayaan mereka menggunakan teknologi dan

media pembelajaran berasaskan maklumat di dalam bilik darjah dan menjauhkan diri daripada buku teks supaya proses pembelajaran mencapai objektifnya dan menyediakan pelajar dengan banyak peluang untuk mengembangkan kreativiti pembelajaran mereka.

Hidayati et al. (2023) mengkaji mengenai Latihan Membuat Media Pembelajaran Berasaskan Teknologi dalam kalangan Pendidik PAUD. Teknologi di sini boleh digunakan semasa proses pembelajaran kepada pelajar seperti dalam membuat media pembelajaran menggunakan media digital yang dipaparkan menggunakan projektor, membuat video animasi pembelajaran, atau video pembelajaran yang kreatif dan inovatif. Para pendidik diperkenalkan dengan cara membuat slaid pembentangan yang boleh meningkatkan kesediaan kanak-kanak untuk belajar. Hasil kajian mendapati bahawa (1). Ahli HIMPAUDI merasai nikmat mengikuti latihan berdasarkan media pembelajaran yang kreatif dan inovatif. 2. Tidak semua guru boleh memohon pembelajaran dalam talian kepada pelajar PAUD, baik kerana peralatan yang terhad mahupun kerana mereka tidak mempunyai kemahiran dalam bidang IT. 3. Pelajar PAUD dalam proses pembelajaran memerlukan bantuan tambahan terutama dalam pembelajaran dalam talian semasa pandemik. 4. Bantuan khas diperlukan untuk guru dalam membuat media pembelajaran.

Jailani dan Suyadi (2023) dalam kajiannya mengenai pendidikan Islam di Madura masih mengamalkan pendidikan berasaskan pesantren. Keperluan pembangunan pendidikan Islam seperti kesederhanaan agama dan penggunaan teknologi maklumat, pemantapan pengurusan ilmu pendidik, ustadz, dan guru di Pamekasan Madura. Hasil kajian membuktikan orang Madura mengikut konsep dan pendekatan alternatif kepada ilmu berasaskan Islam moden. Pengetahuan dan pendekatan dalam era teknologi cukup diterima oleh golongan muda, generasi muda, dan orang dewasa. Pendekatan neurosains yang integrasikan dengan pendidikan Islam moden mampu memberi kesedaran dan literasi teknologi dalam masyarakat Madura. Salah satunya lebih peka dan sedar akan kepentingan pendidikan Islam.

Jadual 2.2 Ringkasan kajian-kajian lepas mengenai pengetahuan guru berkaitan dengan YouTube

Pengkaji/Tahun	Dapatan kajian
Destya Ramadhina dan Izza Rohman (2022)	Terdapat lima masalah utama yang dirasai oleh guru semasa penggunaan media YouTube antaranya kekurangan peranti untuk memaparkan video, kesukaran mencari kesesuaian kandungan dengan bahan pengajaran, kesukaran dalam proses memuat turun video. yang mengambil masa yang lama disebabkan oleh pengetahuan dan kemahiran guru, kesukaran mengurus masa semasa proses pembelajaran, serta kesukaran mengawal sikap pelajar untuk fokus terhadap pembelajaran.
Eraku et al. (2023)	Membincangkan kompetensi guru dan pembelajaran era digital, cabaran, dan strategi guru Pendidikan Agama Islam dalam mengharungi cabaran pembelajaran era digital.
Fathuddin et al. (2023)	Penerapan kaedah pengajaran dan pemanfaatan teknologi pendidikan Islam masih memerlukan lebih banyak penambahbaikan.
Hidayati et al. (2023)	Hasil kajian mendapati bahawa (1). Ahli HIMPAUDI merasai nikmat mengikuti latihan berdasarkan media pembelajaran yang kreatif dan inovatif. 2. Tidak semua guru boleh memohon pembelajaran dalam talian kepada pelajar PAUD, baik kerana peralatan yang terhad mahupun kerana mereka tidak mempunyai kemahiran dalam bidang IT. 3. Pelajar PAUD dalam proses pembelajaran memerlukan bantuan tambahan terutama dalam pembelajaran dalam talian semasa pandemik. 4. Bantuan khas diperlukan untuk guru dalam membuat media pembelajaran.
Jailani dan Suyadi (2023)	Pengetahuan dan pendekatan dalam era teknologi cukup diterima oleh golongan muda, generasi muda, dan orang dewasa.
Abubakar dan Muhammed (2023)	Pengetahuan guru tentang YouTube mempengaruhi keberkesanan pengajaran, di mana guru yang celik teknologi lebih cenderung menggunakannya secara interaktif. Namun, kekangan seperti kurang latihan profesional dan akses internet yang terhad menjadi cabaran utama.
Alhrahshah et al. (2024)	Guru yang mahir teknologi mampu menghasilkan kandungan sendiri dan menyesuaikan video dengan kurikulum, manakala mereka yang kurang mahir hanya bergantung pada video sedia ada.
Fanani (2024)	Kecekapan guru dalam menggunakan YouTube bergantung kepada pemahaman pedagogi digital selain kemahiran teknikal, terutamanya dalam bidang agama dan sains sosial
Rini dan Suharto (2024)	Kepentingan latihan guru bagi memastikan penggunaan YouTube yang lebih terarah dan berstruktur dalam pembelajaran, bagi mengelakkan ketidakseimbangan dalam kawalan kandungan yang diakses pelajar.

2.5.2 Kemahiran Guru Berkaitan dengan Aplikasi YouTube

Pengkaji menyenaraikan beberapa kajian lepas berkaitan dengan isu kemahiran guru dengan skop dan bidang kajian yang berbeza. Antaranya kajian yang telah dijalankan oleh Nurul Farhana dan Mohd Faisal (2021), dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tetapi tahap kemahiran dan sikap yang sederhana mengenai kesediaan PdP dalam talian. Adalah

mustahak bagi para pendidik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran aplikasi digital mereka agar sejajar dengan tuntutan pembangunan pendidikan moden, khususnya dalam konteks PdP dalam talian. Oleh itu, untuk meningkatkan kesediaan guru untuk PdP dalam talian, adalah penting bagi mereka untuk terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menggunakan aplikasi digital yang berkaitan. Ini akan membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan pendidikan moden yang berkembang dan memastikan PdP dalam talian yang berkesan.

Manakala dalam kajian Sivasanggari et al. (2023) membincangkan pendekatan inovatif kaedah pengajaran didik hibur yang diperkenalkan sebagai alternatif kepada kaedah pengajaran tradisional. dalam pengajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dilaporkan bahawa ramai guru Bahasa Melayu masih menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Bagi menjawab isu ini, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kaedah pengajaran didik hibur dan cabaran yang dihadapi oleh guru di samping meninjau hubungan antara kedua-dua aspek tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa sesetengah guru kurang kemahiran menguasai kaedah ini, menyebabkan mereka tidak menggunakannya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Untuk menangani isu ini, adalah penting untuk memanfaatkan kepakaran guru contoh, yang boleh membantu dan menunjukkan penggunaan kaedah pengajaran didik hibur yang betul kepada rakan-rakan mereka, membolehkan mereka menjadi mahir dan selesa dalam menggunakan kaedah ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kajian oleh Al-Jarf (2021) menyokong kepentingan pengetahuan guru dalam menggunakan YouTube sebagai alat bantu mengajar. Dalam kajiannya terhadap guru bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL), beliau meneliti matlamat, faedah, serta cabaran penggunaan YouTube dalam pendidikan. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah keperluan guru untuk mempunyai kemahiran dalam memilih kandungan yang sesuai, menilai kebolehpercayaan sumber, serta mengatasi kebimbangan berkaitan privasi dan keselamatan. Selain itu, cabaran dalam menyepadukan YouTube secara berkesan dengan kurikulum dan strategi pengajaran turut menjadi perhatian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan YouTube dalam pembelajaran sangat

bergantung kepada tahap literasi digital guru dan keupayaan mereka untuk menggunakan teknologi secara terancang dan sistematik.

Kajian oleh Bestari (2022) mengkaji penggunaan YouTube sebagai media pembelajaran dalam Program Studi Administrasi Pendidikan di Universitas Jambi. Kajian ini menunjukkan bahawa YouTube berperanan sebagai alat bantu yang efektif dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap subjek yang dipelajari. Namun, keberkesanannya bergantung kepada kemahiran guru dalam memilih, menyusun, dan mengintegrasikan kandungan video dengan kurikulum pengajaran. Kajian ini juga menyoroti cabaran seperti keperluan akses internet yang stabil serta keupayaan guru dalam menilai kebolehpercayaan dan kesesuaian bahan yang digunakan. Oleh itu, latihan dan pembangunan profesional guru amat diperlukan untuk memastikan penggunaan YouTube dalam pembelajaran dapat dimanfaatkan secara optimum.

Secara amnya kajian lepas menunjukkan bahawa kemahiran guru dalam menggunakan YouTube memainkan peranan penting dalam keberkesanannya pengajaran. Ishak dan Khalid (2021) mendapati bahawa penggunaan video YouTube dalam pembelajaran Geografi Fizikal di sekolah menengah dapat meningkatkan minat dan pencapaian murid. Namun, keberkesanannya bergantung kepada keupayaan guru dalam memilih, menyusun, dan mengintegrasikan kandungan video dengan kaedah pengajaran yang sesuai. Guru yang mempunyai kemahiran digital yang baik mampu menggunakan YouTube sebagai alat bantu pengajaran secara lebih interaktif dan menarik.

Selain itu, Halili dan Sugumaran (2019) meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan YouTube dalam kalangan guru sekolah rendah bagi pengajaran Kesusasteraan Tamil. Kajian ini menegaskan bahawa kemahiran teknologi guru adalah antara faktor utama yang menentukan keberkesanannya penggunaan YouTube dalam pembelajaran. Guru yang kurang mahir dalam teknologi menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan kandungan YouTube dengan keperluan kurikulum, manakala guru yang lebih mahir dapat memanfaatkan video dengan lebih kreatif untuk meningkatkan pemahaman pelajar.

Seterusnya, Rou et al. (2022) meneliti hubungan antara kesediaan, pengetahuan, dan kemahiran guru terhadap pengajaran dalam talian. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap kemahiran digital yang tinggi lebih cenderung menggunakan YouTube dan platform digital lain dengan lebih berkesan dalam pengajaran mereka. Namun, guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi menghadapi cabaran dalam menyusun dan menyampaikan bahan pembelajaran secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan latihan berterusan bagi meningkatkan kemahiran guru dalam penggunaan teknologi, termasuk YouTube, untuk memastikan keberkesanan pengajaran dalam era digital.

Secara terperinci, maklumat mengenai kajian lepas berkaitan dengan kemahiran aplikasi YouTube adalah sebagai berikut.

Jadual 2.3 Ringkasan kajian-kajian lepas berkaitan kemahiran guru berkaitan dengan YouTube

Penulis/Tahun	Dapatan kajian
Al-Jarf (2021)	Terdapat cabaran dalam meningkatkan kemahiran memilih kandungan yang sesuai terhadap penggunaan YouTube.
Nurul Farhana dan Mohd Faisal (2021)	Guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tetapi tahap kemahiran yang sederhana.
Zamri dan Norasmah (2023)	Guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Jasin, Melaka mempamerkan tahap pengamalan kaedah pengajaran didik hibur yang sederhana.
Bestari (2022)	Keberkesanan platform ini bergantung kepada kemahiran guru dalam menyusun dan mengintegrasikan kandungan video dengan kurikulum.
Ishak dan Khalid (2021)	Penggunaan YouTube dalam pembelajaran Geografi Fizikal mampu meningkatkan minat dan pencapaian murid, bergantung kepada kecekapan guru dalam memilih dan mengadaptasi kandungan video.
Halili dan Sugumaran (2019)	Guru yang kurang mahir dalam teknologi menghadapi kesukaran dalam menyepadukan YouTube dengan keperluan kurikulum, manakala guru yang lebih mahir dapat menggunakannya secara kreatif untuk meningkatkan pemahaman pelajar.
Rou et al. (2022)	Tahap kemahiran digital guru mempengaruhi keupayaan mereka menggunakan YouTube dengan berkesan dalam pengajaran dalam talian, dan menekankan keperluan latihan berterusan bagi meningkatkan kecekapan guru dalam teknologi.

Kajian tentang pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran pendidikan Islam adalah berbeza dalam fokusnya berbanding kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan sebelum ini. Para pengkaji terdahulu tidak

memfokuskan kepada aplikasi YouTube, tetapi kepada teknologi secara amnya. Dalam artikel-artikel tersebut, isu-isu ini memberikan pemahaman tentang cabaran dan halangan yang harus dipertimbangkan oleh guru pendidikan Islam dalam menggunakan aplikasi YouTube untuk meningkatkan kemahiran pengajaran mereka.

2.5.3 Cabaran Berkaitan dengan Aplikasi YouTube dalam Pengajaran

Memasuki era globalisasi telah menjadikan sistem pendidikan di Malaysia bergerak seiring dengan teknologi masa kini kerana masyarakat juga berubah oleh arus yang serba canggih. Perubahan ini telah mengakibatkan guru-guru beranggapan tugas mereka semakin mencabar kesan daripada perubahan dunia ke era globalisasi yang positif mahupun negatif (Nik Mohd Rahimi et al. 2002). Hakikatnya pendekatan menggunakan teknologi dalam pembelajaran ini dapat meningkatkan kebolehan para pengajar dalam menyelesaikan pelbagai masalah pengajaran apabila para pengajar tersebut dapat menguasai pendekatan tersebut (Noradilah Aziz & Lai Wei Sieng 2019).

Selain itu, kajian terkini oleh Asiah et al. (2023) hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan penstriman langsung YouTube telah memberi manfaat kepada proses pembelajaran dalam empat cara, iaitu meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar, meningkatkan keupayaan pelajar menggunakan teknologi, menjemput pelajar kepada proses pembelajaran sebenar, dan meningkatkan kreativiti guru. Empat faedah tersebut merupakan bukti bahawa media pembelajaran yang baik memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, YouTube boleh memainkan peranan penting dalam akademik pelajar (Srinivasacharlu 2020).

Walau bagaimanapun, jaringan internet lemah dan aksesibiliti yang terhad menjadi cabaran penggunaan YouTube. Ini termasuklah juga berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran guru yang masih kurang tentang penggunaan internet yang mana mereka juga menghadapi kesulitan dalam pencarian dan mengenal pasti maklumat tertentu (Kasturi & Norasmah 2022). Kebanyakan guru mengambil masa yang lama untuk mencari maklumat dengan menggunakan internet dan ada guru yang masih tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam melayari internet. Akibat kelemahan tersebut, mereka berasa malu, risau akan diketahui oleh para pelajar

(Suzlina 2016), dan akhirnya guru menjadi malas untuk menggunakan aplikasi digital atau internet sebagai bahan bantu mengajar mereka.

Selain itu, dalam kajian Arif Abd Aziz dan Abdurakhmonovich (2023) menjalankan kajian di Sekolah Madrasah Ibtidaiyah mendapati bahawa kelas digital pintar termasuk penggunaan YouTube benar-benar boleh merangsang kreativiti guru apabila mereka mencari cara terbaik untuk membuat bahan pengajaran. Antara cabaran yang dihadapi guru dalam penggunaan kelas digital ialah batasan gajet yang menyokong penggunaan kelas digital, kemahiran guru, dan peraturan sekolah untuk menyediakan sokongan.

Toleuzhan et al. (2023) bahawa kemajuan teknologi pada masa kini menunjukkan bahasa Inggeris menjadi keperluan untuk dikuasai dan diajar kepada pelajar. Banyak alat media boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran bahasa. Salah satu media yang digunakan secara meluas dianggap sebagai laman web video *YouTube.com* kerana ia adalah media sosial yang paling dinilai secara positif oleh semua pelajar. Dengan akses internet yang mencukupi, pelajar boleh menggunakan video YouTube sebagai alat yang berharga untuk membangunkan pelbagai kemahiran bahasa asing. Penyelidikan ini meneroka jenis video YouTube EFL yang kebanyakannya ditonton oleh pelajar menengah untuk meningkatkan kemahiran bertutur di sekolah untuk kanak-kanak berbakat di Kazakhstan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Menengah mempunyai sikap positif terhadap penggunaan video YouTube untuk mempelajari kemahiran berbahasa Inggeris. Selain itu, maklum balas peserta menunjukkan kebanyakan kategori yang digunakan didapati berkenaan filem, lagu dan vlog Inggeris. Pengarang juga mengenal pasti bahawa jenis video YouTube yang paling disukai membantu pelajar menjadi bermotivasi dan yakin sepanjang percubaan.

Selanjutnya, Widiantari et al. (2023) menyatakan bahawa penggunaan YouTube boleh menjejaskan kemahiran bahasa pelajar. Selain itu, penggunaan YouTube turut menjejaskan motivasi diri dan pembelajaran terkawal sendiri untuk pelajar muda dwibahasa. Walaupun terdapat lebih banyak aspek positif, penggunaan YouTube dalam pengajaran bahasa juga mempunyai beberapa aspek negatif (Çangal

2020). Menurut pelajar, YouTube boleh menyebabkan pembelajaran palsu. Tidak bertanya soalan kepada guru adalah satu lagi ciri negatif. Pelajaran Bahasa Arab YouTube, menghadapi iklan dan kandungan yang tidak relevan adalah antara masalah utama yang dihadapi oleh pelajar. Satu lagi hasil kajian ialah; Ternyata jumlah pelajaran bahasa Arab yang diberikan di YouTube adalah kurang daripada bahasa lain, yang dianggap sebagai kekurangan yang serius oleh pelajar.

Jadual 2.4 Ringkasan kajian-kajian lepas berkaitan cabaran YouTube dalam pengajaran

Penulis/Tahun	Dapatan kajian
Arif Abd Aziz dan Abdurakhmonovich (2023)	Antara cabaran yang dihadapi guru adalah batasan gajet yang menyokong penggunaan kelas digital, kemahiran guru, dan peraturan sekolah untuk menyediakan sokongan.
Dubovi dan Tabak (2020)	Berkaitan dengan interaksi pelajar yang tidak formal dalam komen mereka di YouTube, ia tidak boleh mengukur pembelajaran sebenar, yang paling penting dan diperlukan dalam kitaran pengajaran. Walau bagaimanapun, ia terhad kepada satu subjek sahaja.
Kasturi dan Norasmah (2022)	Jaringan internet lemah dan aksesibiliti yang terhad menjadi cabaran penggunaan YouTube. Ini termasuklah juga berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran guru yang masih kurang tentang penggunaan internet yang mana mereka juga menghadapi kesulitan dalam pencarian dan mengenal pasti maklumat tertentu.
Toleuzhan et al. (2023)	Pelajar Pendidikan Menengah mempunyai sikap positif terhadap penggunaan video YouTube
Widiantari et al. (2023)	Jumlah pelajaran bahasa Arab yang diberikan di YouTube adalah kurang daripada bahasa lain, yang dianggap sebagai kekurangan yang serius oleh pelajar.

2.5.4 Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Penggunaan YouTube dalam Pendidikan Islam

Sehingga kajian ini dibuat, didapati tidak terdapat banyak kajian berkaitan penggunaan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah menengah terutamanya kajian di Malaysia. Namun, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan medium YouTube ini di negara luar seperti Indonesia. YouTube digunakan dalam pelbagai perspektif termasuklah dalam subjek PdP dan membuktikan penggunaan YouTube dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar khususnya dalam subjek Pendidikan Islam atau dakwah Islamiah. Kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad Bakhtiar et al. (2024) membuktikan, dengan menggunakan video YouTube mampu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar dalam beberapa aspek iaitu kelancaran, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa.

Penggunaan YouTube sebagai medium pembelajaran dalam Pendidikan Agama Islam (PAI) semakin berkembang di era digitalisasi. Kajian oleh Hasmiza dan Humaidi (2023) menunjukkan bahawa YouTube membantu meningkatkan pemahaman pelajar melalui kandungan visual yang lebih interaktif dan menarik. Namun, kawalan terhadap kandungan video serta peranan guru dalam menyesuaikan bahan pembelajaran amat diperlukan bagi memastikan keberkesanannya. Seiring dengan itu, Salsabila et al. (2022) turut menekankan trend penggunaan media sosial dalam pendidikan Islam, termasuk YouTube, yang mampu meningkatkan interaksi serta keterlibatan pelajar. Walaupun media sosial memberikan impak positif, cabaran seperti kawalan kandungan dan kesesuaian bahan dengan kurikulum masih menjadi isu utama.

Dalam konteks pengajaran sejarah kebudayaan Islam, Nursobah (2021) mendapati bahawa YouTube dapat membantu pelajar memahami sejarah Islam dengan lebih jelas melalui visualisasi peristiwa sejarah, sekali gus meningkatkan minat dan motivasi mereka. Begitu juga dalam bidang fiqh, kajian oleh Oktaviani dan Istikomah (2023) menunjukkan bahawa penggunaan YouTube menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mudah difahami, di samping membantu pelajar memahami konsep fiqh dengan lebih berkesan. Manakala, kajian oleh Hasmiza dan Romelah (2022) di SMP Nurul Jannah Natuna mendapati bahawa YouTube memperkayakan bahan pengajaran Pendidikan Agama Islam, namun pemantauan guru sangat diperlukan bagi memastikan kesesuaian kandungan dengan nilai-nilai Islam.

Selain itu, kajian oleh Pawestri (2024) mengkaji kebermanfaatan YouTube dalam pendidikan Islam di era milenial, di mana akses yang fleksibel ke sumber pembelajaran menjadi kelebihan utama. Namun, terdapat cabaran seperti pengaruh kandungan yang tidak terkawal dan kebergantungan pelajar terhadap teknologi. Kajian terakhir oleh Novyana et al. (2022) pula menganalisis nilai-nilai pendidikan Islam dalam video YouTube yang trending, di mana terdapat kandungan yang mengandungi elemen pendidikan Islam, tetapi tidak semuanya memenuhi piawaian pendidikan yang sepatutnya. Oleh itu, kepentingan kawalan kandungan dan garis panduan dalam pemilihan bahan pembelajaran perlu diberi perhatian.

Suheri et al. (2023) dalam kajiannya menyelidiki nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam lagu nasyid One4kids Subhi Alshaik. Kajian ini juga bertujuan untuk memberitahu ibu bapa bahawa lagu nasyid One4kids oleh Subhi Alshaik boleh membantu anak-anak memahami dan mengajar agama. Penyelidikan ini tergolong dalam kategori penyelidikan kualitatif yang menggunakan kaedah kesusasteraan. Data primer dan sekunder digunakan untuk kajian ini. Lagu nasyid One4kids oleh Subhi Alshaik adalah asas data. Jurnal, buku, dan video adalah contoh data sekunder. Kajian ini mengumpulkan data melalui pemerhatian dan dokumentasi. Kajian ini menggunakan analisis data analisis kandungan. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa nilai-nilai pendidikan Islam terdapat dalam lagu nasyid One4kids dengan tiga tema yang berbeza. Nilai pertama ialah pendidikan iman (aqidah), yang bermaksud memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah dan bersyukur atas keberkatan-Nya. Kedua, pendidikan Islam atau ibadah, yang merujuk kepada beribadah kepada Allah melalui Sunnah Nabi Muhammad. Ketiga, pendidikan moral, yang bermaksud hidup dengan cara yang baik. Sebagai sebahagian daripada usaha ibu bapa untuk menanamkan nilai pendidikan Islam kepada anak-anak mereka melalui penggunaan media sosial YouTube untuk mengikuti kemajuan sains dan teknologi pada era Masyarakat 5.0.

Selain itu, Fibrianto Huda dan Diponegoro (2023) dalam kajiannya bahawa perkembangan era yang semakin maju diikuti dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih menjadikan peningkatan pemikiran yang lebih kreatif dan berimajinasi dalam memahami perkembangan media maklumat. Menariknya, pelbagai ciri aplikasi yang ada amat digemari oleh kanak-kanak. Bagaimana pula jika tiada sempadan dalam mencari maklumat dan mengurus siaran melalui media yang ditonton oleh kanak-kanak terutamanya peringkat awal kanak-kanak yang masih belum mampu untuk menyusun dan memilih mana yang baik dan mana yang buruk, sehingga sering kali rancangan ini boleh menjadi model peranan. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana aplikasi YouTube Kidz menjadi medium penyiaran kandungan pendidikan Islam untuk peringkat awal kanak-kanak. Metode penelitian ini berbentuk kajian perpustakaan melalui penelusuran berbagai karya ilmiah, berupa buku, makalah, jurnal tentang media (khususnya YouTube Kids), kemudian tahap pengolahan data dan menganalisis data yang telah dikumpul, penulis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian ini menunjukkan kandungan Islamik dalam

aplikasi YouTube Kidz merangkumi siaran rangkaian lagu dan doa kanak-kanak Islamik, siri cerita Islamik dan cerita yang dianalisis oleh pengkaji sebagai kajian mendalam terhadap kandungan bertemakan pendidikan.

Gürkan Dağbaşı et al. (2023) menyatakan bahawa perkembangan teknologi, yang diikuti rapat di seluruh dunia, telah meningkatkan keupayaan orang untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Akibat daripada proses pemindahan maklumat ini, orang mencari pelbagai platform media untuk menyatakan fikiran dan perasaan mereka. Penggunaan platform media sosial membolehkan mereka memenuhi keperluan sosial komuniti yang luas yang terdiri daripada pelbagai budaya dan segmen. Dengan keupayaannya untuk menyatukan populasi yang besar, media sosial mempunyai tempat yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Aktiviti bahasa asing juga telah berkembang melalui media sosial, dan YouTube telah menjadi tempat popular untuk pelajaran bahasa asing. Bahasa Arab adalah salah satu daripada bahasa ini, yang dituturkan oleh kira-kira 450 juta orang di seluruh dunia. Antara bahasa asing yang paling banyak diajar di negara kita adalah Arab. Dalam kes ini, jelas bahawa media sosial, bersama-sama dengan teknologi lain, mencipta asas yang sesuai untuk penggunaan pedagogi dalam pengajaran bahasa Arab. Kajian ini mengkaji persepsi pelajar universiti terhadap penggunaan YouTube, alat media sosial, dalam pengajaran bahasa Arab. 200 pelajar yang mengambil bahagian dalam kelas persiapan bahasa Arab di universiti mengambil bahagian dalam kajian ini. Pandangan mereka tentang pengajaran bahasa Arab yang diajar di YouTube dikaji. Selepas pengajian, pelajar mengambil kelas persediaan bahasa Arab. Mereka menunjukkan bahawa mereka percaya bahawa menggunakan YouTube adalah berfaedah untuk mengajar bahasa Arab. Hasil daripada jawapan kepada soalan terbuka mengenai sama ada YouTube membantu dalam mengajar bahasa Arab, telah didapati bahawa pelajaran YouTube membantu pelajar dalam proses menyediakan dan mengulang kursus di sekolah. Kajian juga mendapati bahawa bilangan pelajaran bahasa Arab di YouTube adalah kurang daripada pelajaran bahasa lain. Ini dianggap sebagai kekurangan yang ketara pelajar.

Seterusnya, YouTube sebagai medium pembelajaran yang efektif dalam pendidikan Islam, bergantung kepada kemahiran guru dalam menggunakannya secara

berkesan. Baihaqi et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan YouTube sebagai alat bantu dalam pengajaran Pendidikan Agama Islam di SMK Nurul Yaqin Sampang mampu meningkatkan pemahaman pelajar. Kajian ini menekankan bahawa keberkesanan YouTube bergantung kepada keupayaan guru dalam memilih dan mengadaptasi kandungan agar selaras dengan objektif pembelajaran.

Hasmiza dan Humaidi (2023) pula membincangkan keberkesanan YouTube dalam pendidikan agama Islam di era digitalisasi, dengan menekankan bahawa guru perlu mempunyai kemahiran teknologi yang mencukupi untuk memanfaatkan platform ini secara interaktif dan menarik. Selain itu, Suradika et al. (2020) mengkaji penggunaan YouTube dalam pembelajaran jarak jauh di sekolah rendah Islam dan mendapati bahawa guru yang mahir menggunakan teknologi dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian ilmu, terutama dalam situasi pembelajaran dalam talian.

Jadual 2.5 Rumusan kajian-kajian terdahulu berkaitan penggunaan YouTube dalam Pendidikan Islam

Penulis/Tahun	Dapatan kajian
Fibrianto et al. (2023).	Kandungan Islamik dalam aplikasi YouTube Kidz merangkumi siaran rangkaian lagu dan doa kanak-kanak Islamik, siri cerita Islamik dan cerita yang dianalisis oleh pengkaji sebagai kajian mendalam terhadap kandungan bertemakan pendidikan.
Gürkan Dağbaşı et al. (2023).	Pelajaran YouTube membantu pelajar dalam proses menyediakan dan mengulang kursus di sekolah. Bilangan pelajaran bahasa Arab dengan YouTube adalah kurang daripada pelajaran bahasa lain.
Hasmiza dan Humaidi (2023)	YouTube membantu meningkatkan pemahaman pelajar melalui kandungan visual yang lebih interaktif dan menarik.
Salsabila et al. (2022)	Menekankan trend penggunaan media sosial dalam pendidikan Islam, termasuk YouTube, yang mampu meningkatkan interaksi serta keterlibatan pelajar.
Nursobah (2021)	YouTube dapat membantu pelajar memahami sejarah Islam dengan lebih jelas melalui visualisasi peristiwa sejarah, sekali gus meningkatkan minat dan motivasi mereka.
Oktaviani dan Istikomah (2023)	Penggunaan YouTube menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mudah difahami, di samping membantu pelajar memahami konsep fiqh dengan lebih berkesan.
Pawestri (2024)	Kebermanfaatan YouTube dalam pendidikan Islam di era milenial, di mana akses yang fleksibel ke sumber pembelajaran menjadi kelebihan utama.

bersambung...

...sambungan

Novyana et al. (2022)	Menganalisis nilai-nilai pendidikan Islam dalam video YouTube yang trending, di mana terdapat kandungan yang mengandungi elemen pendidikan Islam, tetapi tidak semuanya memenuhi piawaian pendidikan yang sepatutnya.
Suheri et al. (2023)	Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa nilai-nilai pendidikan Islam terdapat dalam YouTube iaitu lagu nasyid One4kids dengan tiga tema yang berbeza. Nilai pertama ialah pendidikan iman (aqidah). Kedua, pendidikan Islam atau ibadah. Ketiga, pendidikan moral.
Baihaqi et al. (2020)	Penggunaan YouTube sebagai alat bantu dalam pengajaran Pendidikan Agama Islam di SMK Nurul Yaqin Sampang mampu meningkatkan pemahaman pelajar.
Hasmiza dan Humaidi (2023)	Keberkesanan YouTube dalam pendidikan agama Islam di era digitalisasi, dengan menekankan bahawa guru perlu mempunyai kemahiran teknologi yang mencukupi untuk memanfaatkan platform ini secara interaktif dan menarik.
Suradika et al. (2020)	YouTube dalam pembelajaran jarak jauh di sekolah rendah Islam dan mendapati bahawa guru yang mahir menggunakan teknologi dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian ilmu, terutama dalam situasi pembelajaran dalam talian.

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, YouTube mempunyai potensi besar sebagai medium pembelajaran dalam Pendidikan Agama Islam, terutamanya dalam meningkatkan pemahaman dan minat pelajar melalui pendekatan visual yang lebih interaktif. Namun, cabaran seperti kawalan kandungan, kesesuaian bahan dengan kurikulum, serta pengaruh negatif media sosial perlu ditangani dengan teliti bagi memastikan penggunaannya benar-benar memberi manfaat kepada pelajar dan sistem pendidikan Islam secara keseluruhannya.

2.6 KESIMPULAN

Bab 2 membincangkan penerokaan mendalam tentang pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam. Ia merangkumi pelbagai aspek, daripada revolusi pendidikan digital dan definisi teknologi kepada perspektif Islam dan asas teori. YouTube sebagai medium alternatif pengajaran Pendidikan Islam dapat memberikan impak yang bermakna terhadap pelajar dalam penguasaan subjek Pendidikan Islam dengan lebih baik. Guru seharusnya memilih pendekatan atau teknik yang sesuai dalam menggunakan video YouTube agar matlamat dan objektif dapat tercapai dengan jayanya. Bab ini juga menyemak penyelidikan terdahulu tentang pengetahuan, kemahiran, cabaran aplikasi YouTube dalam pengajaran guru pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, ia

menetapkan peringkat untuk penyelidikan seterusnya dengan membentangkan pemahaman yang komprehensif tentang perkara subjek dan mengenal pasti kawasan untuk penyelidikan lanjutan.



BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab 3 ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kaedah penyelidikan oleh pengkaji. Metodologi kajian menjadikan kajian lebih sistematik dan berfokus kepada pencapaian matlamat kajian. Untuk memastikan kajian tidak menyimpang daripada matlamatnya, panduan metodologi kajian ini sangat penting. Penggunaan metodologi kajian oleh pengkaji diterangkan secara terperinci dalam bab ini. Pengkaji telah merancang dan menyusun metodologi kajian, iaitu termasuk cara untuk mendapatkan data dan maklumat. Selain itu, dalam bab ini pengkaji membincangkan beberapa subtopik, termasuk informan kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian pra lapangan, tata cara pengumpulan data, kaedah dan prosedur pengumpulan data, serta penganalisan data.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menurut Denzin dan Lincoln (2009) bahawa kajian kualitatif digunakan dalam bidang ilmu sosial seperti pendidikan, kerja sosial dan ilmu komunikasi. Selain itu, kajian kualitatif bertujuan untuk membantu pengkaji memahami persekitaran mereka dan memberikan penjelasan tentang fenomena yang telah dan sedang berlaku (Chua 2014). Kajian kualitatif yang digunakan pengkaji berbentuk kajian kes. Kajian kes boleh digunakan pada mana-mana campuran data kuantitatif atau kualitatif (Yin 1994). Dalam bidang pendidikan, kajian kes biasanya boleh melibatkan sebuah sekolah, sebuah kelas, pentadbiran, seorang guru, sekumpulan murid atau seorang murid (Gay 1996). Oleh itu, fokus kajian ini adalah dalam bidang pendidikan sekolah menengah yang melibatkan Guru Pendidikan Islam.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, sesuai dengan disiplin ilmu sains sosial seperti agama, bahasa, budaya, dan sosiologi (Ghazali & Sufean 2016). Pengkaji ingin mengkaji tiga perkara utama: (1) pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah mengenai penggunaan YouTube dalam pengajaran, (2) kemahiran mereka menggunakan aplikasi tersebut, dan (3) cabaran yang dihadapi dalam melaksanakannya. Pendekatan ini selaras dengan pandangan pakar yang melihat kajian kualitatif sebagai usaha menggambarkan peristiwa secara naratif (Denzin & Lincoln 1994; Nazir 2005; Creswell 2010). Melalui pelbagai sumber data seperti pemerhatian, analisis dokumen, dan temu bual, pengkaji dapat menggali maklumat secara mendalam (Ghazali & Sufean 2018).

3.3 PESERTA KAJIAN

Kajian kualitatif yang menggunakan protokol temu bual biasanya menggunakan sub populasi sebagai sampel (Creswell 2018). Menurut Lincoln dan Denzin (2018), tidak ada suatu peraturan tertentu bagi menentukan saiz peserta dalam kajian kualitatif serta hanya perlu memfokuskan kepada bilangan peserta yang kecil namun mendapat maklumat secara mendalam. Bagi memastikan maklumat mendalam dan berfokus, jumlah peserta kebiasaannya adalah kecil (Ghazali & Sufean 2018). Selari dengan pandangan Patton Michael (2015), bahawa penyelidikan kualitatif tidak memerlukan banyak sampel kerana matlamatnya adalah untuk menganalisis fenomena atau peristiwa secara lebih mendalam. Menurut Creswell (2018) penelitian kualitatif tidak mengenal adanya jumlah sampel minimum (*sample size*). Umumnya penelitian kualitatif menggunakan jumlah sampel kecil. Bahkan pada kes tertentu menggunakan hanya 1 informan saja. Menurut Gredler (1996), jumlah peserta kajian antara 7 dan 12 adalah sesuai untuk kajian kualitatif. Sementara itu, Creswell (2007) menyatakan bahawa jumlah peserta yang sesuai untuk temu bual dalam kajian kualitatif adalah antara 4 dan 10. Dalam kajian ini pengkaji melibatkan 4 orang guru yang dipilih menggunakan pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*). Jenis pensampelan yang dipilih adalah sesuai, kerana menurut Silverman (2016) bahawa pengambilan sampel dalam kajian kualitatif perlu dipertimbangkan dengan teliti dan harus sesuai dengan jenis kajian dan tujuan kajian.

Menurut Bernard (2002) menyatakan bahawa pensampelan bertujuan dikenali sebagai pensampelan pertimbangan, ialah pilihan pengkaji untuk menentukan kriteria peserta kajian berdasarkan kualiti mereka. Ia adalah teknik bukan rawak yang tidak memerlukan teori tertentu atau bilangan peserta yang ditetapkan. Akhir sekali, pengkaji memutuskan apa yang perlu diketahui dan menetapkan untuk mencari sampel kajian yang mempunyai pengetahuan atau kemahiran yang mencukupi untuk memberikan maklumat berkaitan dengan aplikasi YouTube. Selain itu, jenis sampel ini digunakan untuk mencari dan memilih kes yang kaya dengan maklumat supaya sumber yang ada boleh memberikan maklumat secara berkesan (Patton 2002). Ini termasuk menentukan dan memilih peserta kajian atau kumpulan orang yang mahir dan berpengetahuan tentang sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Cresswell & Plano Clark 2011). Selain itu, keupayaan untuk menyampaikan pendapat dan pengalaman dengan cara yang jelas, ekspresif dan reflektif adalah penting, bersama-sama dengan pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki peserta kajian (Bernard 2002; Spradley 1979).

Dalam kajian ini pemilihan sampel dibuat dengan berhati-hati supaya peserta yang dipilih dapat memberikan input yang berguna dan membantu memperkayakan lagi maklumat. Oleh itu, peserta harus mempunyai pengetahuan, kemahiran atau pengalaman berkaitan tajuk kajian. menurut Richie dan Lewis (2003), peserta kajian perlulah memenuhi kriteria serta ciri-ciri yang telah ditetapkan supaya ia dapat memberikan maklumat yang diperlukan. Menurut Patton (2002) terdapat tiga perkara yang mesti dipenuhi oleh peserta kajian: (a) peserta kajian mesti secara sukarela bersetuju untuk menjadi responden kajian, (b) peserta kajian mesti sanggup menjalani temu bual dalam tempoh masa yang ditetapkan, dan (c) peserta kajian mesti seorang yang boleh dipercayai dan boleh memberikan penjelasan yang tepat tentang soalan yang ditanya. Selain itu menurut Martha dan Kresno (2016) bahawa setidaknya ada dua syarat yang harus dipenuhi dalam menentukan jumlah informan yaitu kecukupan dan kesesuaian.

Setelah mengambil kira maklumat daripada para pakar, maka pengkaji menetapkan sampel kajian berjumlah empat orang guru Malaysia daripada sekolah menengah di Selangor, Kelantan, dan Sabah. Pemilihan peserta kajian dilakukan

dengan mengambil kira bahawa guru GPI merupakan ketua bidang, penolong kanan hal ehwal murid, serta guru yang telah bergelar sebagai YouTuber pendidikan.

Dalam kajian kualitatif, fokus utama adalah pada pemahaman mendalam mengenai fenomena yang dikaji, bukan untuk generalisasi atau statistik seperti dalam kajian kuantitatif (Creswell 2018). Oleh itu, dalam kajian kualitatif, pemilihan sampel bergantung pada kriteria yang relevan dengan kajian serta keperluan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam, bukan jumlah atau bilangan besar responden (Patton 2002). Disokong Lincoln dan Denzin (2018) bahawa keselesaan dan ketepatan data adalah aspek penting dalam kajian kualitatif kerana pengkaji mencari maklumat yang cukup untuk mencapai pemahaman yang mendalam mengenai subjek kajian. Dengan demikian, dalam kajian kualitatif, pengkaji perlu memastikan bahawa sampel yang dipilih dapat memberikan data yang tepu, dan pengkaji perlu berfokus pada kriteria yang relevan serta keselesaan responden untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah berkualiti dan memberikan pemahaman yang mendalam mengenai topik kajian. Walaupun kesemua peserta kajian ini terdiri daripada guru perempuan, pemilihan ini bukanlah bersifat bias jantina, sebaliknya dibuat berdasarkan kesediaan, kelayakan profesional, dan keterlibatan aktif mereka dalam bidang berkaitan. Pemilihan ini juga dipengaruhi oleh akses dan kesediaan peserta untuk berkongsi maklumat secara mendalam.

3.4 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Bahagian ini merangkumi huraian prosedur dan langkah relevan yang digunakan untuk mengumpul data. Selain itu, pelaksanaan kajian pra lapangan dan kajian sebenar turut dibincangkan termasuk proses protokol kajian dan bagaimana pengkaji menyatakan isu etika semasa pengumpulan data.

3.4.1 Kajian Pra Lapangan

Dalam majoriti kajian kualitatif pendidikan (Huberty et al. 2011), bahawa salah satu komponen penting kajian ialah kajian pra lapangan. Kajian pra lapangan, menurut Mohd Ridhuan et al. (2017), digunakan untuk menguji soalan yang dibina, melatih peserta untuk menemu bual, mencari soalan yang mengelirukan, dan menulis semula

soalan dalam protokol. Menurut Creswell (2014), maklum balas daripada peserta kajian pra lapangan boleh membantu pengkaji mengubah suai soalan. Creswell (2014) juga menyatakan bahawa kajian pra lapangan adalah cara terbaik untuk mengetahui sama ada kajian yang sedang dijalankan boleh diperhalusi, kerana ia boleh membantu menyelesaikan isu sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian pra lapangan pada bulan Mei 2023. Tujuan kajian pra lapangan adalah untuk menyediakan pengkaji dengan pendedahan awal terhadap kajian berkaitan YouTube untuk PdPc yang kurang diterokai sebelum ini. Peserta kajian pra lapangan terdiri daripada guru dua buah sekolah menengah Daerah Kota Kinabalu. Pengkaji memilih peserta yang kebanyakannya mempunyai pengalaman menggunakan video-video pelajaran sebagai medium PdPc adalah supaya peserta boleh memberi maklumat yang banyak dan kaya dengan idea-idea yang jitu kerana pastinya mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai penggunaan YouTube. Akan tetapi setelah menemu bual dua orang guru sekolah menengah, pengkaji mendapati permasalahan mengenai pengetahuan dan kemahiran, serta cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan YouTube untuk PdPc.

3.4.2 Kajian Sebenar

Format temu bual semi berstruktur telah digunakan pengkaji untuk membantu pengkaji bertanya peserta soalan yang tidak distruktur awal kerana soalan ini muncul berdasarkan respon spontan daripada peserta. Selain itu, temu bual semi berstruktur berguna untuk mendapatkan pemahaman tentang aspek kehidupan sosial yang tersembunyi dan masalah yang tidak dapat dilihat secara langsung (Belina 2023). Temu bual semi berstruktur membolehkan pengkaji mempelajari lebih lanjut tentang subjek sambil membenarkan gaya perbualan yang membolehkan penjelasan soalan (Pamidimukkala et al. 2023). Temu bual semi berstruktur memberi masa dan ruang untuk peserta mengingat semula pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabaran-cabaran yang terpaksa mereka hadapi. Kepelbagaian soalan tersebut bergantung kepada isu yang timbul. Pengkaji menjadikan susunan temu bual dan senarai soalan sebagai rujukan yang merangkumi keseluruhan penyungkilan pada setiap temu bual.

Pengkaji memilih format temu bual semi berstruktur kerana ia lebih fleksibel berbanding temu bual berstruktur sepenuhnya. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengurus aliran perbualan dengan lebih baik, terutama apabila peserta cenderung berkongsi pengalaman sampingan yang mungkin berkaitan dengan kajian. Selain itu, temu bual semi berstruktur juga membolehkan pengkaji menggali perspektif yang lebih mendalam, di mana peserta memberikan jawapan yang pelbagai dan unik bagi setiap soalan. Kaedah ini turut membantu menangani situasi di mana peserta memberikan jawapan yang sama untuk soalan berbeza, sekaligus membuka ruang untuk pengkaji mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci dan kontekstual.

Langkah pertama sebelum sesi temu bual dijalankan ialah pengkaji memperkenalkan latar belakang kajian serta keperluan temu bual kepada peserta. Keizinan untuk ditemu bual dan dirakam merupakan aspek penting yang wajib dipatuhi oleh pengkaji. Oleh itu, setiap peserta dikehendaki menandatangani borang keizinan sebelum sesi bermula. Temu bual dijalankan secara dalam talian menggunakan Google Meet, mengikut keselesaan peserta. Susunan temu bual diselaraskan berdasarkan soalan kajian dan dibahagikan kepada beberapa bahagian kecil. Ia dimulakan dengan sesi pengenalan serta latar belakang peserta, diikuti oleh persoalan kajian 1, persoalan kajian 2, persoalan kajian 3, dan diakhiri dengan sesi penutup. Struktur temu bual ini dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bentuk protokol temu bual, seperti yang dilampirkan dalam Lampiran E.

Menurut Ary et al. (2006), penggunaan perakam audio adalah kaedah yang berkesan untuk mengumpul data temu bual. Dengan demikian, pengkaji akan lebih mudah menguruskan transkrip selepas temu bual selesai. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan proses pengumpulan data kualitatif. Rumusan proses pengumpulan data temu bual secara terperinci dalam Jadual berikut.

Jadual 3.1 Rumusan proses pengumpulan data temu bual

Peserta Kajian	Tarikh temu bual	Tempoh masa temu bual
GPI 1	17/03/2024	45:43 Minit
GPI 2	01/04/2024	01:13:40 Minit
GPI 3	17/03/2024	50:31 Minit
GPI 4	16/03/2024	41:07 Minit

a. Tata cara pengumpulan data

Memandangkan peserta kajian lebih selesa dengan sesi dalam talian tanpa kehadiran fizikal pengkaji di sekolah, adalah mencukupi bagi pengkaji untuk terlebih dahulu memperkenalkan diri secara ringkas serta mewujudkan hubungan baik dengan peserta kajian. Pengkaji juga perlu memaklumkan tujuan dan objektif penyelidikan kepada guru yang terlibat agar mereka lebih bersedia dan selesa dalam sesi kajian yang dijalankan. Pemakluman awal amat penting bagi memastikan pengkaji tidak mengganggu masa peribadi guru, aktiviti sekolah, serta guru yang sedang menghadiri kursus atau mesyuarat. Semua aktiviti pengumpulan data, termasuk temu bual dan analisis dokumen, dilaksanakan hanya setelah mendapat keizinan daripada pihak pentadbir sekolah dan guru yang terlibat. Dari segi etika kajian, pengkaji memberi jaminan untuk melindungi identiti peserta sepenuhnya. Kerahsiaan maklumat peserta serta organisasi yang terlibat, termasuk nama sekolah, dibincangkan secara teliti dengan peserta sebelum sesi temu bual dijalankan. Bagi memastikan tahap kerahsiaan terpelihara, nama peserta dan sekolah digantikan dengan kod khusus.

Pengkaji mendapat kebenaran daripada EPRD Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Kelantan dan Sabah, dan peserta guru yang telah dikenal pasti setuju untuk memberi kerjasama terhadap penyelidikan yang dilakukan. Pengkaji telah mengadakan perbincangan di peringkat awal sebelum temu bual dijalankan berkenaan dengan tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian dan susunan temu bual. Melalui gambaran penjelasan awal, peserta akan lebih jelas berkenaan jangkaan dapatan yang diharapkan oleh pengkaji melalui penerangan protokol temu bual dan kod etika sebelum pengumpulan data dilakukan. Data dikumpulkan hingga mencapai tahap ketepuan. Terdapat juga keadaan di mana penetapan semula peserta berlaku kerana pengkaji mendapati terdapat peserta lain yang lebih sesuai untuk memberikan maklumat mendalam yang diperlukan oleh pengkaji

Hal ini bersesuaian dengan etika penyelidikan kualitatif yang harus dipatuhi ketika menjalankan kajian. Isu dalam penyelidikan kualitatif adalah untuk menjaga hak dan kerahsiaan peserta, menghormati budaya, agama dan bahasa peserta serta bagi memastikan pengkaji jujur dengan data tanpa mengubah sebarang maklumat (Ghazali &

Sufean 2016). Selain menjaga hak peserta, pengkaji juga perlu melindungi hak diri sebagai pengkaji sepanjang penyelidikan dan selepas penyelidikan. Bagi memastikan proses semasa dan selepas penyelidikan berjalan dengan lancar dan telus, pengkaji perlu menyediakan surat kebenaran pengumpulan daripada universiti, surat kebenaran menjalankan kajian, borang kerelaan peserta dan sebagainya.

b. Teknik penyukilan (*probing*) semasa temu bual

Pengkaji menggunakan teknik *probing* semasa temu bual dengan tujuan meminta peserta menjelaskan secara mendalam jawapan yang diberi. Teknik ini adalah untuk memperkayakan data yang dikumpul. Oleh sebab itu, pengkaji meminimumkan soalan semasa temu bual kerana soalan *probing* akan timbul selepas peserta menjawab soalan. Di samping itu, bagi mengelakkan bias, pengkaji mengelak bertanya *leading question* yang membuatkan peserta cenderung kepada jawapan tertentu. Pengkaji juga mengelak soalan yang memberi jawapan ‘ya’ atau ‘tidak’. Teknik *probing* ini juga bertujuan untuk mengesahkan maklumat yang diberi peserta. Pengkaji akan bertanya semula kepada peserta berkaitan maklumat yang kabur untuk mengesahkannya. Dengan cara ini, pengkaji dapat membuat pengesahan terhadap jawapan yang diberi peserta.

3.5 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Menurut Kaharuddin (2021) tiga komponen utama metodologi pengumpulan data kualitatif ialah pemerhatian, temu bual dan dokumen. Manakala Denzin dan Lincoln (2009) menjelaskan terdapat dua komponen utama dalam pengumpulan data kajian kualitatif, iaitu pemerhatian dan temu bual. Berdasarkan pendapat pakar tersebut, disebabkan kekangan masa pengkaji menggunakan dua kaedah sahaja untuk mendapatkan data kajian, iaitu temu bual dan analisis dokumen. Berikut adalah penjelasan secara terperinci.

3.5.1 Protokol Temu bual

Salah satu kaedah penting untuk memperoleh maklumat dalam menjawab persoalan kajian kualitatif ialah melalui sesi temu bual (Creswell 1998; Yin 1994). Protokol kajian yang digunakan bergantung pada tujuan penyelidikan (Marshall & Rossman

1995). Merriam (2000) turut menegaskan bahawa penggunaan protokol kajian menjadikan kajian lebih sistematik, berfokus, dan boleh dipercayai. Dalam kajian ini, pengkaji menemu bual empat YouTuber GPI dari sekolah menengah. Sepanjang sesi temu bual, peserta kajian dan pengkaji berinteraksi dalam satu sesi perbincangan (De Marrais 2004).

Dengan menggunakan temu bual, pengkaji boleh mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang pengalaman dan perspektif peserta. Beliau juga menjelaskan bahawa temu bual memberi peluang untuk menggali makna yang lebih kaya, berbanding dengan alat pengumpulan data lain seperti soal selidik yang lebih terhad (Kvale 1996). Patton (2002) turut menyatakan bahawa temu bual dalam kajian kualitatif memberikan kebebasan kepada pengkaji untuk mengeksplorasi dan mendalami maklumat yang lebih berfokus pada pengalaman dan realiti individu. Temu bual membolehkan pengkaji mengembangkan pemahaman yang lebih luas dan menyeluruh tentang fenomena yang dikaji, dengan memperoleh data yang lebih fleksibel dan kontekstual.

Soalan-soalan mesti dibina untuk mencapai objektif kajian dan menarik peserta kajian untuk bercakap secara aktif sehingga mereka dapat mengumpulkan maklumat yang diperlukan (Norsuhara 2015). Untuk mendapatkan maklumat tentang “pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam sekolah menengah”, protokol temu bual dibina secara semi berstruktur. Creswell (2005) mencadangkan bahawa untuk mendapatkan maklumat yang lebih bernilai daripada temu bual daripada pelbagai latar belakang subjek, pemilihan subjek kajian harus mengambil kira tujuan "*maximal purposive sampling*". Oleh itu, pengkaji telah memilih subjek kajian kualitatif dari pelbagai latar belakang GPI berdasarkan kriteria yang telah ditentukan pengkaji.

Pengumpulan data melalui temu bual dijalankan melalui talian sahaja menggunakan aplikasi *Google Meet*. *Google Meet* iaitu perkhidmatan komunikasi video, yang digunakan untuk prosedur mesyuarat dalam talian yang dibangunkan dan dicipta oleh *Google*. *Google Meet* membolehkan sehingga 250 orang membuat panggilan video berkualiti tinggi. Selain itu, *Google Meet* telah menunjukkan

keupayaannya untuk menggantikan aktiviti bersemuka tanpa mengurangkan nilai yang disampaikan (Prisuna 2021; Wahyuni 2021; Amanda et al. 2023; Primadi 2023; Martini & Santana 2023). Dengan demikian, pengambilan data bagi menjawab persoalan dan objektif kajian berkaitan dengan pembelajaran secara teknologi digital menggunakan saluran YouTube melalui *Google Meet* adalah diperbolehkan dan tidak mengurangi kualiti pengambilan data kajian.

Disokong beberapa pakar, seperti Denzin dan Lincoln (2000) bahawa kajian kualitatif memberi penekanan kepada memahami pengalaman dan perspektif individu dengan mendalam. Dalam konteks penggunaan teknologi seperti *Google Meet*, ia membolehkan pengkaji untuk mengakses responden atau peserta yang tidak dapat hadir secara fizikal, memberikan lebih banyak fleksibiliti dalam pengumpulan data. Platform seperti *Google Meet* membolehkan sesi temubual yang merakam ekspresi verbal dan bukan verbal (seperti mimik muka dan bahasa tubuh), yang penting dalam kajian kualitatif untuk memahami makna yang lebih dalam di sebalik jawapan peserta. Disokong Creswell (2013) dan Yin (2014) bahawa platform seperti *Google Meet* boleh digunakan untuk menjalankan temubual secara jarak jauh, membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih kaya, terutama ketika kajian melibatkan responden yang sukar diakses secara fizikal.

Kaedah temu bual adalah kaedah yang paling sesuai untuk kajian ini kerana dapat memberikan butir-butir terperinci mengenai isu yang diketengahkan iaitu, pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabaran dalam pengajaran GPI di sekolah menengah. Pengkaji menggunakan soalan pembuka sebagai mukadimah dalam memulakan proses menyoal responden kajian. Soalan-soalan pembuka adalah untuk mendapatkan data demografi seperti nama, jantina, latar belakang pendidikan dan pengalaman sebagai YouTuber. Setelah itu, pengkaji memerlukan data yang mencukupi untuk menjawab setiap persoalan kajian yang telah dibina. Bagi menjawab persoalan kajian mengenai pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam, pengkaji telah merangka 10 soalan yang sesuai. Diawali dengan soalan pembukaan berkaitan dengan latar belakang responden, soalan isi, iaitu (Persoalan kajian 1 terdiri daripada 3 soalan. Persoalan kajian 2 terdiri daripada 5 soalan, dan Persoalan kajian 3 terdiri daripada 2 soalan). Selanjutnya diakhiri dengan penutup, pada bahagian ini pengkaji meminta responden memberikan cadangan penambahbaikan isu berdasarkan hasil temu bual.

3.5.2 Kaedah Analisis dokumen

Analisis dokumen ini didasarkan kepada pandangan Spradley (1980) dan Yin (1994) bahawa maklumat dalam analisis dokumen adalah satu sumber bukti penting dalam kajian kualitatif. Analisis dokumen dalam kajian ini berdasarkan garis panduan oleh Sahlawati (2021), iaitu:

1. Mengkaji Isi Kandungan:

Mayring (2000) menjelaskan bahawa analisis kandungan adalah proses penting dalam kajian kualitatif, di mana pengkaji menilai dan menganalisis makna yang terkandung dalam teks atau dokumen. Ia melibatkan pengenalan tema-tema utama dan menggali maksud di sebalik kata-kata atau frasa tertentu.

2. Menilai Hujah dan Fakta:

Creswell (2013) menekankan bahawa penilaian sumber dalam analisis dokumen sangat penting untuk memastikan bahawa maklumat yang digunakan adalah berkualiti dan sahih. Beliau mengakui bahawa dalam kajian kualitatif, pengkaji perlu memeriksa kesahihan dan kepercayaan sumber, serta menilai kekuatan atau kelemahan hujah yang diketengahkan dalam dokumen atau data yang dikaji.

3. Membuat Perbandingan:

Denzin dan Lincoln (2018) mengemukakan bahawa membandingkan pelbagai dokumen atau sumber adalah cara penting untuk memahami perbezaan perspektif dan teori yang berbeza dalam kajian kualitatif. Membandingkan ini membolehkan pengkaji melihat bagaimana dokumen atau bahan yang dikaji berkait antara satu sama lain dari aspek teori, metodologi, dan pendekatan yang digunakan.

4. Kritikan Positif:


Flick (2018) juga menegaskan pentingnya melakukan kritikan yang konstruktif terhadap bahan yang dianalisis dalam kajian kualitatif. Kritikan ini bertujuan untuk menilai kekuatan dan kelemahan dalam bahan yang dikaji dan bukan sekadar menilai dari segi positif atau negatif. Kritikan positif membantu meningkatkan pemahaman dan memberi nilai tambah kepada bahan tersebut.

5. Membuat Kesimpulan:

Patton (2002) menekankan bahawa pengkaji perlu membuat kesimpulan secara kritis berdasarkan data yang dikumpul dan dianalisis. Pengkaji dalam kajian kualitatif seringkali membuat kesimpulan berdasarkan penilaian kritikal terhadap bahan yang dikaji, serta memastikan bahawa kesimpulan yang dibuat adalah berasas kepada data dan fakta yang sahih.

Berdasarkan garis panduan pemilihan dokumen ini, pengkaji telah menggunakan dokumen dari Gambar/Video PdP Guru dengan Murid dan RPH. Pengkaji juga mendapati analisis dokumen yang dilakukan turut membantu dalam mereka bentuk kajian dan menginterpretasikan dapatan kajian. Secara tidak langsung analisis dokumen membantu pengkaji ke arah penyelesaian isu dan memberi input dalam struktur soalan temu bual kepada peserta.

Berdasarkan huraian di atas, kaedah pengumpulan data dapat dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 3.1 Pengumpulan data kajian

3.6 KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Bahagian ini menjelaskan bagaimana pengkaji menganalisis dan menginterpretasi data. Analisis data dilakukan berdasarkan sumber yang pelbagai, meliputi temu bual, analisis dokumen. Analisis data boleh terus dijalankan selepas transkripsi temu bual pertama dilakukan, tidak perlu menunggu sehingga semua data dikumpulkan.

3.6.1 Penulisan Transkripsi Temu Bual

Temu bual merupakan satu komponen penting bagi tujuan mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian (Creswell 2013; Strauss & Corbin 1990). Protokol kajian yang diperlukan bergantung kepada tujuan kajian (Marshall & Rossman 1995). Merriam (2001) juga menambah dengan adanya protokol kajian yang dijalankan adalah lebih sistematik, berfokus serta mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Setiap patah perkataan dalam temu bual dipindahkan dalam bentuk transkrip. Proses pemindahan data temu bual kepada bentuk penulisan transkrip memerlukan tumpuan pendengaran yang tinggi. Pengkaji juga perlu meluangkan masa yang panjang untuk membuat transkripsi kerana setiap transkripsi perlu diulang dengar beberapa kali bagi mengelakkan tertinggal isi-isi penting dan untuk memastikan tiada kesalahan yang berlaku. Proses transkripsi yang teliti dapat memudahkan pengkaji menjumpai pengulangan tema dalam transkrip itu sendiri atau dalam transkrip-transkrip yang lain.

3.6.2 Menganalisis Temu Bual

Dalam kajian kualitatif, proses analisis data tidak berlaku secara linear, sebaliknya bersifat berulang dan progresif (iteratif). Berdasarkan pendekatan *Grounded Theory* seperti yang dikemukakan oleh Strauss dan Corbin (1990), analisis bermula sebaik sahaja proses transkripsi temu bual pertama disiapkan. Pada tahap ini, pengkaji menjalankan pengkodan terbuka (*open coding*) untuk mengenal pasti pernyataan-pernyataan signifikan yang muncul daripada data. Kod-kod awal ini membentuk asas kepada temu bual susulan, di mana proses penyungkilan digunakan untuk memperdalam pemahaman terhadap isu yang timbul, selaras dengan prinsip teori *Grounded* yang menekankan pengumpulan dan analisis data secara serentak.

Seterusnya, pengkaji menjalankan pengkodan paksi (*axial coding*) dengan menghubungkan kod-kod yang telah dikenal pasti kepada subkategori dan kategori yang lebih besar, berpandukan paradigma analisis Strauss dan Corbin. Dalam proses ini, data dianalisis dari aspek sebab (*causal conditions*), konteks (*context*), strategi tindakan (*action/interaction strategies*), faktor pengantara (*intervening conditions*) dan kesan (*consequences*). Hubungan antara elemen-elemen ini membolehkan pengkaji membina pemahaman yang lebih sistematik terhadap fenomena yang dikaji.

Di samping itu, menurut Miles, Huberman dan Saldaña (2014), proses pemeluwapan data (*data condensation*) berlaku seiring dengan paparan data dan penjaanaan kesimpulan. Analisis yang dilakukan dari awal membolehkan pengkaji menguruskan data yang kompleks dengan lebih teratur, sekaligus memudahkan pembentukan tema yang bermakna. Dalam konteks ini, pembentukan tema bukan sekadar berdasarkan pengumpulan kod, tetapi merupakan hasil daripada proses analitik yang mendalam dan berpandukan kepada hubungan antara kategori, seperti yang digariskan dalam *axial coding*.

Proses analisis ini juga seiring dengan pendekatan analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006), yang menggariskan bahawa selepas pengkodan awal, kod-kod perlu digabung dan dikembangkan menjadi tema yang kohesif dan mencerminkan keseluruhan makna dalam data. Oleh itu, dengan menganalisis data secara berterusan dan progresif, pengkaji bukan sahaja dapat membina tema yang sahih, malah dapat memperkembangkan kefahaman terhadap fenomena kajian secara menyeluruh dan holistik.

3.6.3 Pembentukan Tema

Dalam konteks kajian kualitatif, Mohd Majid Konting (2005) membincangkan bagaimana pembentukan tema dilakukan sebagai sebahagian daripada analisis data kualitatif. Proses ini melibatkan beberapa langkah yang teratur dan bertujuan untuk mengenal pasti makna yang terkandung dalam data, serta mengembangkan tema-tema utama yang mencerminkan pengalaman, pandangan, atau situasi yang dikaji. Dalam kajian ini, proses analisis data hasil temu bual peserta pertama dilakukan menerusi proses pembinaan kod yang berkaitan secara terperinci sehingga selesai bagi transkripsi yang pertama. Setelah

proses ini selesai, pengkaji dapat melihat corak data yang diperoleh, isu-isu yang berulang dan pelbagai kod yang timbul daripada dapatan. Kod yang pertama daripada transkripsi yang pertama dapat dijadikan panduan untuk pengkaji bagi proses pengumpulan data yang seterusnya. Proses yang sama diulang bagi temu bual peserta yang kedua dan seterusnya hingga peserta yang terakhir. Bagi analisis transkripsi temu bual yang kedua dan seterusnya, pengkaji menamakan kod baru atau menambah kod ke dalam kod yang sedia ada yang telah dibina daripada peserta sebelumnya.

Setelah selesai semua proses pengkodan bagi semua peserta, beberapa kod bebas boleh dibentuk dengan menggabungkan kod-kod yang berkaitan. Sepertimana menurut Braun dan Clarke (2006) bahawa apabila semua kod telah dikenalpasti daripada pelbagai sumber data (contohnya transkrip temu bual dari semua peserta), pengkaji akan menggabungkan kod-kod yang serupa atau berkaitan kepada satu kumpulan yang lebih besar, yang dikenali sebagai tema awal. Cara membuat kod ialah dengan memilih hanya kod yang berkaitan dan signifikan sahaja dikumpulkan dan diselaraskan untuk melambangkan suatu kategori. Jika kod tidak dibuat pemilihan secara spesifik, kod yang banyak jadi tidak tersusun dan mengelirukan pengkaji. Seterusnya kategori pula disusun dengan membina sub tema. Setiap kategori dinamakan dengan jelas agar tidak bertindan dengan sub tema yang lain. Pada akhirnya, daripada sub tema dibentuk pula tema yang baru. Tema yang dibentuk menjadi jawapan kepada persoalan kajian.

3.7 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kesahan dan kebolehpercayaan adalah perkara yang paling penting dalam kajian kualitatif. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif bergantung pada protokol kajian, proses pengumpulan data, analisis dokumen yang tepat, dan sejauh mana data yang dikumpul disokong (Tobi 2017). Kesahan bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan mengandungi semua ciri atau idea baharu dalam konsep yang diukur (Noraini 2010).

Kajian ini menentukan kesahan dan kebolehpercayaan melalui beberapa proses, iaitu temu bual dengan GPI sebagai YouTuber pendidikan, pengesahan penyelia kajian dan pengesahan pakar dalam bidang terhadap tema yang dibina untuk

pengiraan nilai persetujuan Cohen Kappa. Kesahan serta kebolehpercayaan data menggunakan beberapa langkah seperti berikut:

a. Kesahan dalaman

Dua langkah berikut dilakukan untuk memastikan kesahan dalaman iaitu:

1. **Triangulasi:** Sugiyono (2011) menyatakan bahawa triangulasi ialah kaedah yang menggabungkan pelbagai cara untuk mengumpul data dan sumber data yang telah ada. Konsep Denzin dan Lincoln (2009) membahagikan triangulasi kepada empat jenis, iaitu: (1) Triangulasi data: melibatkan pelbagai sumber data atau maklumat yang berbeza. (2) Triangulasi pemerhatian: seperti daripada guru, Ketua Panitia Pendidikan Islam, guru subjek Pendidikan Islam (menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen). (3) Triangulasi metod: menggunakan pelbagai metod kualitatif. Membandingkan data dengan cara yang berbeza seperti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Sekiranya data yang didapati adalah sama, maka telah wujud kesahan. (4) Triangulasi teori: menggunakan pelbagai teori dan pelbagai perspektif professional untuk menginterpretasikan satu set data atau maklumat (penggunaan teori dan praktis). Sememangnya, teknik triangulasi dapat membuatkan data saling memantapkan antara data dengan data berikutnya (Ghazali & Sufean 2018). Dalam kajian ini, kesahan dalaman menggunakan triangulasi metod, data primer diperoleh daripada temu bual terhadap guru GPI, sedangkan data sekunder kajian melalui dokumen yang diperolehi.
2. **Pengesahan data temu bual oleh peserta kajian.** Semua percakapan asal telah dikekalkan, kecuali penjelasan untuk maksud yang kurang jelas. Menurut Creswell (1998) dan Miles dan Huberman (1994), peserta kajian mesti menyemak transkripsi temu bual. Oleh itu, transkrip temu bual dihantar kepada peserta kajian untuk disemak semula. Hasil keputusan akan disetujui sekiranya peserta bersetuju dengan interpretasi data kajian. Tambahan pula, untuk merekodkan temu bual, kajian ini menggunakan catatan nota dan rakaman suara.

b. Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan data ialah proses mencari nilai persetujuan pakar untuk keputusan kajian selepas data dikaji. Setelah data diproses dan tema kajian dibuat, set borang persetujuan pakar dihantar untuk mengesahkan tema yang dibina. Menurut Cohen et al. (2002), persetujuan pakar terhadap tema adalah penting kerana pakar merupakan orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji. Creswell (2003) menyatakan bahawa Cohen Kappa ialah metodologi untuk menilai item dengan menggunakan penilaian kategori yang sama.

Analisis indeks Cohen Kappa digunakan untuk memadankan unit daripada data bahan kajian dengan tema yang dominan. Dalam kajian ini, teknik untuk menentukan Indeks Cohen Kappa ini dilakukan oleh dua orang pakar yang mahir dalam bidang yang dikaji. Pakar-pakar yang dipilih mempunyai pengalaman yang luas mengenai aplikasi YouTube. Menurut Berliner (2005), seseorang dianggap pakar jika mereka mempunyai lebih daripada lima tahun pengalaman dalam bidang tersebut.

Semasa menterjemahkan Cohen Kappa, skala persetujuan Cohen Kappa (1960) digunakan sebagai panduan. Kebolehpercayaan data dinilai menggunakan nilai koefisien persetujuan Cohen's Kappa Landis dan Koch (1977) dalam Nursafra Zhaffar (2017). Secara keseluruhannya, analisis indeks Cohen Kappa digunakan untuk membantu dalam analisis data dalam bentuk deskriptif melalui tema penting yang ditemui. Maklumat pakar yang dirujuk untuk mengesahkan data kajian disertakan dalam Jadual berikut.

Jadual 3.2 Senarai pakar bagi pengesahan data kajian

Bil	Nama	Institusi	Pengalaman	Jawatan dan Kepakaran Kelayakan
1	Pakar A	Universiti Malaysia Sabah	22 Tahun	Professor bidang teknologi pendidikan
2	Pakar B	Universiti Malaysia Sabah	20 Tahun	Doktor bidang teknologi

Sumber: Pengkaji 2023

Persetujuan pakar dianalisis bagi menentukan kebolehpercayaan data setelah mendapatkan maklum balas daripada persetujuan pakar dan dicatatkan dalam Jadual 3.3. Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa dikira oleh pengkaji berdasarkan formula berikut:

$$K = \frac{fa - fc}{N - Fc}$$

$$K = \frac{40 - 38}{41 - 38}$$

$$K = \frac{2}{3}$$

$$K = 0.667$$


Berdasarkan pengiraan yang telah dibuat bagi kedua pakar, nilai purata keseluruhan nilai persetujuan bagi Cohen Kappa ialah 0.667 pada tahap skala baik sepertimana berdasarkan skala intepretasi nilai cohen kappa oleh Landis dan Koch (1977) dalam Zamri dan Noriah (2013), iaitu dalam jadual berikut.

Jadual 3.3 Skala Interpretasi Nilai Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Sumber: Landis dan Koch 1977 dalam Zamri dan Noriah 2013

Secara keseluruhannya, Nilai Cohen's Kappa adalah 0.6667, yang menunjukkan skala intepretasi yang baik antara kedua-dua penilai. Oleh itu, soalan temubual yang dibangunkan pengkaji memiliki kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan dalam kajian sebenar dalam kajian ini.



Rajah 3.2 Proses kesahan dan kebolehpercayaan

3.8 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan reka bentuk kajian kualitatif bertepatan dengan kajian yang bersifat penerokaan untuk menjawab persoalan kajian. Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan mempunyai kredibiliti untuk memberi maklumat yang mendalam dan berkongsi pengalaman. Setiap temu bual dirakam dan ditranskripsikan dengan teliti. Selain transkripsi, kaedah pengumpulan data juga dilaksanakan melalui analisis dokumen berdasarkan artikel-artikel terkini. Kesimpulannya, dengan meneroka kes ini secara mendalam dapat membantu pengkaji menjawab soalan kajian. Bagi mendapatkan kesahan data kajian, prosedur kesahan dalaman dilakukan dan bagi kebolehpercayaan data pula pakar-pakar dalam bidang pendidikan dan bahasa dirujuk bagi menilai tema-tema yang dikeluarkan untuk mendapatkan nilai Koefisien Kappa. Bab berikutnya menghuraikan dapatan kajian bagi data yang telah dikumpul dan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan menghuraikan analisis data berdasarkan analisis tematik. Data yang telah dikumpulkan kemudiannya dianalisis dan dikategorikan untuk memberi jawapan kepada persoalan kajian ini.

4.2 PROFIL INFORMAN

Profil demografi peserta dikaji diterjemahkan dan disusun dalam bahagian ini. Bahagian ini menghuraikan profil demografi informan dalam kajian ini. Terdapat empat orang Guru Pendidikan Islam dilibatkan dalam kajian ini.

Jadual 4.1 Profil informan

Kod Informan	Jantina	Pengalaman Mengajar	Tahap Pendidikan
GPI1	Perempuan	27	Sarjana Muda
GPI2	Perempuan	21	Sarjana Muda
GPI3	Perempuan	22	Sarjana Muda
GPI4	Perempuan	28	Sarjana Muda

Menurut Moleong (2006) dalam buku “Metode Penelitian Kualitatif” bahawa yang terpenting dalam kajian kualitatif adalah Informan yang boleh memberikan maklumat secara mendalam tentang objektif kajian yang akan dikaji pengkaji. Oleh itu, berdasarkan jadual 4.1 di atas, informan yg dipilih adalah perempuan. Dalam konteks ini, jantina bukanlah kriteria utama dalam pemilihan peserta, sebaliknya keupayaan mereka untuk memberikan maklumat yang relevan dan bermakna kepada objektif kajian menjadi keutamaan (Creswell & Poth 2018). Informan yang dipilih pengkaji adalah yang memiliki pengalaman dalam bidang YouTube minima mengajar

5 tahun. Dalam kajian informan memiliki pengalaman mengajar antara 21 sehingga 27 tahun. Ini memungkinkan pengkaji mendapatkan maklumat yang mendalam berkaitan kajian. Selanjutnya, tahap pendidikan tidak menjadi masalah dalam kajian ini sepertimana pandangan Moleong (2006).

4.3 PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH BERKAITAN DENGAN APLIKASI YOUTUBE DALAM KONTEKS PENGAJARAN

Persoalan Kajian 1: Sejauh manakah pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran?

Bahagian ini menunjukkan dapatan berdasarkan persoalan kajian yang berkaitan dengan pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran. Dapatan dibahagikan kepada tema dengan beberapa sub-tema. Jadual di bawah menunjukkan tema dan sub-tema yang telah dikategorikan.

Jadual 4.2 Tema dan Sub Tema

Tema	Sub-Tema
Kepentingan YouTube dalam pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Media yang interaktif • Membantu dalam meningkatkan kefahaman pelajar
Kesesuaian YouTube dalam pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Media visual yang menarik • Praktikal
Impak YouTube terhadap pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Minat
Sumber pengetahuan	<ul style="list-style-type: none"> • Akademi YouTuber • Kursus dan latihan • Perkongsian rakan sekerja
Sumber maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Set induksi • Penilaian • Sumber yang sahih
Pemilihan bahan yang bersesuaian	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut aras pemahaman murid • Mengikut sukatan DSKP • Mengikut penerimaan pelajar
Pengetahuan sampingan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan berkaitan teknikal • Kualiti video • Kreativiti guru

Pengkaji menjalankan temu bual dengan guru-guru untuk meneroka pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran. Selepas analisis yang terperinci, dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk kepentingan YouTube dalam pembelajaran, kesesuaian YouTube dalam pengajaran, impak YouTube terhadap pelajar, sumber pengetahuan, sumber maklumat, pemilihan bahan yang bersesuaian dan pengetahuan sampingan. Dapatan akan dianalisis berkaitan dengan tujuh tema tersebut.

a. Kepentingan YouTube dalam pembelajaran

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek kepentingan YouTube dalam pembelajaran boleh dikaitkan dengan pelbagai sub-tema, termasuk media yang interaktif dan membantu dalam meningkatkan kefahaman pelajar.

Media yang interaktif

GPI1 menekankan kepentingan YouTube dalam pembelajaran yang menyediakan pendekatan interaktif yang bukan sekadar kertas dan papan putih sahaja. Ini mencerminkan kesedaran tentang keperluan integrasi teknologi dalam pendidikan, yang bukan sahaja meningkatkan interaksi dalam proses pembelajaran tetapi juga menyediakan pelbagai sumber dan alat pembelajaran yang dinamik:

Bukan sekadar kertas atau papan putih sahaja. Lebih kepada pendekatan interaktif seperti itu. Jadi penggunaan YouTube di sekolah sangat baik, terutama di sekolah saya yang sangat menyokong teknologi maklumat.

(GPI1/122-124)

GP3 menambahkan bahawa video yang dihasilkan melalui platform YouTube dapat merangsang minat pelajar untuk belajar. Dengan kehadiran gambar, video tersebut menjadi lebih menarik dan menarik perhatian pelajar. Berbanding dengan

teks biasa, gambar dan visual bergerak dalam video mampu menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan menarik:

Jadi yang mana video tersebut itu tadi dapat dikaitkan dengan proses pembelajaran dan pengajaran jadinya dapat merangsang minat pelajar untuk belajar kerana pertama, bila sebut video ianya bergambar kan, bila bergambar ni pelajar lebih berminat lah, kalau setakat baca buku teks sahaja kadang tidak dapat menggambarkan sesuatu dengan lebih baik err maknanya kalau video tu dia bergambar dan bergerak kan.

(GPI3/59-64)

GPI1 dan GPI3 menyoroti kepentingan penggunaan YouTube sebagai alat pembelajaran yang menyediakan pendekatan interaktif yang lebih dinamik daripada menggunakan kertas dan papan putih sahaja. Dengan menggunakan platform seperti YouTube, guru dapat menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih menarik dan mudah difahami oleh pelajar. Berbanding dengan teks biasa, penggunaan gambar dan visual bergerak dalam video membantu menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan menarik. Ini membolehkan pelajar memahami konsep dengan lebih baik dan mengalami pembelajaran yang lebih dinamik. Secara keseluruhan, penggunaan YouTube dalam pembelajaran membawa manfaat yang besar kepada proses pembelajaran dan pengajaran. Ia tidak hanya merangsang minat pelajar untuk belajar, tetapi juga membantu meningkatkan pemahaman dan penghayatan konsep yang diajar. Ini menunjukkan betapa pentingnya integrasi teknologi dalam pembelajaran untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeluruh dan berkesan bagi pelajar.

Membantu dalam meningkatkan kefahaman pelajar

Dengan menggunakan platform YouTube, GPI2 dapat menggambarkan secara visual dan audio bagaimana hukum mad diterapkan dalam bacaan Arab. Video yang dilagukan dapat membantu pelajar mendengar dan melihat contoh penggunaan hukum mad secara langsung, memperjelas konsep yang mungkin sukar difahami hanya dengan membaca teks atau penjelasan lisan:

... saya buat dilagukan, di video kan biar pelajar itu lebih jelas. Hukum mad itu macam mana. Hamzah tolak jumpa dengan huruf alif jadi saya buat dalam bentuk video ...

(GPI2/199-201)

GPI3 menekankan bahawa penggunaan video dalam pembelajaran dapat membantu pelajar mengingat apa yang diajarkan dan pada masa yang sama, menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. Dengan menggunakan media visual dan audiovisual seperti video, guru dapat menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih menarik dan berkesan kepada pelajar:

Maksudnya dia mampu membuat pelajar mengingat apa yang diajar, di samping dapat menambah ilmu pengetahuan sedia ada pelajar lah ...

(GPI3/64-66)

Menurut pandangan GPI3, penggunaan YouTube sangat membantu pelajar kerana mereka dapat melihat sendiri penjelasan tentang sesuatu topik yang diajar dalam kurikulum mereka. Ini menjadikan pembelajaran lebih mudah dan efektif, terutamanya pada masa di mana penggunaan YouTube adalah satu-satunya pilihan yang tersedia. Dengan video-video pendidikan di YouTube, pelajar dapat mengakses pelbagai sumber dan penjelasan tentang topik yang mereka pelajari dengan lebih mudah:

Pada pandangan saya, penggunaan YouTube ni sangat membantu bagi pelajar, kerana pelajar mudah melihat sendiri tentang sesuatu tajuk yang ingin dihuraikan dalam sukatan yang mereka diajar itu kan, jadi dan pada waktu itu penggunaannya sangat mudah lah. Kiranya pada waktu itu hanya itu lah pilihan yang ada kan

(GPI3/72-75)

GPI4 menyatakan bahawa penggunaan YouTube sebagai bahan pengajaran atau sumber pedagogi sangat berkesan kerana ia lebih menarik, efektif, jelas, dan membantu pelajar memahami dengan lebih baik. Dengan menggunakan video dari YouTube, guru dapat menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih dinamik

dan visual. Ini membuat pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan bagi pelajar, serta membantu mereka memahami konsep dengan lebih baik:

... penggunaan YouTube ini sebagai satu bahan pengajaran ataupun satu sumber pedagogi sangat berkesan kerana ia lebih menarik, ia lebih efektif, jelas dan murid lebih faham lagi.

(GPI4/92-93)

Penggunaan YouTube dalam pembelajaran memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar. GPI2 menggunakan platform ini untuk menjelaskan konsep hukum mad secara visual dan audio, membantu pelajar memahami dengan lebih baik. GPI3 menekankan kelebihan video dalam meningkatkan pemahaman dan memori pelajar, sementara GPI4 menggariskan bahawa YouTube memberi kelebihan dalam menyampaikan maklumat secara menarik dan efektif. Ini menunjukkan bahawa YouTube menjadi sumber yang berharga dalam pembelajaran kontemporari.

Triangulasi Data

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, video 1, video 2 dan video 3 menonjolkan elemen-elemen interaktif. Guru menggunakan media interaktif untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran. Penjelasan yang disampaikan membantu meningkatkan pemahaman pelajar sebagaimana yang ditunjukkan dalam video 1 dan video 4. Meskipun tidak mengandungi unsur praktikal dalam video 3, penggunaan media interaktif dan visual yang menarik tetap dapat menarik minat pelajar dan memudahkan pemahaman.

b. Kesesuaian YouTube dalam pengajaran

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek kesesuaian YouTube dalam pengajaran boleh dikaitkan dengan pelbagai sub-tema, termasuk media visual yang menarik dan praktikal.

Media visual yang menarik

GPI1 menyatakan bahawa penggunaan YouTube dalam pembelajaran sesuai dengan era masa kini kerana generasi pelajar kini lebih cenderung kepada teknologi dan gajet. Mereka lebih suka menggunakan gajet daripada bahan-bahan tradisional seperti kertas. Video di YouTube memberikan alternatif yang lebih menarik dan mudah difahami oleh pelajar. Ada kalanya pelajar suka mengumpul banyak video untuk setiap topik pembelajaran, yang memudahkan mereka untuk mengulangkaji bahan tersebut dengan hanya menekan butang:

Dia sesuai sebab apa dia dengan era dia sekarang. Dia generasi yang memang nak kan sesuatu yang dalam gajet. Dia tak nak kertas. Kalau bagi kertas dia kurang sikit. Kalau bagi video dia akan suka. Kadang kadang ada murid suka kumpulkan banyak banyak untuk setiap topik bila dia nak ulangkaji, tinggal tekan je.

(GPI1/146-150)

GPI4 menyatakan bahawa pelajar akan merasakan pembelajaran lebih seronok jika video yang disediakan dilengkapi dengan animasi, nyanyian, dan cerita pendek. Dengan menggunakan elemen-elemen kreatif seperti ini, pembelajaran tidak hanya menjadi lebih menarik, tetapi juga lebih efektif dalam menarik minat dan perhatian pelajar:

... mereka juga akan merasa lebih seronok sekiranya dalam video PdPc tersebut dapat kita bekalkan dengan animasi, nyanyian dan juga berbentuk cerita pendek.

(GPI4/107-109)

Kedua-dua pandangan ini menekankan kepentingan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan bagaimana elemen-elemen kreatif dapat meningkatkan kualiti pembelajaran. Dengan memanfaatkan platform seperti YouTube dan menyediakan video-video yang menarik dan kreatif, guru dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan bagi pelajar. Ini membantu meningkatkan motivasi

dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran, serta membawa impak positif terhadap pencapaian akademik mereka.

Praktikal

GPI1 menyatakan bahawa kelebihan penggunaan YouTube dalam pembelajaran adalah pelajar boleh mengaksesnya pada bila-bila masa dan boleh mengulangkaji video-video tersebut berkali-kali. Ini memudahkan pelajar untuk memahami konsep-konsep yang sukar dan mengatasi kesulitan yang dihadapi dalam pembelajaran:

Lepas tu boleh guna bila bila masa dan boleh ulang ulang semula. Kalau tak paham dia ulang. Ada satu murid tu kan dia kata kadang kadang penat sangat nak study. Budak ni tingkatan 5 ni penat nak study, jadi apa saya buat kan ustazah saya akan buka video ustazah ni saya akan dengar je sampai saya tertidur.

(GP11/154-157)

GPI2 menyatakan bahawa penggunaan YouTube dalam pendidikan adalah satu kaedah yang praktikal dan mudah diakses oleh pelajar dari semua peringkat. Ini sesuai dengan kemajuan teknologi maklumat pada hari ini. Baginya, pengajaran dengan menggunakan YouTube adalah cara yang mudah dan efektif. Dengan menggunakan platform ini, guru tidak perlu bersusah payah untuk menyampaikan bahan pengajaran kepada pelajar:

YouTube dalam pelajaran adalah satu wadah yang praktikal, mudah diakses dan sesuai digunakan boleh para pelajar pada semua peringkat la. Sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat pada masa kini. Jadi kita tak payah susah susah nak mengajar. Mengajar dengan YouTube pun dah tahu dah. Sangat praktikal dan sangat mudah.

(GPI2/240-244)

GPI2 menyatakan beberapa faktor yang membuat YouTube masih relevan di kalangan pelajar. Salah satu faktornya adalah keperluan untuk memberikan penerangan dalam masa yang singkat. Ini disebabkan oleh trend semasa di mana

pelajar lebih suka menonton video yang ringkas dan padat, seiring dengan populariti platform seperti TikTok. Oleh itu, GPI2 mencadangkan agar video pembelajaran di YouTube diubah daripada yang panjang kepada yang pendek-pendek, seperti dalam bentuk episod yang singkat:

Terdapat beberapa faktor yang menjadikan YouTube ini masih relevan di kalangan pelajar. Antaranya diorang kasi masa yang tidak terlalu panjang. Kita boleh buat video YouTube tapi durasi masa mungkin kita boleh pendekkan. Sebab tengok trend sekarang, trend tiktok. Pelajar tak suka tengok penerangan yang panjang panjang. Suka yang ringkas dan padat. Jadi kita mungkin boleh ubah sedikit video kita yang panjang tadi jadi video yang pendek-pendek. Pernah kita buat video contohnya ada episode 1 episode 2 episode 3, asalkan pendek.

(GPI2/310-317)

GPI3 menyatakan bahawa walaupun selepas video pembelajaran selesai dihasilkan, ianya tetap kekal dalam internet. Ini membolehkan pelajar untuk merujuk dan mengulangkaji bahan pembelajaran tersebut pada bila-bila masa. Keberadaan video tersebut di internet memudahkan pelajar untuk mengaksesnya sendiri dan membuat ulangkaji tanpa perlu mengharapkan guru atau pihak lain. Ini memberikan fleksibiliti kepada pelajar untuk belajar pada kadar dan waktu yang mereka sendiri tentukan:

Walaubagaimanapun setelah selesai apa nama dia ni YouTube, oleh kerana video ni dia sentiasa ada di internet itu, apabila pelajar ingin mengulangkaji merujuk dan sebagainya mereka terus boleh membukanya disitu dan membuat ulang kaji sendiri.

(GPI3/75-77)

GPI3 memberi contoh bagaimana penggunaan YouTube dalam pembelajaran dapat memberikan manfaat kepada pelajar. Misalnya, jika pelajar diberi tugas tentang haji dan umrah, mereka boleh mencari video-video yang berkaitan dengan topik tersebut

di YouTube dengan mudah. Ini membolehkan mereka untuk mendapatkan sumber tambahan yang berkualiti dan sesuai dengan pelajaran yang mereka terima:

Contohnya, sekiranya mereka mendapat tajuk tugas tentang haji dan umrah. Kiranya pelajar itu belajar tentang haji dan umrah, mereka dapat terus cari video tersebut yang bersesuaian dengan pelajaran mereka dan mudah melalui YouTube ini.

(GP13/92-94)

GPI4 menambahkan bahawa selain dari kelebihan yang disebutkan sebelum ini, pelajar juga mempunyai keupayaan untuk mengakses maklumat dengan sekerap yang dikehendaki oleh mereka sendiri. Ini membolehkan mereka untuk memahami isi pelajaran yang diinginkan dengan lebih mendalam. Dengan akses yang tidak terhad kepada video pembelajaran di YouTube, pelajar dapat menontonnya berulang kali sehingga mereka memahami sepenuhnya konsep yang diajar:

Selain daripada itu, apa yang saya dapati pelajar-pelajar saya juga dapat mengakses maklumat seberapa kerap yang mereka mahu, sehingga mereka dapat memahami isi pelajaran yang diinginkan. Maksudnya mereka dapat melihatnya secara berulang-ulang kali sampai lah mereka faham.

(GPI4/94-97)

Secara keseluruhan, penggunaan YouTube dalam pendidikan memberikan pelbagai kelebihan yang memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran. Ini merangkumi kemudahan akses, sumber tambahan yang berkualiti, dan fleksibiliti pembelajaran. Dengan penekanan yang diberikan oleh para informan kajian, adalah jelas bahawa YouTube adalah alat yang berharga dalam konteks pendidikan kontemporari.

Triangulasi Data

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, video 1 dan video 2 menonjolkan visual yang menarik dan praktikal. Penggunaan visual yang menarik memperjelas konsep-konsep yang sukar dan meningkatkan minat pelajar. Video ini juga

memberikan contoh praktikal yang membantu pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi sebenar dan meningkatkan pemahaman pelajar. Guru menunjukkan contoh-contoh praktikal yang relevan dengan topik pembelajaran, memudahkan pengaplikasian konsep oleh pelajar dalam kehidupan sehari-hari.

c. Impak YouTube terhadap pelajar

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek impak YouTube terhadap pelajar boleh dikaitkan dengan minat pelajar.

Minat

GPI1 menggariskan bahawa walaupun kebanyakan pelajar menyukai penggunaan YouTube dalam pembelajaran, terdapat segelintir yang kurang berminat. Ini mungkin disebabkan oleh preferensi pembelajaran yang berbeza, di mana beberapa pelajar lebih suka pembelajaran bersemuka dengan guru. Terdapat pelajar yang mengungkapkan keperluan untuk berinteraksi secara langsung dengan guru, dan mereka tidak puas dengan pembelajaran dalam talian. Ini menjadi masalah ketika pembelajaran dalam talian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di mana pelajar yang memerlukan interaksi langsung dengan guru tidak dapat memperoleh pembelajaran yang mereka kehendaki:

... ada segelintir juga yang kurang minat. Atau pun cara pembelajaran dia, dia mahukan cikgu bersemuka dengan dia. Sebabnya ada juga yang kata “saya tak puas la, kena cikgu depan saya”. Ini jadi masalah pada murid murid tapi bila PKP kelas kena online dia tak dapat nak belajar secara online.

(GPI1/167-171)

GPI2 dan GPI4 menekankan bahawa tidak semua pelajar tertarik dengan penggunaan YouTube dalam pembelajaran kerana terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi mereka pada masa kini. Salah satu faktornya adalah kemunculan pelbagai aplikasi lain yang turut mempengaruhi minat dan perhatian pelajar. Di samping itu, populariti YouTube mungkin turut terjejas oleh peningkatan populariti

aplikasi lain seperti TikTok. Ini menjadikan YouTube terlibat dalam persaingan yang sengit untuk menarik perhatian pengguna:

Jadi tidak semua pelajar itu tertarik dengan YouTube sebab apa? Sebab banyak aplikasi lain yang mempengaruhi mereka pada masa sekarang ini. Sebab YouTube mungkin dah berapa ke ranking yang ke berapa. Sebab timbulnya tik tok. Jadi persaingan la untuk YouTube ini.

(GPI2/307-310)

... tidak semua pelajar tertarik dengan penggunaan YouTube sebenarnya. Berkemungkinan juga sekarang ini ada media-media sosial yang lain, seperti TikTok, Instagram di mana mereka juga boleh mendapatkan input daripada medsos-medsos ini.

(GPI4/115-117)

Secara keseluruhan, pengalaman yang dikongsi oleh GPI1, GPI2 dan GPI4 menunjukkan bahawa penggunaan YouTube sebagai alat pembelajaran tidak semestinya diterima dengan baik oleh semua pelajar. Kepentingan, minat dan kecenderungan pembelajaran pelajar dapat dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti preferensi pembelajaran, populariti aplikasi media sosial lain, dan kemunculan teknologi baru. Oleh itu, penting bagi guru untuk memahami keperluan dan kecenderungan pelajar serta menyediakan pelbagai kaedah pembelajaran yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelbagai jenis pelajar.

d. Sumber pengetahuan

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek impak YouTube terhadap pelajar boleh dikaitkan dengan pelbagai subtema, iaitu akademi YouTuber, kursus dan latihan dan perkongsian rakan sekerja.

Akademi YouTuber

GPI1 menceritakan pengalamannya memulakan pembelajaran sebagai seorang YouTuber menerusi akademi YouTube. Dia mengutarakan bahawa dari asas,

pembelajaran dijalankan melalui langkah-langkah yang teratur dan mencakup pelbagai topik termasuk penerbitan video menggunakan Power Point. Pengalaman ini membolehkannya tidak hanya memahami proses pembuatan video, tetapi juga memberi peluang kepada beliau untuk berkongsi pengetahuan ini kepada guru-guru di sekolahnya serta individu-individu lain yang berminat:

Itulah yang saya mula belajar bermula dari akademi YouTuber. Daripada asasnya kalau kita belajar ada step step nya tahap-tahap nya daripada asas sampailah challenge yang ke enam dan sampailah kita graduate dari akademi ini. Pada mula nya asasnya kita belajar Power Point yang divideokan. Kemudian di upload ke channel YouTube. Tetapi pada masa yang sama ini adalah beberapa perkara yang asas dan Alhamdulillah dapat juga saya mengajar kepada guru-guru GPI guru Pendidikan Islam dan juga yang lain-lain yang di sekolah saya dan juga di tempat lain cara menghasilkan video dengan menggunakan Power Point semata mata.

(GPI1/187-195)

GPI2 turut menghuraikan bahawa beliau telah memperoleh pengetahuan yang mendalam dalam aplikasi YouTube melalui penglibatan dalam akademi YouTuber. Melalui program ini, beliau berjaya menghasilkan video secara dalam talian, terutamanya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penglibatan dalam kelas pengajaran dan pembelajaran jarak jauh (PDPR) memberikan peluang kepada beliau untuk berkongsi pengetahuan dengan pelajar-pelajar:

Jadi secara formalnya seperti yang saya jelaskan tadi untuk pengetahuan lebih mendalam di aplikasi YouTube melalui akademi YouTuber la. Jadi melalui akademi YouTube ini saya berhasil la menghasilkan video atas talian terutama semasa PKP dahulu. Kita ada kelas PDPR jadi dikasikan bersama pelajar. Jadi pengalaman ini amat menyeronokkan la, bukan sahaja kita dapat ilmu tapi berkongsi bersama dalam akademi YouTuber itu.

(GPI2/356-361)

GPI3 turut menyatakan bahawa beliau memperoleh kemahiran penggunaan YouTube pada tahap advanced melalui penyertaan dalam aktiviti YouTuber Malaysia pada tahun 2020. Penglibatan dalam aktiviti ini memberikan peluang kepada beliau untuk mempelajari teknik-teknik lanjutan dalam penghasilan dan pengoptimuman video di platform YouTube:

... penggunaan pada tahap advance lah bagi saya, saya memperolehinya semasa menyertai aktiviti YouTuber Malaysia pada tahun 2020.

(GPI3/123-125)

GPI4 menceritakan bagaimana beliau memperoleh pengetahuan tentang penghasilan video dan pembuatan kandungan pendidikan dalam talian selepas menyertai Akademi YouTuber Malaysia. Melalui pengalaman ini, beliau berjaya menghasilkan lebih daripada 100 video pendidikan yang boleh digunakan oleh pelajar dari pelbagai peringkat, dari tingkatan 1 hingga 5:

... saya belajar bagaimana untuk menghasilkan video, bagaimana cara untuk membuat konten-konten PdPc selepas saya menyertai satu akademi itu, akademi YouTuber Malaysia. Daripada apa yang saya pelajari daripada akademi ini, saya telah berjaya menghasilkan banyak, lebih daripada 100 video PdPc yang boleh digunakan oleh pelajar saya daripada tingkatan 1 sampai lah tingkatan 5.

(GPI4/82-86)

GPI4 menceritakan pengalaman beliau dalam memperoleh ilmu dan kemahiran melalui penyertaan dalam Akademi YouTuber. Beliau menghadiri kelas-kelas online yang disediakan secara percuma oleh akademi tersebut. Para pengajar di dalam akademi memberikan tunjuk ajar tentang merakam video, mengedit video, memberikan persembahan, mencipta konten bermanfaat, dan menyediakan thumbnail yang menarik untuk menarik minat lebih ramai pelajar, khususnya dalam melihat video yang dihasilkan:

Banyak ilmu dan kemahiran dalam menghasilkan ilmu ini telah saya pelajari melalui akademi ini di mana saya telah menghadiri kelas-kelas online yang mereka adakan secara percuma sahaja dan para pengajar di dalam akademi ini juga telah memberikan tunjuk ajar bagaimana merakam video, mengedit video, mengadakan memberikan persembahan, membuat konten yang bermanfaat dan juga menyediakan thumbnail yang menarik untuk menarik lebih ramai pelajar khususnya untuk melihat video yang kita hasilkan.

(GPI4/124-129)

Pengalaman yang dikongsi oleh GPI1 hingga GPI4 menunjukkan kepentingan pembelajaran dalam era digital ini. Melalui penyertaan dalam akademi dan aktiviti yang berkaitan dengan YouTube, mereka dapat memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang berguna serta berkongsi pengalaman dengan orang lain dalam industri yang sama. Ini menunjukkan bagaimana teknologi dan platform digital seperti YouTube dapat dijadikan alat untuk meningkatkan pembelajaran dan perkembangan individu dalam bidang yang diminati.

Kursus dan latihan

Menurut GPI1, terdapat beberapa Pusat Pendidikan Daerah (PPD) yang menganjurkan latihan khas atau kursus bagi sekolah-sekolah di bawah naungan mereka. Sebagai contoh, di Negeri Sembilan, terdapat banyak sekolah yang menjalani kursus yang mengajar cara-cara menghasilkan video untuk YouTube, proses mengunggah video ke platform tersebut, dan teknik untuk melakukan siaran langsung:

Ada sekolah-sekolah yang PPD tersebut buat latihan ataupun kursus khas. Contohnya, ada di Negeri Sembilan. Ada banyak sekolah di situ dia buat kursus, cara hendak menghasilkan YouTube, cara hendak upload ke YouTube, cara untuk *live*. Itu juga diajar.

(GPI1/248-251)

Dalam pernyataan tersebut, GPI1 memberi gambaran tentang kandungan latihan yang biasanya disampaikan kepada peserta. Latihan tersebut dimulakan dari

asas dengan memberikan penjelasan mengenai kepentingan penggunaan YouTube dalam Pembelajaran dan Pembangunan Profesional (PDPP). Selepas itu, peserta diajarkan langkah-langkah untuk membuat video, dimulakan dengan penggunaan perisian Power Point Microsoft 365 untuk mencipta video. Walaupun video yang dihasilkan pada mulanya mungkin pendek, namun yang penting adalah proses pembelajaran itu sendiri. Secara beransur-ansur, peserta akan didorong untuk membuat saluran YouTube kerana ia adalah satu proses yang mudah dilakukan:

Kandungan latihan itu biasanya daripada asas. Perlu diberikan maklumat kenapa pentingnya penggunaan YouTube dalam PDP, lepas di ajar cara membuat video. Paling asas iaitu menggunakan powerpoint microsoft 365 untuk buat video. Lepas itu walaupun video itu pendek yang penting belajar dahulu. Lama-lama kita disuruh buat channel sebab ia mudah.

(GPI1/267-271)

GPI1 pula menghuraikan tentang kepelbagaian kursus di luar sana yang turut menawarkan latihan dalam penghasilan video untuk pendidik negara. Sebagai contoh, Kelab Guru Malaysia (KGM) menawarkan kursus-kursus yang memberi tumpuan kepada cara membuat video dan kemahiran berkaitan. Salah satu aspek yang diajarkan adalah penggunaan aplikasi seperti Power Point sebagai langkah asas, yang kemudian diperkukuhkan dengan aplikasi lain seperti Open Broadcaster Software (OBS) dan aplikasi perekam:

Kemudian terdapat juga sebenarnya selain dari PPD buat ini. kita ada juga kursus-kursus di luar sana. Contohnya seperti KGM Malaysia kursus-kursus ini untuk warga pendidik negara cara nak buat video dan sebagainya kita nak buat video itu itu salah satunya Power Point itu yang asas tapi up sedikit dengan menggunakan aplikasi OBS, aplikasi pendicam. Lepas itu nak edit pula. Edit pula pakai apa? Dan rakam nak edit.

(GPI1/274-279)

GPI2 menyatakan bahawa dalam pengalamannya, beliau tidak pernah menjalani latihan khusus yang berkaitan dengan penggunaan YouTube dalam

pengajaran. Ini mungkin berbeza dengan pengalaman individu lain di tempat-tempat lain:

Jadi setakat yang saya tahu, kalau latihan berkaitan khusus dengan YouTube dalam pengajaran ini tiada la dalam pengalaman saya la, mungkin di tempat lain ada kan.

(GPI2/408-410)

GPI2 menyatakan bahawa walaupun terdapat banyak kelas-kelas yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Unit Pendidikan Islam di JPN yang menghasilkan video berkaitan Pembelajaran Dalam dan Luar Bilik Darjah (PDLBD), namun penumpuan kepada YouTube agak kurang. Sebaliknya, kursus-kursus yang dijalankan cenderung menggunakan perisian lain seperti OBS dan Kinemaster:

Tapi saya tak nafikan banyak kelas-kelas yang dianjurkan oleh JPN, Unit Pendidikan Islam di JPN yang menghasilkan video yang berkaitan PDPC tapi dia tak menjurus kepada YouTube. Dia buat OBS. Ada pernah saya hadiri kursus OBS. Ada kinemaster dan sebagainya. Itu ada. Tapi menjurus kepada YouTube ini mungkin agak kurang la.

(GPI2/411-415)

Dari huraian GPI1 dan GPI2, terdapat kepelbagaian usaha dalam menyediakan latihan untuk penggunaan YouTube dalam konteks pendidikan. Walaupun terdapat inisiatif dari PPD dan agensi lain untuk memberikan latihan ini, masih ada keperluan untuk memperluaskan cakupan dan penekanan terhadap penggunaan YouTube sebagai alat pembelajaran yang efektif. Ini akan membantu guru-guru dan pendidik untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi YouTube dalam menyampaikan pembelajaran yang menarik dan efektif kepada pelajar.

Perkongsian rakan sekerja

GPI1 menceritakan tentang usaha Pusat Pendidikan Daerah (PPD) dalam memberikan galakan kepada sekolahnya untuk menggunakan YouTube sebagai alat pembelajaran. Mereka telah mengadakan sesi perkongsian di mana cara-cara untuk menggunakan YouTube dibincangkan. Satu usaha yang paling asas yang dilakukan oleh sekolah GP1 adalah dengan berkongsi pautan YouTube mengikut topik dan tahap pelajaran mereka dalam kumpulan PPD. Ini bertujuan untuk memudahkan guru-guru yang mungkin tidak mahir dengan proses mengunggah video sendiri ke YouTube:

Untuk sekolah saya sendiri, PPD ada juga memberikan galakan dan kami ada juga buat aktiviti sharing session untuk cara menggunakan YouTube macam mana. Paling rendah sekali apa yang kami buat, kami berikan link link YouTube ikut tingkatan topik kita share kan dalam group PPD, jadi sekurang kurangnya mereka akan menggunakan video di YouTube kalau mereka tak mahir upload video.

(GPI1/257-262)

GPI2 pula menceritakan pengalaman beliau dalam memperoleh pengetahuan tentang penghasilan video pada masa beliau mula bertugas. Beliau mendapat ilmu tentang pembuatan video dari seorang guru yang mahir dalam bidang tersebut. Guru tersebut mencadangkan penggunaan perisian pembuatan video, yang membantu GPI2 memulakan proses pembuatan video. Walaupun pada mulanya GPI2 telah mula membuat video, namun beliau tidak mengunggahnya ke YouTube kerana pada ketika itu beliau masih belum mahir dalam menggunakan platform tersebut:

Saya dapat ilmu buat video ini pun masa first posting saya la. Ada seorang cikgu itu video maker la masa itu kan. Dia la mencadangkan saya untuk menggunakan video maker itu. Jadi saya dah mula buat video la masa itu tapi tak dimuat naik ke dalam YouTube je masa itu. Tak pandai lagi YouTube.

(GPI2/181-184)

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan, melalui sesi perkongsian, mereka berkongsi pautan YouTube mengikut topik dan tahap pelajaran dalam kumpulan PPD, memudahkan guru-guru yang mungkin tidak mahir dalam mengunggah video. Ini menunjukkan kesungguhan PPD dalam memperkenalkan platform baru untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Hal ini menekankan pentingnya sokongan dan bimbingan dari komuniti pendidik untuk membantu mereka mengatasi cabaran dalam mengadaptasi teknologi baru.

e. Sumber maklumat

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek sumber maklumat boleh dikaitkan dengan pelbagai sub tema iaitu, set induksi, penilaian dan sumber yang sah.

Set induksi

GPI1 mengutarakan cara penggunaan video dalam pendidikan. Beliau mencadangkan penggunaan video sebagai bahan induksi sebelum memulakan pengajaran bagi menunjukkan topik yang akan diajar. Contohnya, sebelum mengajar mengenai menghargai alam sekitar, guru boleh menunjukkan video mengenai sungai atau lakonan yang berkaitan. Begitu juga dalam pengajaran tilawah al-Quran, guru boleh membuka sesi pembelajaran dengan membaca ayat al-Quran. Pendekatan ini membantu menarik minat pelajar dan memberi gambaran awal mengenai topik yang akan dipelajari. Ini menunjukkan bagaimana teknologi seperti video dapat digunakan secara strategik dalam menyampaikan maklumat pendidikan dengan cara yang menarik dan relevan kepada pelajar:

Pertama untuk dijadikan bahan sebelum memulakan belajar untuk dijadikan sebagai induksi mengajar tajuk tentang menghargai alam sekitar lepas itu tunjuk dahulu tentang video tentang sungai ataupun lakonan ataupun kalau kita mengajar tilawah al Quran kita buka dulu bacaan al Quran.

(GPI1/291-294)

GPI2 mengemukakan contoh cara penggunaan video dalam proses induksi pembelajaran. Beliau mencadangkan agar guru menggunakan video sebagai satu cara untuk memperkenalkan konsep atau topik tertentu kepada pelajar sebelum mula menjalankan sesi pengajaran. Sebagai contoh, untuk memperkenalkan konsep "sunnatullah" atau sunnat Allah yang merujuk kepada sunnah atau aturan Allah dalam alam semesta, guru boleh menunjukkan video tentang banjir yang berlaku di kampung pelajar tersebut. Pendekatan ini membantu pelajar untuk memahami konsep tersebut dengan lebih mendalam melalui pengalaman visual yang dekat dengan realiti mereka sendiri. Ini menunjukkan bagaimana penggunaan video dapat digunakan secara efektif untuk merangsang minat dan pemahaman pelajar terhadap topik yang diajar:

Kalau kita nak tengok sikit macam set induksi contohnya, sunnatullah kita macam ambik gambar banjir kan. Banjir di Kampung kita kan.

(GPI2/521-522)

GPI1 mengusulkan penggunaan video sebagai alat induksi sebelum pengajaran untuk menarik minat pelajar dan memberi gambaran awal tentang topik yang akan dibincangkan. Sebagai contoh, sebelum membincangkan menghargai alam sekitar atau tilawah al-Quran, guru boleh menunjukkan video yang relevan. GPI2 pula memberikan contoh penggunaan video untuk memperkenalkan konsep "sunnatullah" dengan menunjukkan video banjir di kampung pelajar. Pendekatan ini membantu pelajar memahami konsep dengan lebih baik melalui pengalaman visual yang relevan dengan kehidupan mereka. Ini menunjukkan pentingnya penggunaan video dalam merangsang minat dan pemahaman pelajar terhadap topik yang diajar.

Penilaian

GPI1 mencadangkan menggunakan video sebagai penutup untuk soalan penilaian atau kuiz. Ini menunjukkan cara kreatif untuk memanfaatkan teknologi dalam proses penilaian. Dengan menggunakan video sebagai penutup, guru dapat mengukur pemahaman pelajar terhadap topik yang diajarkan dan sekaligus memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan pengetahuan mereka melalui media yang berbeza.

Pendekatan ini juga dapat meningkatkan minat pelajar dalam proses pembelajaran dan penilaian:

... sebagai penutup untuk soalan, kadang untuk penilaian, kuiz sila jawab begini.

(GPI1/297-298)

Penggunaan video sebagai penutup untuk soalan penilaian atau kuiz adalah satu pendekatan yang inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan memanfaatkan teknologi dalam bentuk video, guru dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan menarik bagi pelajar. Salah satu kelebihan penggunaan video sebagai penutup adalah kesan visual yang dapat merangsang pemikiran dan perasaan pelajar. Video dapat menggambarkan konsep-konsep yang kompleks dengan lebih jelas dan menghidupkan topik pembelajaran dengan cara yang berkesan. Ini dapat membantu meningkatkan pemahaman dan retensi pelajar terhadap bahan pelajaran.

Sumber yang sahih

Menurut GPI1, penting untuk memastikan bahawa sumber video yang digunakan dalam proses pengajaran adalah sahih dan dipercayai. Guru-guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diiktiraf memainkan peranan penting dalam menghasilkan video pembelajaran yang berkualiti. Video-video ini perlu melalui penapisan dan proses pengesahan untuk memastikan kesahihannya sebelum disebarkan kepada pelajar:

Yang penting sahih, Ianya diajar boleh guru guru KPM sendiri guru guru yang diiktiraf la bukan guru-guru biasa. Dan video yang dihasilkan juga adalah video yang telah ditapis dan dipastikan kesahihannya.

(GPI1/319-321)

Guru juga perlu melakukan pengesahan terlebih dahulu untuk memastikan bahawa sumber dan maklumat yang digunakan adalah tepat dan selaras dengan nilai-

nilai Al-Quran dan Al-Sunnah. Ini penting untuk memastikan bahawa pendekatan pembelajaran adalah selaras dengan ajaran agama dan prinsip-prinsip yang betul. Dengan melakukan langkah-langkah pengesahan ini, guru dapat memastikan bahawa video pembelajaran yang disediakan adalah berkualiti dan memberi manfaat kepada pelajar:

Dan memang kena pastikan dulu betul-betul benda tu betul ke orang dalam video ni buat, lepas tu yang dari apa ni, yang info yang saya letak dalam video tu betul ke tidak, sama, sesuai ke tidak dengan Al-Quran dan Al-Sunnah, macam tu lah.

(GPI3/229-231)

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan, sebelum disebarkan kepada pelajar, video-video ini perlu melalui penapisan dan proses pengesahan untuk memastikan kesahihannya. Dengan mengambil langkah-langkah pengesahan ini, guru dapat memastikan bahawa video pembelajaran yang disediakan adalah berkualiti dan memberi manfaat kepada pelajar.

Triangulasi Data

Analisis yang dijalankan terhadap RPH didapati guru 1 menggunakan strategi penilaian sebagai fokus utama dalam rancangan pengajarannya. Analisis yang dijalankan terhadap RPH didapati guru 2, guru 3 dan guru 4 pula menggabungkan strategi set induksi dan penilaian dalam rancangan pengajarannya. Strategi set induksi digunakan untuk mempersiapkan pelajar sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dimulakan.

f. Pemilihan bahan yang bersesuaian

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek pemilihan bahan yang bersesuaian boleh dikaitkan dengan pelbagai sub tema, iaitu mengikut aras pemahaman murid, mengikut sukatan DSKP dan mengikut penerimaan pelajar.

Mengikut aras pemahaman murid

GPI1 menekankan keperluan untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai dengan tahap pemahaman murid. Beliau menyatakan bahawa setiap kelas mungkin mempunyai pelbagai tahap kebolehan dan keperluan pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, guru perlu mengambil kira gaya pembelajaran yang sesuai dengan setiap kelas. Ini termasuk memilih video pembelajaran yang sesuai dengan kecepatan penyampaian dan keperluan pemahaman setiap murid:

Tapi kita kena tengok dulu, adakah ianya sesuai dengan tahap murid saya. Kadang murid kita mengajar kelas di depan lain kelas di belakang pun lain, kena dengan cara pendekatan. Jadi kena tengok dahulu, kadang-kadang sesetengah video itu guru mengajar agak lambat-lambat. Yang ada tu mengajar laju sedikit. Jadi kalau murid yang perlukan masa untuk faham, kita perlu memilih bahan bantu mengajar lebih detail satu-persatu sebab penyampaian berbeza. Mengajar hingga faham kita akan pilih yang detail sedikit, jadi kita boleh pilih yang mana sesuai untuk kita. Kadang kadang ada kelas yang depan kan? Mereka tak suka lambat lambat ni, jenis nak cepat je yang pendek-pendek dan cepat agar mereka cepat dapat habis kat YouTube.

(GPI1/332-341)

GPI2 turut menekankan pentingnya guru untuk memahami keperluan dan tahap kebolehan setiap pelajar. Guru perlu mengambil kira perbezaan dalam cara pemahaman dan pembelajaran di kalangan pelajar yang berbeza. Bagi pelajar yang mempunyai pencapaian yang lebih rendah, cara penyampaian dan penerangan mungkin perlu disesuaikan agar lebih sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Sebaliknya, bagi pelajar yang cemerlang, mereka mungkin memerlukan pendekatan yang lebih mendalam atau cabaran yang lebih tinggi dalam pembelajaran:

... kita sebagai guru kena pandai tengok pelajar kita la. Kalau kita fokus pelajar lemah cara penerangan dia mungkin lain. Kalau pelajar cemerlang sedikit mungkin err dia ada tahap tahap dia la.

(GPI2/254-256)

GPI4 menyatakan bahawa setiap pelajar mempunyai tahap penguasaan yang berbeza dalam sesuatu subjek. Oleh itu, sebagai seorang guru, dia mengambil berat tentang pemahaman pelajar terhadap bahan pembelajaran. Dia menggunakan sumber dari YouTube untuk mencari bentuk-bentuk pengajaran yang mudah difahami oleh pelajar:

Sebab selalunya setiap pelajar yang kita ajar mereka memiliki tahap penguasaan yang berbeza. Jadi di sini kita kalau saya, saya biasanya saya dalam mengambil sumber daripada YouTube ni saya carilah bentuk-bentuk pengajaran yang mudah untuk pelajar faham.

(GPI4/229-231)

GPI1 dan GPI2 menekankan pentingnya guru memilih bahan pengajaran yang sesuai dengan keperluan dan tahap pemahaman setiap pelajar. Mereka mengakui bahawa setiap kelas mungkin mempunyai pelbagai tahap kebolehan dan keperluan pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, guru perlu mengambil kira gaya pembelajaran yang sesuai dengan setiap kelas, termasuk memilih video pembelajaran yang sesuai dengan kecepatan penyampaian dan keperluan pemahaman setiap murid.

Mengikut sukatan DSKP

GPI1 menekankan pentingnya untuk mengikuti Sukatan Pelajaran bagi Pembelajaran dan Pengajaran serta Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) sebagai panduan dalam proses pengajaran. Ini menunjukkan keberkesanan dalam merancang pengajaran berdasarkan kepada struktur dan matlamat yang telah ditetapkan dalam kurikulum. DSKP memberikan panduan kepada guru-guru tentang isi kandungan, objektif pembelajaran, dan penilaian yang perlu dicapai dalam setiap sesi pengajaran. Dengan mengikuti DSKP, guru dapat memastikan bahawa pembelajaran yang disampaikan adalah selaras dengan kurikulum yang ditetapkan dan memenuhi standard pendidikan yang ditetapkan:

Yang pertama sekali, Kita kena mengikuti sukatan DSKP.

(GPI1/348)

GPI3 menyatakan bahawa apabila membuat video, sumber utamanya adalah merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP). Ini kerana video tersebut ditujukan khas untuk Pembelajaran Dalam dan Luar Bilik Darjah (PDLBD) pelajar. DSKP menjadi rujukan utama dalam merancang dan menyusun isi kandungan video untuk memastikan ia relevan dan selaras dengan objektif pembelajaran yang ditetapkan. Dengan merujuk kepada DSKP, guru dapat memastikan bahawa video yang dihasilkan menyokong proses pembelajaran pelajar dan membantu mereka mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan:

Biasanya kalau saya buat video tu sumber yang utamanya saya merujuk kepada DSKP dulu lah kan, sebab video ni khas untuk PdPC pelajar kan.

(GPI3/191-192)

GPI4 menekankan kepentingan menggunakan sumber rujukan yang sah dan tepat untuk menghasilkan video Pembelajaran Dalam dan Luar Bilik Darjah (PDLBD) agar tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar. Beliau menjelaskan bahawa kekuatan video PdPC yang dihasilkan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan sumber rujukan utama seperti buku teks, DSKP bagi pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna bahawa isi kandungan video dibina berdasarkan panduan yang telah ditetapkan dalam DSKP dan mengikut kurikulum yang disyorkan. Dengan merujuk kepada sumber-sumber ini, guru dapat memastikan bahawa video PdPC yang dihasilkan sesuai dengan matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan dalam sukatan pelajaran dan tidak menyebabkan kekeliruan dalam pemahaman pelajar:

Kerana saya tidak mahu menimbulkan sebarang kekeliruan kepada pelajar-pelajar saya. Jadi bagi saya kekuatan video PdPc saya itu adalah salah satu sebabnya berdasarkan kepada buku teks, berdasarkan DSKP, itu lah sumber rujukan utama saya dalam menghasilkan video pdpc ini.

(GPI4/190-193)

GPI1, GPI3, dan GPI4 menegaskan kepentingan mengikuti Sukatan Pelajaran yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. DSKP menjadi panduan utama dalam merancang

isi kandungan video pembelajaran untuk memastikan ia relevan dan sesuai dengan objektif pembelajaran yang ditetapkan. Dengan merujuk kepada DSKP, guru dapat memastikan video pembelajaran yang dihasilkan menyokong proses pembelajaran pelajar dan membantu mereka mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan kesedaran dan komitmen mereka terhadap penggunaan sumber-sumber rujukan yang sah dan tepat dalam proses pengajaran sekaligus memenuhi iltizam dan aspirasi KPM untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Mengikut penerimaan pelajar

GPI2 menggariskan pentingnya peranan guru dalam mengenal pasti bahan dan sumber yang sesuai untuk pembelajaran pelajar mereka. Beliau menekankan bahawa setiap pelajar mempunyai tahap penerimaan yang berbeza, dipengaruhi oleh faktor persekitaran, sosial budaya, dan kecerdasan masing-masing. Justeru, guru perlu peka terhadap minat dan keperluan pelajar serta menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai dengan kecenderungan mereka. Guru boleh menggunakan sumber-sumber yang terdapat di YouTube sebagai salah satu cara untuk menarik minat pelajar, misalnya dengan memilih video yang mengandungi elemen drama, muzik, atau lagu yang disukai oleh pelajar. Jika sumber yang sesuai tidak terdapat di YouTube, guru juga boleh menghasilkan bahan sendiri, misalnya dengan menyuruh pelajar berlakon dalam video pembelajaran. Namun, penting untuk mendapatkan persetujuan dari ibu bapa pelajar agar bahan pembelajaran tersebut dapat diterima dengan baik:

Hanya guru yang mengajar muridnya sahaja yang boleh mengenal pasti bahan dan sumber yang sesuai untuk pelajar mereka. Ini kerana tahap penerimaan setiap manusia itu berbeza. Dipengaruhi oleh persekitaran, sosial budaya masing-masing, kecerdasan masing-masing. Jadi ianya telah tersedia di dalam YouTube. Contohnya kadang-kadang kalau pelajar saya ambik video, ada sesetengah kelas dia tayang tengok orang bercakap dan dalam lima minit itu boleh lagi lebih dari itu dah buat kerja lain sebab dia tak suka. Jadi kita tengok la pelajar kita itu suka yang macam mana. Suka yang drama drama sikit ke, suka yang ada muzik-muzik sikit ke yang ada lagu ke. Jadi kita kalau ni boleh search di YouTube dan kalau tak ada kita boleh buat sendiri. Kita boleh suruh

pelajar berlakon tapi dengan persetujuan mereka la, persetujuan ibu bapa mereka supaya benda itu dapat menarik minat. Dia (pelajar) ni kalau kita nak mengajar macam kita nak berdakwah lah. Dia hari ini lain, minggu depan lain dah penerimaannya.

(GPI2/543-555)

Secara keseluruhan, pandangan GPI2 menunjukkan pentingnya pendekatan yang holistik dalam merancang pembelajaran yang efektif, yang memperhatikan kepelbagaian individu pelajar dan memanfaatkan teknologi serta kerjasama orang tua sebagai aspek penting dalam penerimaan sesuatu proses pembelajaran.

Triangulasi Data

Analisis yang dijalankan terhadap RPH didapati ke semua guru yang terlibat menggunakan bahan yang disediakan mengikut sukatan DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) untuk memastikan pembelajaran berjalan mengikut kurikulum yang ditetapkan. Selain itu, guru 1 juga mengambil kira penerimaan pelajar untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran agar sesuai dengan keperluan dan tahap pemahaman pelajar.

g. Pengetahuan sampingan

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek pengetahuan sampingan boleh dikaitkan dengan pelbagai sub tema, iaitu mengikut pengetahuan berkaitan teknikal, kualiti video dan kreativiti guru.

Pengetahuan berkaitan teknikal

GPI1 menceritakan pengalamannya semasa mula-mula mencuba untuk melakukan siaran langsung menggunakan komputer sederhana yang biasa digunakan untuk aktiviti seperti menaip dokumen menggunakan Microsoft Word. Namun, ketika beliau mencuba untuk melakukan *live* streaming, beliau mengalami beberapa masalah, termasuk masalah kelemahan sambungan internet dan kekurangan kapasiti komputer untuk menyokong aktiviti *live* streaming di platform YouTube. Daripada pengalaman

ini, GPI1 menyedari bahawa untuk melakukan *live* streaming, perlu ada persediaan yang lebih teliti. Ini termasuk memastikan kecukupan sambungan internet dan juga keupayaan komputer untuk menangani aktiviti *live* streaming dengan lancar. Beliau juga menyedari bahawa tidak semua sekolah dilengkapi dengan peralatan seperti skrin LCD, oleh itu, guru perlu membawa peralatan yang mudah alih, seperti projektor yang boleh dibawa ke pelbagai tempat:

Dulu saya guna komputer yang biasa biasa sahaja pakai Microsoft Word saja cukup. Tetapi bila nak *live* streaming itu, saya test dengan team saya Akademi YouTuber, saya punya muka tak keluar kat *live*. Check check rupanya internet tak kuat, check lagi komputer saya tak cukup kuat rupanya kapasiti komputer saya tak cukup untuk support YouTube. Dari situ kita kena tahu tak boleh sebarang, wifi cukup kuat tak untuk internet, laptop kita okey ke tidak, kita guna ipad macam mana. Jadi ilmu asas itu, cara nak rakam, cara nak upload, cara nak pancarkan balik. Ada sekolah tak semua sekolah ada LCD kan. Jadi kena bawa sendiri yang portable. Ada yang tak ada skrin, jadi kena bawa yang jinjin warna putih.

(GPI1/225-233)

Pengalaman ini menggariskan kepentingan pemahaman asas dalam melakukan aktiviti *live* streaming, termasuk cara merekod, mengunggah, dan menyiar semula video secara langsung. Ia juga menekankan keperluan untuk mempersiapkan peralatan dan sambungan internet yang mencukupi sebelum melaksanakan aktiviti *live* streaming, serta keperluan untuk adaptasi terhadap keadaan di sekolah yang mungkin tidak dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan. Ini menunjukkan betapa pentingnya penyediaan dan pemahaman terhadap teknologi dalam era digital ini, terutamanya dalam konteks pendidikan.

Kualiti video

GPI2 menekankan kepentingan kualiti konten dalam video yang disampaikan. Beliau menyatakan bahawa aspek-aspek seperti kejelasan visual dan audio sangat penting dalam menarik minat penonton. Untuk itu, beliau merujuk kepada resolusi video, seperti 4K atau 2K, yang dapat menyediakan gambar yang lebih jelas dan berkualiti

tinggi. Penyampaian audio yang jelas juga ditekankan sebagai komponen penting dalam memastikan pengalaman menonton yang memuaskan:

Yang pertama content itu sendiri. Content yang kita persembahkan itu. Video kena jelas, suara kena jelas. 4K ke 2K tu kan. Biar gambar jelas, kalau kabur-kabur orang tak suka tengok juga. Audio pun kena clear main peranan penting la.

(GPI2/383-385)

GPI4 menekankan pentingnya mutu video dari segi audio dan visual. Beliau menggariskan bahawa kedua-dua aspek ini perlu mempunyai kualiti yang tinggi supaya video yang dihasilkan dapat memberikan impak yang positif kepada penonton:

... kemudian mutu video itu juga mestilah hebat dari segi audio dan juga videonya.

(GPI4/150)

Pentingnya kualiti audio dan visual dalam video tidak boleh dipandang ringan, terutama dalam konteks pembelajaran. Kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting dalam memastikan pesan yang disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh penonton, termasuklah pelajar. Oleh itu, guru perlu memberikan perhatian yang serius terhadap kedua-dua aspek ini semasa proses penghasilan video pembelajaran.

Kreativiti guru

GPI2 menekankan pentingnya kekreatifan guru dalam menghasilkan video pembelajaran. Beliau menyatakan bahawa kreativiti guru menjadi faktor penting dalam membuat video yang menarik dan efektif. Bagaimanapun, beliau turut mengakui bahawa penglibatan pelajar dalam video mungkin tidak selalu praktikal kerana isu-isu tertentu yang mungkin timbul. Oleh itu, guru perlu mencari alternatif lain untuk menyampaikan maklumat, seperti menggunakan animasi atau teknik lain yang tidak melibatkan penglibatan langsung pelajar:

Serta kekreatifan guru untuk menghasilkan video berkenaan. Cuma kalau dulu kita bebas menggunakan pelajar tapi akhir ini mungkin tak boleh guna pelajar

sebab ada isu-isu kemudian kan. Jadi mungkin kita boleh guna benda lain. Contohnya animasi dan sebagainya.

(GPI2/386-389)

GPI4 pula menekankan kepentingan pengetahuan tambahan dalam mempengaruhi kualiti konten yang disampaikan dalam video. Beliau menggariskan bahawa isi kandungan yang disampaikan dalam video perlu menarik dan interaktif bagi menarik minat penonton. Ini menunjukkan bahawa keberkesanan penyampaian tidak hanya bergantung kepada kreativiti dan teknikaliti produksi video, tetapi juga kepada keupayaan untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang menarik dan memberi impak kepada penonton:

... antara pengetahuan sampinganlah untuk mempengaruhi tontonan ye lah konten yang kita persembahkan, apa yang kita nak sampaikan kepada penonton itu mestilah menarik, interaktif

(GPI4/148-150)

Ini menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran tidak hanya bergantung kepada kemahiran teknikal dalam penghasilan video, tetapi juga kepada kekreatifan guru dalam merangka kandungan yang menarik dan relevan untuk disampaikan kepada pelajar. Kreativiti guru memainkan peranan penting dalam menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan memberi impak yang lebih besar kepada pelajar. Kemahiran kualiti video dan kreativiti guru membantu dalam penyampaian yang efektif sebagaimana yang ditunjukkan dalam semua video yang telah dianalisis.

4.4 KEMAHIRAN APLIKASI YOUTUBE DALAM PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam?

Bahagian ini menunjukkan dapatan berdasarkan persoalan kajian yang berkaitan dengan kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan

aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam. Dapatan dibahagikan kepada tema dengan beberapa sub-tema. Jadual di bawah menunjukkan tema dan sub-tema yang telah dikategorikan.

Jadual 4.3 Tema dan sub-tema

Tema	Sub-Tema
Kemahiran yang diperlukan guru	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran berkaitan penggunaan YouTube • Kemahiran komunikasi • Kemahiran kreativiti
Jenis video yang sering digunakan	<ul style="list-style-type: none"> • Video yang berkaitan dengan subjek yang sukar difahami • Video hafazan dan berkaitan dengan al-Quran • Amali
Integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Interaksi dua hala • Penggunaan video <i>live</i> • Penggunaan quizzes
Strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan video yang tepat • Penghasilan video yang berkualiti • Elemen interaktif • Ganjaran • Hubungan yang baik dengan pelajar • Penilaian

Pengkaji menjalankan temu bual dengan guru-guru untuk meneroka kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam. Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk kemahiran yang diperlukan guru, jenis video yang sering digunakan, integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran dan strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube. Dapatan akan dianalisis berkaitan dengan empat tema tersebut.

a. Kemahiran yang diperlukan guru

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek kemahiran yang diperlukan guru boleh dikaitkan dengan pelbagai sub-tema, termasuk kemahiran berkaitan penggunaan YouTube, kemahiran komunikasi dan kemahiran kreativiti.

Kemahiran berkaitan penggunaan YouTube

GPI1 memberikan gambaran tentang kemahiran asas yang perlu dikuasai dalam konteks penggunaan YouTube untuk tujuan pengajaran. Antara kemahiran tersebut termasuk cara untuk *mendownload* video dari YouTube, *mengcopy* link video, dan *mempaste* link ke dalam Google Classroom. Selain itu, beliau turut menyebut tentang kemahiran dalam menghasilkan video, termasuk proses pengolahan video, penyuntingan, dan proses muat naik ke platform YouTube:

Kemahiran pertama sekadar untuk berkongsi cara untuk download YouTube tersebut. cara untuk copy dia link macam mana. cara untuk paste ke Google Classroom ke macam mana. Cara hasilkan video ada caranya. Cara nak olah dia macam mana, cara nak buat video, nak edit dan muat naik ke YouTube.

(GPI1/357-360)

GPI2 pula menekankan pentingnya kemahiran pengeditan video bagi guru yang ingin memuat naik video sendiri ke platform YouTube. Beliau menggariskan bahawa pengeditan video adalah kemahiran asas yang perlu dimiliki untuk menghasilkan video berkualiti. Bagi guru yang masih belum mahir dalam pengeditan video, mereka masih boleh menggunakan aplikasi YouTube untuk mengakses dan menggunakan bahan-bahan sedia ada yang terdapat di platform tersebut:

Jadi sama juga macam tadi juga kan. Maksudnya yang pertama kena ada kemahiran pengeditan video. Kalau nak muat naik video sendiri la. Kalau tak ada kemahiran masih boleh lagi menggunakan aplikasi YouTube tapi menggunakan bahan sedia ada sahaja la. Kemahiran edit video.

(GPI2/606-609)

GPI3 menekankan kepentingan aplikasi dalam proses penghasilan video. Bagi beliau, pemahaman terhadap aplikasi yang digunakan adalah kunci utama dalam menghasilkan video yang berkualiti. Guru perlu memahami cara menggunakan aplikasi tersebut untuk menyusun dan mengatur elemen-elemen penceritaan dalam

video. Ini termasuklah memilih kandungan, menyusun jalinan cerita, serta mengatur visual dan audio dalam video:

Aplikasi itu penting, cuma kita nak guna untuk buat video, jadi sebab itu lah kita kena tau benda tu, susun-susun kita punya apa penceritaan dalam video kena guna aplikasi tu lah.

(GPI3/301-303)

GPI4 pula menekankan dua kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh guru dalam penghasilan video Pembelajaran Dalam dan Luar Bilik Darjah (PDLBD). Pertama, guru perlu mempunyai kemahiran dalam menggunakan aplikasi penghasilan video seperti Kinemaster, CapCut, VideoMaker dan juga PowerPoint. Penguasaan terhadap aplikasi-aplikasi ini membolehkan guru untuk mencipta video pembelajaran yang berkualiti dan menarik. Dengan menguasai pelbagai aplikasi, guru dapat memilih yang paling sesuai dengan keperluan dan gaya pembelajaran mereka:

Dan kemahiran yang keduanya bagi saya iaitu tentang kemahiran dalam membuat video itu sendiri di mana penerimaan aplikasi seperti Kinemaster ke, CapCut, VideoMaker dan juga PowerPoint amat perlu dikuasai oleh seseorang guru dalam membuat video PdPC ini. Kemudian kemahiran dalam mengedit video, terutama sekali dari segi audio dan visualnya lah supaya ia lebih menarik, jelas dan baik.

(GPI4/286-291)

Kesemua penceritaan dari GPI1 hingga GPI4 menunjukkan bahawa kemahiran dalam penghasilan video pembelajaran melibatkan beberapa aspek yang meluas, termasuk kemahiran teknikal, kreativiti, dan pemahaman terhadap alat dan platform yang digunakan. Dengan menguasai kemahiran-kemahiran ini, guru dapat menyampaikan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan kepada pelajar.

Kemahiran komunikasi

GPI2 menambahkan elemen penting lain yang perlu dikuasai dalam penghasilan video pembelajaran, iaitu kemahiran berkomunikasi. Ini termasuk kemahiran dalam

menyampaikan mesej dengan jelas dan berkesan melalui suara dan intonasi yang sesuai dengan *audiens*, dalam kes ini, pelajar. Dengan kemahiran berkomunikasi yang baik, guru dapat menarik minat pelajar dan membantu mereka memahami isi kandungan dengan lebih baik. Ini menekankan bahawa tidak hanya aspek teknikal dalam pembuatan video yang penting tetapi juga kemahiran berkomunikasi yang efektif untuk menyampaikan mesej secara berkesan kepada pelajar:

... kemahiran berkomunikasi. Yang ini menjurus kepada video kita sendiri atau *live* kemahiran berkomunikasi. Nada dia suara dia intonasi bersesuaian dengan pelajar kita.

(GPI2/609-611)

GPI4 menambahkan kemahiran berkomunikasi sebagai elemen penting dalam penghasilan video pembelajaran. Ini melibatkan kecekapan guru dalam menyampaikan maklumat dengan jelas dan efektif kepada pelajar. Selain itu, unsur-unsur seperti humor, jenaka, dan selingan juga penting untuk menjadikan video lebih menarik dan interaktif. Penampilan guru juga memainkan peranan penting dalam menarik perhatian pelajar. Dengan menguasai kemahiran berkomunikasi yang baik, guru dapat mencipta video pembelajaran yang lebih berkesan dan memikat pelajar untuk terlibat dalam proses pembelajaran:

... mereka juga akan merasa lebih seronok sekiranya dalam video PdPC tersebut dapat kita bekalkan dengan animasi, nyanyian dan juga berbentuk cerita pendek.

(GPI4/107-109)

GPI2 menekankan pentingnya kemahiran berkomunikasi dalam pembuatan video pembelajaran, sementara GPI4 menambahkan kemahiran berkomunikasi sebagai faktor penting dalam pembuatan video pembelajaran. Kemahiran berkomunikasi ini melibatkan kecekapan guru dalam menyampaikan maklumat dengan jelas dan efektif kepada pelajar. Selain itu, unsur humor, jenaka, dan selingan turut diperincikan sebagai elemen penting dalam menjadikan video lebih menarik dan interaktif. Penampilan guru juga dipertimbangkan sebagai faktor yang mempengaruhi minat pelajar. Dengan menguasai

kemahiran berkomunikasi yang baik, guru dapat mencipta video pembelajaran yang lebih berkesan dan memikat pelajar untuk terlibat dalam proses pembelajaran.

Kemahiran kreativiti

GPI2 menekankan kepentingan kepelbagaian dalam bahan pengajaran dan pembelajaran untuk Pembelajaran Dalam dan Luar Bilik Darjah (PDLBD) agar sesi pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan. Beliau menegaskan bahawa tidak cukup hanya memiliki bahan yang sama untuk setiap sesi pembelajaran. Sebaliknya, penting untuk memastikan bahawa setiap video atau bahan yang disediakan mempunyai elemen yang unik dan menarik, sama ada dari segi visual atau audio. Dengan cara ini, pelajar dapat lebih teruja dan terlibat dalam proses pembelajaran. Pendekatan yang pelbagai ini membantu meningkatkan daya tarikan dan kesan pembelajaran terhadap pelajar, menjadikan proses pembelajaran lebih dinamik dan efektif:

Kemudian bahan PdP yang menarik ia, sama ada visual ke audio ke yang menarik. Bukan sama sahaja. Kita kena ada kelainan untuk setiap sesi itu. Untuk setiap video itu.

(GPI2/611-613)

GPI4 turut menekankan kepentingan kemahiran pertama dalam konteks pembangunan PDLBD, iaitu menyediakan bahan atau konten yang lebih menarik. Ini merujuk kepada keupayaan guru untuk mencipta dan menyusun bahan pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar serta merangsang proses pembelajaran. Dengan memastikan bahawa bahan atau konten yang disediakan menarik, pelajar akan lebih berminat untuk terlibat dalam sesi pembelajaran, yang pada gilirannya meningkatkan kesan pembelajaran. Kemahiran ini melibatkan kepekaan guru terhadap kepentingan dan keperluan pelajar, serta kreativiti dalam menyampaikan maklumat dengan cara yang menarik dan relevan:

... kemahiran pertama sekali adalah menyediakan bahan ataupun konten PdP yang lebih menarik.

(GPI4/285-286)

Oleh itu, penggunaan video dari YouTube yang mengandungi elemen visual, suara, dan latar belakang mungkin lebih menarik dan berkesan dalam proses pengajaran.

Triangulasi Data

Kemahiran kreativiti guru dan keupayaan komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian kandungan pengajaran menjadi lebih menarik dan difahami oleh murid. Dalam konteks penggunaan YouTube sebagai medium pembelajaran, kedua-dua kemahiran ini dapat dilihat dengan jelas dalam kandungan Video 1, Video 3, dan Video 4.

Melalui kemahiran kreativiti, guru mampu menghasilkan bahan pengajaran yang bukan sahaja informatif, tetapi juga bersifat interaktif dan inovatif. Misalnya, penggunaan elemen visual seperti animasi, grafik menarik, serta penyusunan isi yang sistematik menjadikan video pembelajaran lebih mudah difahami dan mampu mengekalkan perhatian penonton. Video 1, misalnya, menunjukkan bagaimana guru menggunakan analogi visual dan muzik latar untuk menjelaskan konsep yang kompleks secara santai dan mudah dihadam.

Sementara itu, kemahiran komunikasi yang baik pula merujuk kepada keupayaan guru menyampaikan maklumat dengan jelas, menyusun hujah dengan logik, serta menyesuaikan gaya bahasa mengikut tahap kefahaman audiens. Dalam Video 3 dan Video 4, guru memperlihatkan keupayaan ini melalui penggunaan nada suara yang mesra, penggunaan bahasa yang mudah difahami, serta gaya penyampaian yang bersahaja namun berkesan. Secara keseluruhan, kombinasi antara kreativiti dan komunikasi yang efektif bukan sahaja meningkatkan kualiti penyampaian, tetapi turut memberikan impak positif terhadap tahap kefahaman dan minat murid terhadap isi pelajaran yang disampaikan melalui platform digital seperti YouTube.

b. Jenis video yang sering digunakan

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek jenis video yang sering digunakan boleh dikaitkan dengan beberapa sub tema, iaitu video

yang berkaitan dengan subjek yang sukar difahami, video hafazan dan berkaitan dengan al-Quran dan amali.

Video yang berkaitan dengan subjek yang sukar difahami

GPI1 menyatakan bahawa dalam kelas, terdapat subjek-subjek yang sukar difahami seperti tajuk faraid. Untuk mengatasi kesukaran ini, cikgu menggunakan video sebagai alat bantu pembelajaran. Video tersebut sering dijadikan sebagai "*quick classroom*" di mana murid diminta menontonnya terlebih dahulu sebelum sesi kelas sebenar. Dengan cara ini, murid dapat mempelajari topik seperti wasiat dan faraid secara berulang dan lebih mendalam sebelum berinteraksi di kelas keesokan harinya:

Kalau macam itu yang saya tengok banyak kepada subjek yang sukar difahami dalam kelas. Contoh tajuk faraid. Tajuk wasiat dan faraid susah sikit jadi berdasarkan video yang saya dengar. Mereka nak dengar kerap sebaran. Kadang-kadang video jadi tengok ada juga cikgu jadikan video yang kita hasilkan sebagai quick class room iaitu bagi dahulu murid dah tengok, esoknya baru masuk kelas, jadi dia dah hantar dahulu kepada murid untuk tonton tengok dahulu video itu.

(GPI1/383-388)

GPI3 pula menyatakan bahawa penggunaan video dalam pengajaran tidak hanya terhad kepada sesi kelas. Kadang-kadang, video yang dihasilkan bertujuan untuk merangkumi satu bidang tajuk secara menyeluruh. Video tersebut sering digunakan sebagai bahan rujukan menjelang peperiksaan, kerana ia mengandungi analisis dan contoh dari seluruh bab, membantu murid memahami istilah dan konsep dari bab satu hingga bab akhir:

Yang saya nampak kan ustazah, kalau dari segi penggunaan, saya kadang-kadang buat video bukan juga untuk tujuan pengajaran di kelas, ada yang video yang saya buat tu yang khas merangkumi satu bidang tajuk. Biasanya, analisisnya akan meningkat bila hampir-hampir waktu peperiksaan, sebab dalam satu video tu macam contoh yang saya buat masuk istilah semua, dari bab satu sampai lah bab akhir.

(GPI3/368-372)

Secara keseluruhannya, kedua-dua pandangan ini menunjukkan bahawa video boleh digunakan dalam pelbagai cara untuk meningkatkan proses pembelajaran. GPI1 menekankan penggunaan video sebagai persediaan awal sebelum sesi kelas, sementara GPI3 menyoroti peranan video sebagai sumber rujukan komprehensif untuk ulangkaji menjelang peperiksaan. Kedua-dua pendekatan ini menunjukkan bahawa video bukan sahaja alat pengajaran yang fleksibel tetapi juga elemen penting dalam strategi pembelajaran yang dapat disesuaikan dengan keperluan pembelajaran murid pada masa yang berlainan.

Video hafazan dan berkaitan dengan al-Quran

GPI1 menyatakan bahawa dalam pengajaran hafazan dan cara membaca Al-Quran, pendekatan yang digunakan adalah dengan menyediakan bahan yang membolehkan murid mendengar banyak kali. Hal ini penting kerana proses menghafal dan membaca Al-Quran memerlukan latihan yang berulang:

Kemudian lagi satu lagi yang agak susah iaitu hafazan dan cara membaca Al-Quran, cara membaca dan menghafal. Sebab mereka kena dengar banyak kali maka ranking tinggi la di situ. Ayat hafazan dan tilawah al quran.

(GPI1/392-394)

Dengan cara ini, ranking atau pencapaian murid dalam hafazan dan tilawah Al-Quran dapat ditingkatkan melalui pendedahan berulang-ulang terhadap ayat-ayat Al-Quran.

Amali

GPI2 menyatakan bahawa dalam pengajaran Pendidikan Islam, video digunakan untuk amali dan fakta sebagai solusi kepada kekangan masa dan untuk meningkatkan minat murid. Guru sering menggunakan video untuk menunjukkan amali seperti solat, sembelihan, dan akad nikah kerana kelas yang hanya lima waktu seminggu tidak memungkinkan amali secara mendalam. Selain itu, video juga digunakan untuk menyampaikan fakta yang boleh membuatkan pelajar bosan jika hanya disampaikan secara mendatar:

Yang biasa digunakan guru pendidikan islam. Kita biasa guna video yang berkaitan dengan amali sebab kadang-kadang sebab kesuntukan masa, kelas itu dalam lima waktu seminggu. Jadi nak buat amali sesuatu itu, mungkin kekangan masa nak buat pun tak secara detail sangat macam amali contohnya solat, sembelihan, perkahwinan pun boleh juga buat amali. Saya pernah buat video macam mana akad nikah dan sebagainya. Dan bukan sahaja video berkaitan dengan amali digunakan pendidikan islam tetapi berkaitan dengan fakta. Fakta sebenarnya kadang-kadang boleh menyebabkan pelajar bosan juga. Sebab dia mendatar. Kalau ada visual, ada suara, ada sedikit latar, mungkin penggunaan YouTube di situ lebih menarik la.

(GPI2/636-645)

Dengan menambahkan visual, suara, dan latar dalam video, penggunaan YouTube menjadi lebih menarik dan efektif dalam mengajar topik-topik Pendidikan Islam.

Triangulasi Data

Dalam analisis dokumen terhadap Video 1, didapati bahawa jenis video yang disajikan menumpukan kepada topik-topik atau subjek yang dikenal pasti sebagai sukar difahami oleh pelajar dalam bilik darjah konvensional. Guru memilih untuk menghasilkan kandungan video yang menyentuh aspek konsep abstrak dan kompleks, dengan tujuan untuk membantu pelajar menguasai topik tersebut secara lebih mendalam dan berkesan.

Video ini telah dirancang dengan teliti bagi memastikan penyampaian kandungan berlaku secara terstruktur, menggunakan pendekatan visual dan audio yang menyokong pemahaman konsep. Sebagai contoh, guru menggunakan ilustrasi grafik, animasi, serta contoh situasi kehidupan sebenar untuk menjelaskan konsep-konsep yang bersifat teoritikal. Pendekatan ini membolehkan pelajar melihat kaitan antara teori dan amalan, sekaligus merangsang pemahaman yang lebih kontekstual dan konkrit. Di samping itu, video tersebut juga memperlihatkan usaha guru dalam

mengaplikasikan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar melalui penyampaian yang lebih fleksibel dan dapat diakses pada bila-bila masa.

c. Integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran boleh dikaitkan dengan beberapa sub tema, iaitu interaksi dua hala, penggunaan video *live* dan penggunaan quizzes.

Interaksi dua hala

GPI1 menegaskan pentingnya interaksi antara guru dan pelajar semasa menggunakan video dalam pengajaran. Beliau menasihati agar guru tidak hanya membiarkan video bermain tanpa interaksi langsung dengan pelajar, kerana ini boleh menyebabkan kebosanan di kalangan pelajar. Sebaliknya, guru disarankan untuk memberhentikan video seketika untuk berinteraksi dengan pelajar, memberikan ulasan atau bertanya kepada mereka tentang kandungan yang disampaikan dalam video. Walaupun penggunaan video dari YouTube, interaksi langsung antara guru dan pelajar tetap perlu dipelihara untuk menjaga keberkesanan proses pengajaran:

... cikgu jangan la tekan je video itu lepas itu cikgu biar je satu jam lama-lama akan bosan la. Apa yang cikgu kena buat, ketika sedang mengajar cikgu pause dahulu seketika. Lepas itu lakukan interaksi dengan murid “cikgu ada sedikit ulasan”. Jangan tekan video itu sahaja satu jam. Kemudian itu interaksi, walaupun YouTube tapi masih ada interaksi.

(GPI1/401-411)

GPI4 menggariskan kelebihan interaksi langsung antara guru dan pelajar melalui kelas *live* di platform YouTube. Beliau menyatakan bahawa dalam kelas *live* tersebut, pelajar dapat bertanya secara langsung tentang sebarang permasalahan, sama ada melalui ruang chat atau dijemput untuk berkongsi secara lisan. Ini memberikan peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan mungkin merupakan pengalaman baru bagi mereka. Kebolehan untuk berinteraksi

secara langsung dalam kelas *live* membolehkan pelajar mendapatkan jawapan yang tepat pada masa itu juga dan memberikan ruang untuk pertukaran idea yang lebih dinamik dan langsung:

Okay menerusi kelas *live* yang diadakan di pelantar YouTube, pelajar boleh terus bertanya sebarang permasalahan secara langsung sama ada menulis di ruang chat ataupun dijemput untuk berkongsi lah. Hal seumpama ini amat disukai lah oleh pelajar kerana dapat terlibat secara aktif dan mungkin merupakan pengalaman baharulah buat mereka.

(GPI4/320-323)

GPI1 menekankan pentingnya interaksi langsung antara guru dan pelajar semasa menggunakan video dalam pengajaran untuk mengelakkan kebosanan. Beliau menyarankan guru untuk memberhentikan video seketika untuk memberi ulasan atau bertanya kepada pelajar tentang kandungan video. GPI4 menggariskan kelebihan interaksi dalam kelas *live* di YouTube, di mana pelajar dapat bertanya secara langsung melalui ruang chat atau dijemput untuk berkongsi secara lisan dalam konti. Ini membolehkan pelajar terlibat secara aktif dan mendapatkan jawapan serta pertukaran idea yang lebih dinamik.

Penggunaan video *live*

GPI1 menekankan bahawa walaupun menggunakan video YouTube atau kelas *live* di YouTube, interaksi antara guru dan pelajar masih boleh berlaku melalui ruang chat. Beliau menggambarkan bagaimana pelajar dapat bertanya melalui ruang chat, dan guru dapat menjawab secara lisan serta secara langsung di skrin. Ini memberikan pengalaman yang mengujakan kepada pelajar kerana mereka dapat terlibat secara aktif dan mendapatkan respon langsung dari guru. Dengan cara ini, interaksi antara guru dan pelajar tetap dikekalkan, memperkaya pengalaman pembelajaran walaupun dalam format video atau kelas *live* di platform YouTube:

Tetapi point yang kedua, secara *live* YouTube atau secara *live streaming*. Interaksi tetap ada sebab menggunakan ruangan chat. Jadi murid bertanya, cikgu terus cakap secara verbal lisan dengan mulut dan murid tulis. Dan ia

sangat mengujakan. Lepas itu murid suka bertanya ada soalan kita dekat screen lagi dia seronok. Jadi tetap ada interaksi walaupun sama ada dengan YouTube video ataupun *live* YouTube.

(GPI1/406-411)

GPI2 menekankan kepentingan video *live* dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif. Dalam konteks video *live*, pelajar dapat bertanya secara langsung melalui komentar atau chat box. Ini membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran dengan memberikan respons secara langsung kepada guru. Dengan adanya interaksi langsung ini, pengalaman pembelajaran menjadi lebih dinamik dan merangsang:

Kalau di cerita berkaitan dengan interaktif dan sebagainya dia lebih kepada saya tengok video *live* la. Jadi kalau video *live* ini, murid boleh bertanya secara langsung masuk ke konti atau pun dia boleh tulis di ruangan chat.

(GPI2/665-667)

GPI1 menekankan kemungkinan interaksi antara guru dan pelajar melalui ruang chat, sama ada dalam video YouTube atau kelas *live* di *platform* tersebut. Ini membolehkan pelajar bertanya secara langsung dan menerima respons dari guru, memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan bermanfaat. Interaksi seperti ini memastikan pengalaman pembelajaran tetap berkesan dan dinamik, walaupun dalam format video. GPI2 pula menekankan kepentingan penggunaan video *live* dalam pembelajaran yang lebih interaktif. Dalam video *live*, pelajar dapat bertanya secara langsung melalui komentar atau *chat box*, membolehkan mereka terlibat secara aktif dan mendapatkan respon langsung dari guru. Ini menjadikan pembelajaran lebih dinamik dan merangsang, meningkatkan kesan pembelajaran secara keseluruhan.

Penggunaan quizzes

GPI3 menceritakan pengalamannya menggunakan kuiz dalam pengajaran. Beliau menjelaskan bahawa menggunakan kuiz membolehkan pelajar menjawab secara

langsung secara atas talian, dan apabila ada ramai pelajar yang menyertainya, pengalaman pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan seperti bermain permainan:

... macam saya yang saya pernah buat melalui quizzes lah selalunya. Sebab quizzes ni kita bagi link lepas tu pelajar jawab secara *live* dan kalau ada ramai lagi pelajar dalam tu join, ikut serta, diorang memang seronok sebab err dia fun learning kan, belajar secara menyeronokkan. Dia macam main game kan...

(GPI3/393-396)

GPI3 menyatakan bahawa kuiz yang menggunakan warna-warni dan interaktif dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Dalam kuiz tersebut, pelajar hanya perlu menekan jawapan yang betul dan akan menerima pengesahan di akhir kuiz:

Kalau quizzes tu warna dia berwarna-warni dan lagi satu, dia interaktif kan, jadi pelajar tinggal tekan-tekan jawapan, lepas tu dia akan dapat pengukuhan tu juga dia kata macam di akhir tu kan dia bagi lapse, siapa pemenang, macam tu lah.

(GPI3/419-421)

GPI3 menceritakan pengalamannya menggunakan kuiz dalam pengajaran. Beliau menjelaskan bahawa menggunakan kuiz membolehkan pelajar menjawab secara langsung secara atas talian, dan apabila ada ramai pelajar yang menyertainya, pengalaman pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan seperti bermain permainan. Pelajar hanya perlu menekan jawapan yang betul dan akan menerima pengesahan di akhir kuiz. Ini menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menarik bagi pelajar.

d. Strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube boleh dikaitkan dengan pelbagai sub tema, iaitu pemilihan video yang tepat, penghasilan video yang

berkualiti, elemen interaktif, ganjaran, hubungan yang baik dengan pelajar dan penilaian.

Pemilihan video yang tepat

GPI1 menekankan pentingnya menggunakan video yang sesuai dengan tahap pemahaman dan keperluan pelajar. Beliau menyarankan agar guru memilih video yang tepat yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran pelajar. Dengan memilih video yang sesuai, guru dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan membantu pelajar memahami kandungan dengan lebih baik:

Kita kena menggunakan video yang tepat seperti yang diterangkan tadi dengan aras dan keperluan murid. Pilih video yang sesuai.

(GPI1/424-426)

GPI4 menekankan pentingnya pemilihan video atau konten yang sesuai dengan tajuk yang diajar. Beliau menyarankan agar guru memilih dengan teliti video atau konten yang relevan dengan topik pembelajaran yang sedang diajar. Dengan melakukan pemilihan yang tepat, guru dapat memastikan bahawa topik yang disampaikan dalam video dapat membantu pelajar memahami konsep yang diajar dengan lebih baik:

... yang pertama dengan pemilihan video ataupun konten yang sesuai dengan tajuk yang diajar

(GPI4/328-329)

GPI1 menekankan pentingnya pemilihan video yang sesuai dengan keperluan dan pemahaman pelajar. Guru disarankan untuk memilih video yang dapat meningkatkan pembelajaran pelajar. GPI4 pula menyoroti pentingnya memilih video atau konten yang relevan dengan topik pengajaran. Guru dicadangkan untuk memilih dengan hati-hati untuk memastikan kesesuaian dalam memahami konsep yang diajarkan.

Penghasilan video yang berkualiti

GPI1 menekankan pentingnya menghasilkan video pembelajaran yang berkualiti, kreatif, dan menarik untuk menarik perhatian pelajar. Beliau menyarankan agar video yang dihasilkan ringkas, padat, dan mempunyai kualiti yang baik untuk memastikan pelajar terlibat dalam proses pembelajaran. Selain itu, penyampaian dan kandungan video juga perlu menarik perhatian pelajar supaya mereka berminat untuk belajar:

Kalau kita menghasilkan video, hasilkan video dengan berkualiti yang kreatif yang menarik, ringkas, padat. Yang boleh menarik perhatian murid sama pada slide kita itu menarik ataupun penyampaian kita itu yang menarik. Katakan slide kita terlalu ringkas ke itu kurang menarik perhatian. Hanya screenshots buku teks sahaja ke, jadi perlukan usaha lebih sedikit jadi hasilnya Insya Allah apa-apa yang kita buat sebenarnya untuk murid tertarik dan hendak belajar.

(GPI1/426-432)

Oleh itu, guru perlu memberikan usaha yang lebih dalam menghasilkan video yang efektif untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran.

Elemen interaktif

GPI1 menekankan pentingnya guru-guru membuat suasana kelas secara langsung yang ceria dan menyeronokkan untuk pelajar. Beliau mencadangkan agar guru-guru mencipta kehairahan dan keceriaan dalam kelas *live* dengan mengadakan aktiviti yang bersemangat dan menghiburkan. Salah satu cara yang dicadangkan ialah dengan mengadakan kuiz-kuiz interaktif yang melibatkan pelajar secara langsung. Guru boleh mengajukan soalan kepada pelajar dan memberi mereka pautan untuk menyertai kuiz tersebut melalui ruang chat:

Dan kelas-kelas secara *live* nak bagi murid happy dan ceria, cikgu-cikgu ini kena buat sesuatu bagi bersemangat, bagi enjoy. Kadang kadang dia masukkan kuiz-kuiz interaktif ye. apa soal jawab?” “okey sekarang diberikan bagi link untuk kuiz di chat itu, sebutkan, masuk-masuk, berebut rebut budak masuk nak menjawab.

(GPI1/432-436)

Dengan cara ini, pelajar dapat terlibat secara aktif dalam pembelajaran, mencipta suasana yang ceria, dinamik dan menyeronokkan.

Ganjaran

GPI1 mencadangkan pemberian insentif sebagai satu cara untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian. Bagi beliau, hadiah-hadiah kecil boleh diberikan secara dalam talian, seperti hadiah dari syarikat-syarikat dalam talian atau pemberian wang tunai sebagai ganjaran untuk pencapaian tertentu. Ini dapat menjadi stimulus yang efektif untuk mendorong pelajar agar lebih bersemangat dan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian:

Kita pula sebagai insentif bagi la hadiah. Hadiah walaupun secara online kita boleh bagi hadiah secara online juga. contohnya hadiah daripada syarikat-syarikat yang menjual online ataupun kita bagi duit 5 ringgit ke untuk satu soalan itu pun sangat menarik sebenarnya.

(GPI1/436-439)

GPI2 mencadangkan pemberian markah sebagai insentif bagi pelajar yang berjaya menyiapkan tugas. Menurutnya, memberikan markah tertentu sebagai ganjaran atas usaha dan kesungguhan pelajar dalam menyiapkan tugas dapat menjadi penggalak yang berkesan:

Jadi kan murid berjaya menyiapkan tugas boleh diberikan markah tertentu, sebagai perangsang atas kesungguhan mereka.

(GPI2/326-327)

GPI1 mencadangkan pemberian insentif dalam bentuk hadiah kecil secara dalam talian untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Sementara GPI2 mencadangkan pemberian markah sebagai ganjaran kepada pelajar yang menyiapkan tugas dengan cemerlang, yang dianggap sebagai langkah yang efektif untuk merangsang semangat dan prestasi pelajar.

Hubungan yang baik dengan pelajar

GPI2 menekankan pentingnya hubungan yang baik antara guru dan murid dalam proses pembelajaran, terutama dalam konteks pembelajaran dalam talian. Beliau menyatakan bahawa untuk melahirkan kepercayaan dari murid, guru perlu membina hubungan yang baik dengan mereka:

Guru sewajarnya mempunyai hubungan yang baik bersama murid, jadi bagi melahirkan trust itu. Kadang pelajar ini tak percaya ke guru ini. Kita tak tunjuk dulu apa yang kita buat. Dia ingat guru Pendidikan Islam tak tau benda itu ini kan. Jadi kita kena ada hubungan yang baik. Lepas itu trust kepada kita dia percaya ‘ohh kalau ustazah ini mengajar’’. Dia percaya memang betul isi kandungan itu kan. Jadi apabila murid sudah ada ke percaya dan keyakinan kepada guru, sangat la memudahkan mereka untuk menarik pelajar ke kelas-kelas secara online di YouTube. Kalau takda hubungan antara murid itu, kita buat *live* kita kita jela ada beberapa budak yang ikut kan.

(GPI2/699-707)

Ini penting kerana kadang-kadang pelajar mungkin tidak percaya akan kemampuan guru mereka, dan mereka perlu diberi keyakinan untuk mempercayai isi kandungan yang diajar. Dengan hubungan yang kukuh dan kepercayaan yang wujud, pelajar akan lebih mudah untuk terlibat dalam kelas-kelas dalam talian di platform YouTube. Jika tidak terdapat hubungan yang baik antara guru dan murid, hanya beberapa pelajar sahaja yang akan mengikuti kelas secara langsung. Oleh itu, penting bagi guru untuk memastikan terjalinnya hubungan yang positif dengan murid agar pembelajaran dalam talian dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Penilaian

GPI3 menekankan pentingnya memberikan latihan pemahaman selepas penggunaan video dalam proses pembelajaran. Beliau menyatakan bahawa setelah pelajar menonton video, penting untuk memberi mereka latihan pemahaman untuk memastikan kesan pembelajaran yang berkesan. Ini termasuk memberi peluang kepada pelajar untuk memberikan maklum balas tentang bagaimana mereka

menjawab latihan yang berdasarkan video yang diberikan. Dengan cara ini, guru dapat menilai tahap pemahaman pelajar dan memberi bimbingan yang sesuai untuk memperbaiki kefahaman mereka. Maklum balas yang diberikan akan membantu guru memastikan keberkesanan penggunaan YouTube dalam pembelajaran mereka:

Maknanya selepas kita bagi dia suruh tengok video, kita kena bagi juga latihan pemahaman untuk kita memastikan keberkesanan kepada kita penggunaan YouTube dalam pembelajaran mereka tu tadi. Maknanya kena ada, apa namanya ni, haa kena ada feedback dari segi macam mana dia buat, dia boleh jawab ke tidak ke latihan yang berdasarkan video yang kita bagi tu?.

(GPI3/459-463)

GPI4 menekankan pentingnya membuat latihan pembelajaran yang berkaitan dengan tayangan video itu sendiri. Ini bermakna selepas menonton video, guru perlu menyusun latihan-latihan yang berhubungan dengan kandungan video tersebut. Dengan cara ini, pelajar dapat menguji pemahaman mereka terhadap isi kandungan yang disampaikan dalam video dan mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh. Pembuatan latihan berdasarkan tayangan video dapat membantu memperkuat dan mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap topik yang dipelajari:

... dan yang kedua ialah dengan membuat latihan berdasarkan kepada tayangan video itu sendiri ...

(GPI4/329-330)

GPI3 menekankan pentingnya memberikan latihan pemahaman selepas penggunaan video dalam proses pembelajaran. Ini membolehkan guru menilai pemahaman pelajar dan memberi bimbingan yang sesuai. GPI4 pula menekankan penyusunan latihan pembelajaran berdasarkan tayangan video untuk menguji dan mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap isi kandungan yang disampaikan.

4.5 CABARAN YANG DIHADAPI OLEH GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH DALAM MELAKSANAKAN APLIKASI YOUTUBE DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Persoalan Kajian 3: Bagaimanakah cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam?

Bahagian ini menunjukkan dapatan berdasarkan persoalan kajian yang berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam. Dapatan dibahagikan kepada tema dengan beberapa sub tema. Jadual di bawah menunjukkan tema dan sub tema yang telah dikategorikan.

Jadual 4.4 Tema dan sub tema

Tema	Sub Tema
Kekangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran yang terhad • Minat guru terhadap teknologi • Kurangnya sokongan dari pentadbir • Fasiliti pembelajaran yang terhad • Fokus murid dalam pembelajaran
Langkah penambahbaikan	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan YouTube yang lebih meluas • Penyediaan pelbagai kursus dan latihan • Sokongan pelbagai pihak • Penghargaan bagi guru yang cemerlang dalam YouTube

Pengkaji menjalankan temu bual dengan guru-guru untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam. Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk lah kekangan dan langkah penambahbaikan. Dapatan akan dianalisis berkaitan dengan dua tema tersebut.

a. Kekangan

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek kekangan boleh dikaitkan dengan pelbagai sub tema, termasuk kemahiran yang terhad,

minat guru terhadap teknologi, kurangnya sokongan dari pentadbir, fasiliti pembelajaran yang terhad dan fokus murid dalam pembelajaran.

Kemahiran yang terhad

GPI1 menggariskan bahawa salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru adalah kekurangan kemahiran dalam bidang IT dan teknologi. Beliau menyatakan bahawa tidak semua guru memiliki kemahiran tersebut, dan sesetengah mungkin merasa sukar untuk mempelajari perkara baru seperti penggunaan teknologi dalam pengajaran:

Saya rasa yang pertama sekali cabaran yang paling besar bagi guru-guru kita iaitu kemahiran. Kemahiran dalam bidang IT dan juga teknologi. sebabnya tak semua orang ada kemahiran tersebut. Kadang-kadang mereka merasakan ini macam tak kuasa la nak belajar benda baru.

(GPI1/450-453)

Ini menunjukkan bahawa pentingnya penyediaan latihan dan sokongan untuk membantu guru meningkatkan kemahiran IT mereka bagi mengatasi cabaran ini.

Minat guru terhadap teknologi

GPI1 menyatakan bahawa kekurangan kemahuan merupakan cabaran yang lebih sukar diatasi berbanding kekurangan kemahiran dalam bidang IT dan teknologi. Bagi beliau, jika seseorang pemohon masih mempunyai kemahuan untuk mempelajari dan menguasai kemahiran IT, cabaran tersebut dapat diatasi. Namun, jika seseorang sudah kehilangan kemahuan atau semangat untuk belajar, maka akan menjadi lebih sukar untuk mengatasinya. Beberapa individu mungkin telah menganggap bahawa mempelajari teknologi adalah sesuatu yang sukar atau tidak perlu dilakukan:

Kalau pemohon ada kemahiran boleh diatasi. Tapi kalau kemahuan dah tak ada, itu payah. Sebabnya ada yang sudah menganggap macam “susahlah perkara ini,tak payah la.

(GPI1/459-461)

GPI2 menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi oleh banyak guru Pendidikan Islam adalah kurangnya minat terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi sesetengah guru, mereka lebih selesa dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara tradisional dan mungkin menganggapnya lebih berkesan. Walaupun pendekatan tradisional ini boleh memberi hasil yang baik, sebagai guru Pendidikan Islam, mereka perlu meluaskan wawasan mereka dan mengikuti perkembangan zaman dengan menggunakan teknologi dalam proses pengajaran. Namun, kesedaran akan kepentingan ini masih belum meluas di kalangan guru-guru Pendidikan Islam:

Kemudian antara cabaran lain lagi, ramai kalangan guru Pendidikan Islam sendiri, guru sendiri tidak berminat. Bila tiada minat ini, dia susah sikit la menggunakan medium atas talian. Ada yang masih selesa dengan pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Dia bagus sebenarnya. Bukan saya kata tak bagus, kadang-kadang dia bagus lebih baik dari atas talian. Tapi sebagai guru Pendidikan Islam dia kena meluaskan lagi la mengikuti peredaran zaman. Kesedaran itu belum meluas lagi di kalangan guru guru Pendidikan Islam.

(GPI2/744-750)

GPI3 menyatakan bahawa faktor-faktor dalaman juga boleh menjadi penyebab cabaran dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuklah kebiasaan rakan sekerja yang lebih cenderung kepada cara lama dalam pengajaran. Wujudnya perbezaan pendekatan ini mungkin menimbulkan ketegangan di kalangan rakan sekerja, di mana mereka yang mengamalkan cara lama mungkin enggan untuk menerima atau mengaplikasikan pendekatan yang lebih moden dan canggih. Situasi ini boleh menyebabkan rintangan dalam usaha untuk memperkenalkan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran:

Kadang-kadang faktor dia ni juga adalah penyebab dari dalam kalangan rakan sekerja juga. Sebab rakan sekerja ni kadang dia sudah terbiasa dengan cara lama dan kita pula mahu cara yang advance, jadi dia ada berlawanan di situ.

(GPI3/567-569)

Guru-guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran dalam menerima penggunaan teknologi dalam pengajaran. Beberapa dari mereka lebih cenderung kepada cara pengajaran tradisional dan tidak melihat perlunya menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran. Selain itu, adanya perbezaan pendekatan antara rakan sekerja yang lebih suka cara pengajaran lama juga menjadi satu cabaran. Bagi mengatasi cabaran ini, perlu ada usaha untuk meningkatkan kesedaran dan minat guru-guru terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kurangnya sokongan dari pentadbir

GPI1 menyatakan bahawa galakan dari pihak pentadbiran sangat penting dalam menyokong penggunaan teknologi dalam pengajaran. Tanpa sokongan dan galakan dari pihak pentadbiran, guru-guru mungkin menghadapi kesukaran atau rintangan untuk mengintegrasikan teknologi dalam proses pembelajaran:

Galakan daripada pentadbiran. Kalau pentadbir tak galakan susah juga ataupun menyekat pulak ke apa kan, payah juga.

(GPI1/465-466)

GPI2 menyatakan kebimbangan tentang persepsi beberapa pentadbir sekolah terhadap penggunaan teknologi oleh guru Pendidikan Islam. Beliau menganggap bahawa sesetengah pentadbir mungkin tidak melihat keperluan untuk menyediakan bilik khas atau sumber-sumber berorientasikan teknologi kepada guru-guru Pendidikan Islam. Ini mungkin disebabkan oleh pandangan bahawa subjek agama tidak memerlukan sokongan teknologi, atau bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran agama tidak sebernilai seperti subjek-subjek lain:

Jadi ada juga bukan sahaja sekolah saya, sekolah lain pun sama saya rasa ada di kalangan pentadbir dia menganggap tiada keperluan untuk guru Pendidikan Islam menggunakan bilik-bilik khas. Dia anggap tiada keperluan untuk guru-guru Pendidikan Islam menggunakan bahan-bahan berorientasikan teknologi maklumat 'ala guru Pendidikan Islam sahaja'. Seolah olah bila kita bercakap

budak celik mata nak tengok. Maklum lah ustazah atau pun ustaz. Jadi persepsi macam itu.

(GPI2/767-773)

GPI4 mencerminkan ketidakseriusan beberapa pentadbir terhadap penggunaan YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Ada yang menganggap penggunaan YouTube bukanlah satu keperluan yang penting. Selain itu, terdapat juga persaingan dalam penggunaan bilik khas seperti makmal komputer atau bilik ICT, di mana guru-guru mata pelajaran lain dianggap lebih memerlukan fasiliti tersebut:

Sebenarnya terdapatlah dalam kalangan pentadbir yang tidak memandang serius tentang penggunaan YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ini. Malah ada yang menganggap ia bukan suatu keperluan. Lagipun terdapat persaingan juga lah untuk GPI untuk menggunakan bilik-bilik khas seperti makmal komputer ataupun bilik ICT ini atau dengan kata lain ianya banyak didominasi oleh guru mata pelajaran lain yang dirasakan lebih perlu untuk menggunakannya.

(GPI4/360--365)

Kekurangan sokongan dan persepsi yang kurang positif ini menunjukkan perlunya kesedaran tentang kepentingan teknologi dalam pengajaran agama dan perlunya sokongan yang lebih besar dari pihak pentadbiran sekolah untuk menyokong penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Fasiliti pembelajaran yang terhad

GPI1 menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi adalah masalah infrastruktur atau prasarana di sekolah. Sebagai contoh, dalam keadaan di mana sekolah tidak mempunyai infrastruktur yang mencukupi seperti projektor LCD untuk menyiarkan video, guru perlu membawa peralatan sendiri seperti projektor LCD mudah alih:

Lepas itu kalau ada masalah juga sebab infra ataupun prasarana. Contoh kat sekolah kurang takda pendedahan, takda LCD nak pancarkan video sebab itu bawa sendiri portable LCD. Jadi itu pun masalah juga.

(GPI1/467-469)

GPI2 menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi adalah kekurangan infrastruktur di sekolah yang menyebabkan guru Pendidikan Islam kesulitan menggunakan pelbagai aplikasi dalam pengajaran atas talian. Ini disebabkan oleh kehadiran kemudahan sekolah yang terhad. Walaupun terdapat bilik khas yang dilengkapi dengan projektor LCD, laptop, dan sistem PA, namun kuantitinya terhad. Keadaan ini mencipta persaingan antara guru-guru pelbagai mata pelajaran untuk menggunakan kemudahan yang terdapat:

Okey kemudian cabaran yang keempat adalah kekurangan infrastruktur di sekolah yang tidak memungkinkan guru Pendidikan Islam menggunakan pelbagai aplikasi atas talian. Jadi apa dia kekangan-kekangan itu? Kemudahan sekolah. Contohnya memang ada tapi kuantiti terhad. Ada bilik bilik khas yang ada projector LCD, ada laptop dan PA sistem, mungkin ada tapi terhad. Bukan guru Pendidikan Islam saja nak guna, cikgu-cikgu lain pun nak guna juga. Maksudnya bersaing dengan mata pelajaran lain juga la.

(GPI2/750-756)

GPI3 menyentuh isu kekurangan infrastruktur di sekolah, khususnya dalam hal fasiliti seperti makmal komputer yang sering kali terhad. Masalah ini memberi kesan kepada kemampuan guru-guru untuk melaksanakan pengajaran yang mengandalkan teknologi. Dengan kekurangan fasiliti yang mencukupi, guru-guru mungkin menghadapi kesukaran untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang interaktif dan bervariasi kepada pelajar:

Biasanya kalau di sekolahkan ada agak kekurangan sedikit. Kalau makmal komputer kadang terhad dan sebagainya lah. Masalah di situ lah.

(GPI3/450-452)

GPI3 membawa isu tentang kekurangan peralatan komputer di sekolah, terutama di makmal komputer. Beliau menyatakan bahawa kekurangan ini boleh menjadi masalah, terutamanya kerana subjek seperti sains komputer memerlukan akses kepada peralatan komputer setiap hari. Kehadiran sains komputer dalam jadual harian sekolah mungkin menyebabkan makmal komputer menjadi keutamaan bagi subjek tersebut, dengan hasilnya subjek lain mungkin terpaksa bersaing untuk mendapatkan akses yang sama:

Haah. Penyediaan peralatan komputer tu agak terhad lah sebab di sekolah kan ada pelajaran sains komputer, sains komputer tu kena setiap harinya juga berada di makmal tu kan. Susah juga kita mau berebut dengan yang menggunakan apa tu, makmal. Sebab diorang lebih priority daripada subjek lain kan?

(GPI3/541-544)

GPI4 menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam adalah kekurangan infrastruktur di sekolah yang menyebabkan mereka sukar untuk menggunakan pelbagai aplikasi dalam pengajaran. Walaupun kemudahan infrastruktur seperti bilik-bilik khas dengan kelengkapan seperti projector LCD, laptop, dan sistem PA ada, namun kuantitinya agak terhad:

Satu lagi cabaran yang kita juga hadapi adalah kekurangan infrastruktur di sekolah yang tidak memungkinkan lah untuk GPI menggunakan pelbagai aplikasi atas talian ini. Kemudahan di sekolah memang ada, tapi kuantitinya agak terhad sedikit. Seperti bilik-bilik khas yang ada kelengkapan projector LCD contohnya ataupun dengan laptop, dengan PA system, jadi semua ini juga merupakan cabaran lah kepada GPI itu sendiri. Jika ada sekali pun kadang-kadang GPI perlu bersaing dengan guru mata pelajaran lain untuk menggunakannya.

(GPI4/349-354)

GPI1, GPI2, dan GPI3 semua menggariskan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam berkaitan dengan infrastruktur dan prasarana di sekolah.

Kekurangan kemudahan seperti projektor LCD, bilik khas dengan peralatan teknologi, dan makmal komputer menyulitkan guru dalam pengajaran. Guru mungkin perlu membawa peralatan sendiri atau bersaing dengan guru lain untuk mendapatkan akses kepada kemudahan yang terhad. Ini menunjukkan perlunya pentadbiran sekolah memastikan pengagihan sumber dan infrastruktur yang saksama untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Fokus murid dalam pembelajaran

GPI1 menyatakan cabaran di mana beberapa pelajar mungkin kehilangan minat untuk belajar dalam talian atau melalui video pembelajaran. Ini boleh disebabkan oleh faktor-faktor seperti gangguan atau kekurangan minat terhadap topik yang disampaikan. Ketika pelajar kehilangan minat, mereka mungkin cenderung untuk melakukan aktiviti lain yang kurang berkaitan dengan pembelajaran:

Kadang murid pun kadang kadang kurang minat belajar dalam talian ataupun secara kita paparkan video, nanti dia buat kerja lain.

(GPI1/469-471)

GPI2 menggariskan cabaran di mana dalam menyediakan sumber-sumber pembelajaran dalam talian, terdapat risiko bahawa pelajar mungkin teralih perhatian dengan pautan-pautan yang tidak berkaitan dengan pembelajaran. Walaupun menyediakan pelbagai pautan mungkin dapat menarik minat pelajar, namun pautan-pautan yang tidak berkaitan mungkin menyebabkan pelajar terganggu daripada fokus kepada objektif pembelajaran:

Cuma salah satu cabaran di sini, kita boleh bagi satu link kemudian banyak lagi link link dibawah yang akan menarik perhatian mereka la. Kadang ada yang tiada kaitan dengan pembelajaran.

(GPI2/280-282)

GPI2 menyoroti satu cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran dalam talian, iaitu persaingan dengan kandungan-kandungan yang berbentuk hiburan. Beliau

mencatat bahawa pelajar cenderung lebih tertarik dengan hiburan daripada proses pembelajaran:

Yang pertama persaingan dengan content-content yang berteraskan hiburan, pelajar memang suka sangat hiburan. Daripada tengok kita mengajar, akan terlintas juga benda benda lain di sebelah itu. Jadi nak dia istiqamah dengan kelas kita itu salah satu cabaran juga la.

(GPI2/736-740)

GPI4 menekankan cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran dalam talian, iaitu persaingan dengan konten-konten yang bersifat hiburan semata-mata. Beliau menyatakan bahawa pelajar cenderung lebih tertarik kepada konten-konten hiburan daripada menghadiri kelas dalam talian. Ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk menghadiri kelas-kelas secara dalam talian:

... contohnya persaingan dengan konten-konten yang berteraskan kepada hiburan semata-mata. Kemudian pelajar juga kurang minat untuk menghadiri kelas-kelas secara atas talian ini.

(GPI4/337-339)

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pelajar mungkin kehilangan minat dalam pembelajaran dalam talian disebabkan oleh faktor-faktor seperti gangguan, kekurangan minat, atau persaingan dengan kandungan hiburan.

b. Langkah penambahbaikan

Selepas analisis yang terperinci dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa aspek langkah penambahbaikan boleh dikaitkan dengan pelbagai sub tema, termasuk penggunaan YouTube yang lebih meluas, penyediaan pelbagai kursus dan latihan, sokongan pelbagai pihak penghargaan bagi guru yang cemerlang dalam YouTube.

Penggunaan YouTube yang lebih meluas

GPII menyokong secara tegas teruskan penggunaan pembelajaran melalui YouTube, dengan menyatakan banyak faedah yang ada. Beliau menyatakan bahawa dalam era pendidikan digital negara, pembelajaran melalui YouTube perlu diperkasakan lagi. Ini tidak hanya relevan pada peringkat pendidikan sekarang, tetapi juga pada peringkat yang lebih tinggi:

Tapi sebenarnya saya amat menyokong pembelajaran dalam YouTube diteruskan dan jangan berhenti. Sebab apa banyak faedahnya sebabnya kita sekarang ke arah pendidikan digital negara. Jadi ianya perlu diperkasakan lagi. Malahan bukan sahaja diperingkat kita sekarang ini, peringkat ke lebih tinggi kita pun kena gunakan juga. Kemudian bukan sahaja subjek Pendidikan Islam tapi semua subjek pun sama sebab ia memudahkan guru-guru murid. Lepas itu impak dia besar sebenarnya. Dalam untuk meningkatkan keputusan peperiksaan. Sebab murid sekarang sukakan yang visual dengan video-video berbanding dengan chalk and talk dengan kertas.

(GPII/517-525)

Pembelajaran melalui YouTube memberi kemudahan kepada guru dan pelajar dalam semua subjek, tidak hanya subjek Pendidikan Islam. Selain itu, penggunaan video dan visual dalam pembelajaran juga memberi impak besar dalam meningkatkan keputusan peperiksaan, kerana pelajar cenderung lebih suka dengan pembelajaran yang visual berbanding dengan pembelajaran yang berfokuskan kepada bahan bacaan dan tulisan semata-mata.

Penyediaan pelbagai kursus dan latihan

GPII mencadangkan agar guru-guru Pendidikan Islam diberi lebih banyak pendedahan dan latihan dalam menggunakan pelbagai aplikasi. Beliau percaya bahawa dengan peningkatan kemahiran dalam aplikasi-aplikasi tersebut, guru-guru dapat lebih mahir dalam menyampaikan pengajaran secara digital:

Kemudian guru guru Pendidikan Islam juga harus diberikan pendedahan banyakkkan lagi kursus latihan. Supaya banyak lagi aplikasi yang mereka boleh mahir. Mulakan dengan yang mudah dahulu.

(GPII/525-527)

Cadangan ini disertai dengan saranan untuk memulakan dengan aplikasi yang lebih mudah terlebih dahulu sebelum mengembangkan kepada yang lebih kompleks. Ini bertujuan untuk memberi ruang kepada guru-guru untuk mengenal pasti keperluan dan kemahiran yang diperlukan sebelum melangkah ke peringkat yang lebih tinggi dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran.

Sokongan pelbagai pihak

GPII menekankan peranan penting pihak pentadbiran dalam menyokong penggunaan teknologi dalam pengajaran. Beliau menyatakan bahawa tanpa sokongan dan arahan yang betul dari pihak pentadbiran, usaha untuk melaksanakan pengajaran digital akan menghadapi rintangan. Pihak pentadbiran perlu memberikan peranan yang jelas dan memberi sokongan kepada guru-guru untuk mengembangkan minat dan bakat mereka dalam menggunakan teknologi. GPII juga mengaitkan usaha kerajaan dalam menyediakan laptop kepada sekolah sebagai satu contoh sokongan yang diberikan kepada guru-guru. Selain itu, beliau juga merangka cadangan yang praktikal seperti membeli peralatan seperti LCD dan projektor dengan harga yang lebih murah untuk menyokong pengajaran secara digital:

Kemudian pihak pentadbir mainkan peranan juga. Kalau pentadbir tak beri kan peranan ataupun menyekat minat dan bakat guru pun susah juga. Kita hanya ada sebab sekarang pun sekolah ada terima laptop daripada kerajaan kementerian bagi kita guna. Sebab tak semua orang boleh ada laptop sendiri. Kemudian macam keperluan lain la, macam LCD, projector boleh beli yang murah-murah, bagi la juga talian internet mungkin PIBG boleh dapatkan talian perkhidmatan internet yang lebih baik ...

(GPII/528-534)

GPI2 menekankan kepentingan sokongan dan kerjasama antara guru-guru Pendidikan Islam. Beliau menyatakan bahawa sokongan sesama guru sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya, tidak cukup hanya seorang guru yang berusaha tetapi kerjasama antara guru-guru dalam berkongsi sumber dan bahan pengajaran adalah kunci kejayaan. GPI2 juga menggalakkan penggunaan bahan-bahan yang telah dihasilkan oleh guru-guru atau YouTuber guru Pendidikan Islam, menunjukkan pentingnya memanfaatkan sumber-sumber yang sedia ada untuk memperkaya pengalaman pembelajaran:

Jadi guru-guru Pendidikan Islam perlu saling menyokong antara satu sama lain. Sokongan itu penting. Bukan sorang tu je yang buat. Kalau kita buat bahan, orang lain tolong guna pun takpa dah. Sekurangnya menggunakan bahan yang telah dihasilkan oleh guru atau pun YouTuber guru Pendidikan Islam semaksimum yang mungkin.

(GPI2/820-824)

Perkara ini dibuktikan lagi dengan pernyataan GPI4, mencerminkan ketidakseriusan beberapa pentadbir terhadap penggunaan YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Ada yang menganggap penggunaan YouTube bukanlah satu keperluan yang penting. Selain itu, terdapat juga persaingan dalam penggunaan bilik khas seperti makmal komputer atau bilik ICT, di mana guru-guru mata pelajaran lain dianggap lebih memerlukan fasiliti tersebut:

Sebenarnya terdapat lah dalam kalangan pentadbir yang tidak memandang serius tentang penggunaan YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ini. Malah ada yang menganggap ia bukan suatu keperluan. Lagipun terdapat persaingan juga lah untuk GPI untuk menggunakan bilik-bilik khas seperti makmal komputer ataupun bilik ICT ini atau dengan kata lain ianya banyak didominasi oleh guru mata pelajaran lain yang dirasakan lebih perlu untuk menggunakannya.

(GPI4/360-365)

GPI1 menekankan peranan penting pentadbiran dalam menyokong penggunaan teknologi dalam pengajaran, sambil mencadangkan langkah praktikal seperti pembelian peralatan dengan harga lebih murah. GPI2 menyoroti kepentingan sokongan dan kerjasama antara guru-guru Pendidikan Islam, serta menggalakkan penggunaan sumber-sumber yang sedia ada untuk memperkaya pembelajaran.

Penghargaan bagi guru yang cemerlang dalam YouTube

GPI1 menekankan pentingnya motivasi dalam menggalakkan penggunaan teknologi dalam pendidikan. Beliau menyatakan bahawa contoh seperti menerima sijil penghargaan sebagai YouTuber Pendidikan boleh menjadi sumber motivasi untuk guru-guru dalam menghasilkan dan menggunakan bahan-bahan pembelajaran digital:

... dan juga motivasi contoh ada dapat sijil. Macam saya dulu ada dapat sijil Anugerah YouTuber Pendidikan untuk peringkat sekolah. Memang YouTuber diperlukan dalam pendidikan la.

(GPI1/534-536)

Ini menunjukkan pengiktirafan terhadap usaha mereka dalam memperkaya pengalaman pembelajaran melalui platform digital seperti YouTube.

4.6 KESIMPULAN

Berdasarkan data temu bual dan analisis dokumen yang dilaksanakan dalam kajian ini, bab ini menggambarkan hasil analisis yang mengungkapkan beberapa aspek penting berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, dan cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam. Analisis ini memberikan gambaran holistik mengenai pelaksanaan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran, dengan menekankan peranan guru dalam memahami, menggunakan, dan menghadapi cabaran dalam melaksanakan teknologi ini dalam proses pengajaran.

Hasil analisis menunjukkan bahawa pengetahuan Guru Pendidikan Islam berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam mencakupi

pelbagai tema, termasuk kepentingan YouTube dalam pembelajaran, kesesuaian YouTube dalam pengajaran, impak YouTube terhadap pelajar, sumber pengetahuan, sumber maklumat, pemilihan bahan yang bersesuaian, dan pengetahuan sampingan. Dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan yang diperlukan oleh guru untuk mengintegrasikan YouTube secara efektif dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Selain itu, kemahiran Guru Pendidikan Islam dalam menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam menonjolkan pelbagai aspek, termasuk kemahiran yang diperlukan oleh guru, jenis video yang sering digunakan, integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran, dan strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan YouTube. Analisis ini menunjukkan bahawa pentingnya kemahiran teknikal dan pedagogi guru dalam memanfaatkan potensi YouTube sebagai alat pembelajaran.

Namun begitu, dapatan juga menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam. Cabaran ini termasuklah kekurangan sumber daya dan cadangan untuk penambahbaikan. Analisis ini memberikan wawasan tentang halangan praktikal dan organisasi yang perlu diatasi oleh guru dalam mengintegrasikan YouTube dalam pengajaran mereka.

Secara keseluruhan, hasil analisis menyoroti peranan penting YouTube dalam meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Dengan pemahaman yang mendalam tentang pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, serta kesedaran terhadap cabaran yang dihadapi, guru dapat memanfaatkan YouTube dengan lebih efektif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

BAB V

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini menghuraikan mengenai dapatan kajian yang dibincangkan dengan kajian-kajian lepas. Ini adalah salah satu perkara penting yang dimuatkan dalam bab ini. Dalam bab ini pula pengkaji akan mengupas tentang implikasi dan sumbangan kajian yang memberi manfaat kepada pelbagai pihak terlibat. Cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan kajian ini disajikan secara jelas, dengan matlamat menjadikan kajian-kajian seterusnya lebih lengkap dan mampu memberikan jawapan yang lebih tepat kepada soalan-soalan kajian. Terakhir sekali dapatan kajian ini diringkaskan dalam kesimpulan.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhannya bertujuan untuk meneroka aspek pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. Objektif kajian ini ialah (1) meneroka pengetahuan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah; (2) meneroka kemahiran aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah; dan (3) mengenal pasti cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif yang digunakan pengkaji berbentuk kajian kes. Oleh itu, fokus kajian ini adalah dalam bidang pendidikan sekolah menengah yang melibatkan Guru Pendidikan Islam yang telah bergelar sebagai YouTuber pendidikan. Pengkaji melibatkan 4 orang guru yang dipilih menggunakan pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*). Jenis

pensampelan yang dipilih adalah sesuai, kerana menurut Silverman (2016) bahawa pengambilan sampel dalam kajian kualitatif perlu dipertimbangkan dengan teliti dan harus sesuai dengan jenis kajian dan tujuan kajian. Data kajian dikumpulkan menggunakan protokol temu bual dan analisis dokumen. Kemudian pada proses pengumpulan dan penganalisan data, pengkaji menggunakan teknik triangulasi, ini dilakukan untuk menjejaki percanggahan antara data yang diperoleh daripada informan dengan informan lainnya. Format temu bual semi berstruktur telah digunakan pengkaji untuk membantu pengkaji bertanya peserta soalan yang tidak distruktur awal kerana soalan ini muncul berdasarkan respon spontan daripada peserta. Seterusnya kajian dianalisis secara tematik untuk mendapatkan hasil kajian yang relevan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa (i) pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk kepentingan YouTube dalam pembelajaran, kesesuaian YouTube dalam pengajaran, impak YouTube terhadap pelajar, sumber pengetahuan, sumber maklumat, pemilihan bahan yang bersesuaian dan pengetahuan sampingan; (ii) kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk kemahiran yang diperlukan guru, jenis video yang sering digunakan, integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran dan strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube; dan (iii) cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk cabaran dan cadangan penambahbaikan.

Dapatan hasil kajian selanjutnya, berdasarkan analisis dokumen yang telah dijalankan, video 1 menonjolkan elemen-elemen interaktif, visual yang menarik, dan praktikal. Manakala analisis video 2 menekankan elemen interaktiviti, visual yang menarik, dan praktikal. Video 3 menumpukan kepada elemen media yang interaktif dan visual yang menarik. Terakhir sekali analisis terhadap video 4 menonjolkan elemen membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Selain itu, berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap RPH didapati GPII menggunakan strategi penilaian sebagai

fokus utama dalam rancangan pengajarannya. Begitu juga, analisis RPH didapati GPI2 menggabungkan strategi set induksi dan penilaian dalam rancangan pengajarannya. Seterusnya, analisis yang dijalankan terhadap RPH didapati GPI3 menggunakan strategi set induksi dan penilaian dalam rancangan pengajarannya. Terakhir sekali analisis yang dijalankan terhadap RPH GPI4 menunjukkan penggunaan dua strategi utama, iaitu set induksi dan penilaian, dalam merancang pengajaran dan pembelajaran.

Manakala, dapatan triangulasi data temu bual dengan data analisis dokumen yang bertujuan untuk menjawab persoalan kajian dua dan tiga, iaitu berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran. Terdapat beberapa kesesuaian antara dapatan dari temu bual dengan elemen-elemen yang ditekankan dalam video dan RPH, iaitu media yang interaktif, media visual yang menarik, praktikal, kualiti video, kreativiti guru dan kemahiran komunikasi, penilaian, set induksi, mengikut sukatan DSKP.

5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan kajian ini adalah mengikut objektif kajian, iaitu (1) meneroka pengetahuan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah, (2) meneroka kemahiran aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah, dan (3) mengenal pasti cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah menengah secara terperinci adalah seperti berikut.

5.3.1 Pengetahuan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube

Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk kepentingan YouTube dalam pembelajaran iaitu sebagai media interaktif yang boleh membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Selari dengan dapatan kajian Marzuki et al. (2023) dan Suheri et al. (2023) bahawa

video YouTube dalam Pendidikan Islam sebagai media interaktif boleh meningkatkan kefahaman dan penglibatan pelajar secara lebih ketara.

Selepas analisis dijalankan, dapatan kajian berkaitan dengan pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran adalah aspek kesesuaian YouTube dalam pengajaran, iaitu boleh dikaitkan dengan pelbagai sub-tema, termasuk media visual yang menarik dan praktikal. Dapatan ini disokong oleh Salehudin et al. (2024) bahawa majoriti pengguna telah memilih aplikasi YouTube dalam penerimaan dakwah Islam. Ini kerana, YouTube mempunyai kemudahan mencari maklumat berkaitan agama malah mempunyai elemen visual dan audio yang menarik. Selaras dengan dapatan oleh Intan dan Haryati (2020), YouTube merupakan aplikasi media sosial yang paling ramai digunakan sebagai platform pembelajaran dan pemahaman tentang agama kerana aplikasi tersebut menggabungkan elemen audio dan visual yang menarik serta pantas dan mudah untuk diakses. Pandangan Muhammad Nor Azery et al. (2023) juga mengaitkan kredibiliti YouTube sebagai medium pembelajaran Islam. Secara keseluruhannya, data menunjukkan netizen Muslim banyak menggunakan aplikasi YouTube dalam mengakses kandungan dakwah di media sosial sebagai bahan pembelajaran. Menurut Noradilah et al. (2019), penggunaan media sosial dalam menerima dan mendapatkan maklumat menjadi satu keperluan terutama dalam mengakses kandungan atau materi pembelajaran Islam.

Selain itu, daripada analisis temu bual dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran adalah aspek impak YouTube terhadap pelajar iaitu, berkaitan dengan minat pelajar dalam menerima pembelajaran di kelas. Sependapat dengan pandangan Suharni (2021) bahawa apabila pelajar diberikan pembelajaran yang menarik maka akan menumbuhkan motivasi. Melalui motivasi yang diperolehi, pelajar akan lebih berminat untuk menonton, membaca, menulis, berbincang, berinteraksi serta mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam pengajaran dan juga pelatihan bahasa. Penggunaan video YouTube juga terbukti mampu mewujudkan suasana dan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik (Ishak & Khalid 2021; Ham et al. 2024). Ini kerana

aplikasi YouTube adalah media yang menarik, mencabar, merangsang dan memberi motivasi kepada pelajar (Sulaiman et al. 2024). Melalui video YouTube dapat melahirkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam diri pelajar kerana aplikasi YouTube adalah salah satu teknologi yang sedang berkembang seiring dengan dunia teknologi kini serta sering digunakan oleh pelajar. Kajian Fathuddin et al. (2023) turut membincangkan isu-isu pembelajaran pendidikan agama Islam era milenial, memfokuskan kepada guru, kaedah pengajaran, media pembelajaran, dan minat pelajar untuk belajar.

Seterusnya, dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran adalah berkaitan dengan sumber pengetahuan, iaitu akademi YouTuber, kursus dan latihan, perkongsian rakan sekerja. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Damayanti dan Juliawati (2024) bahawa responden ramai menyatakan bahawa YouTube sebagai media maklumat serta dapat digunakan untuk menambah pengetahuan, kerana YouTube sebagai salah satu sumber pengetahuan generasi masa kini. Prayogi dan Ritonga (2024) turut menunjukkan bahawa YouTube sebagai bentuk media massa baharu dalam pembangunan teknologi yang semakin canggih, dapat memenuhi maklumat yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Selain itu, menurutnya YouTube boleh menimbulkan pekerjaan baharu seperti yang biasa dipanggil pengguna YouTube (YouTubers). Aras et al. (2024) juga menyokong pelaksanaan program sebagai akademi YouTuber termasuk membina perkongsian, mencipta tapak web dan kandungan YouTube, menyediakan sumber, menjalankan aktiviti jangkauan, serta menilai dan melaporkan hasil projek. Keputusan yang dicapai melalui aktiviti jangkauan ini telah mengoptimumkan kemahiran dan pengetahuan digital. Selaras dengan pandangan Birgante et al. (2024), bahawa YouTube memainkan peranan yang sangat penting sebagai medium yang berguna untuk meningkatkan kemahiran pelajar dan boleh meningkatkan motivasi pembelajaran, serta menjadikan masa pembelajaran yang lebih efisien di sekolah.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap aplikasi YouTube berkaitan dengan sumber maklumat, seperti set induksi, penilaian, dan sebagai sumber yang sahih. Dapatan ini disokong oleh Ahmad (2020)

dalam kajiannya mengenai “YouTube sebagai sumber maklumat Agama Islam” beliau mengatakan bahawa YouTube telah menjadi alternatif baru bagi masyarakat untuk mendapatkan maklumat agama Islam dengan lebih mudah dan pantas. Disokong oleh Putra (2024) bahawa YouTube sebagai media sosial yang memiliki sifat interaktif dan menekankan pemberian maklumat secara dua hala. Manakala Abd Halim dan Abd Rahim (2023) menyatakan bahawa melalui YouTube, menjadikan sudah tidak ada persoalan mengenai limitasi bermaklumat. Berdasarkan kepada peningkatan tersebut mendapati bahawa antara faktor penyumbang masyarakat melayari YouTube adalah disebabkan oleh aktiviti perkongsian dan pencarian maklumat yang lebih mudah (Ahmad 2020; Salehudin et al. 2024). Seperti mana, generasi masa kini menggunakan media sosial dalam menerima maklumat (Rindang & Ignatius 2020).

Dapatan seterusnya menunjukkan pengetahuan berkaitan dengan aplikasi YouTube dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam adalah pemilihan bahan yang bersesuaian, seperti mengikut aras pemahaman murid, mengikut sukatan DSKP, dan mengikut penerimaan pelajar. Dapatan ini disokong Daud et al. (2022) dan Wahid dan Jumaat (2022) bahawa guru mesti memberi tumpuan teknologi yang bersesuaian dengan bahan yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid, pemilihan bahan yang bersesuaian juga dapat mencungkil dan menggilap kreativiti pelajar disamping dapat menguasai pengetahuan konseptual dengan baik. Asrori et al. (2021) menambahkan bahawa apabila guru menggunakan video YouTube sebagai medium dalam Pendidikan Islam maka menimbulkan tindak balas positif daripada guru dan murid. Selain itu, kajian Djatmika et al. (2024) mencadangkan bahawa integrasi pembelajaran video dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan penglibatan pelajar dalam bidang mata pelajaran Pendidikan Islam. Manakala dapatan kajian Hasan dan Machmudah (2022) selaras dengan keputusan kajian ini, bahawa YouTube sebagai sumber bahan pembelajaran dan media pendidikan Islam, menekankan kepentingan menyelaraskan kandungan dengan kurikulum dan keperluan pelajar. Selanjutnya, YouTube dalam pendidikan Islam boleh menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan dan cekap (Lia 2020; Sukriyani et al. 2021).

Manakala dalam kajian Eraku (2023) bahawa guru Pendidikan Agama Islam mesti meningkatkan keupayaan mereka menggunakan teknologi dan media

pembelajaran berasaskan maklumat di dalam bilik darjah dan menjauhkan diri daripada buku teks supaya proses pembelajaran mencapai objektifnya dan menyediakan pelajar dengan banyak peluang untuk mengembangkan kreativiti pembelajaran mereka. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan pengkaji bahawa YouTube dalam pengajaran Islam sebagai satu pengetahuan sampingan yang boleh meningkatkan kreativiti guru dalam menyediakan video PdP yang berkualiti. Dengan pelbagai pengalaman yang dihadapi oleh guru berkaitan dengan YouTube maka guru akan memperolehi pengetahuan berkaitan teknikal dalam pengajaran mereka.

5.3.2 Kemahiran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube

Dapatan kajian berkaitan dengan kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran Pendidikan Islam, iaitu (i) Kemahiran yang diperlukan guru, (ii) Jenis video yang sering digunakan, (iii) Integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran, dan (iv) Strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube.

Salah satu dapatan kajian mengenai kemahiran Guru Pendidikan Islam berkaitan dengan aplikasi YouTube adalah kemahiran yang diperlukan guru, termasuk kemahiran berkaitan penggunaan YouTube, kemahiran komunikasi, dan kemahiran kreativiti. Sememangnya, untuk menangani cabaran berkaitan pemanfaatan YouTube secara berkesan dalam pendidikan Islam, guru mesti membangunkan pelbagai kemahiran dan kecekapan (Orrensalo & Nikou 2021). Disokong Rahmaturrizki dan Sukmayadi (2021) bahawa guru pendidikan Islam mesti mempunyai pemahaman yang kukuh tentang pelbagai ciri dan fungsi yang ditawarkan oleh YouTube. Ini termasuk keupayaan untuk menavigasi platform, mencari dan memilih kandungan yang berkaitan, memuat turun dan mengedit video serta mengurus saluran pelanggan dan siaran langsung (Marpaung et al. 2022). Selanjutnya, dapatan kajian adalah berkaitan dengan kemahiran komunikasi. Hasil dapatan ini adalah selari dengan temuan Abdullah et al. (2022) bahawa guru pendidikan Islam juga mesti memiliki kemahiran komunikasi yang kuat untuk memanfaatkan YouTube dengan berkesan, iaitu melibatkan keupayaan untuk menerangkan dengan jelas dan menunjukkan

penggunaan YouTube kepada pelajar, serta membimbing mereka dengan berkesan melalui ciri dan sumber platform. Akhir sekali, temuan pengkaji adalah diperlukan kreativiti. Dapatan kajian ini selari dengan temuan Guikema dan Williams (2014) dan Mohammed dan Ogar (2023) bahawa guru pendidikan Islam mesti menggunakan kreativiti dalam penggunaan YouTube. Termasuklah keupayaan untuk menyusun dan menyesuaikan kandungan video daripada platform agar sejajar dengan objektif pembelajaran dan keperluan khusus pendidikan Islam (Sukriyani et al. 2021).

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa video YouTube mampu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar dalam beberapa aspek, termasuk kelancaran, perbendaharaan kata, sebutan, dan tatabahasa (Devi 2023). Kajian terkini oleh Gürkan Dağbaşı et al. (2023) juga mendapati bahawa perkembangan teknologi di seluruh dunia telah meningkatkan keupayaan komunikasi antara individu, di mana orang ramai mencari pelbagai platform media untuk menyatakan fikiran dan perasaan mereka. Selain itu, kajian oleh Fibrianto Huda dan Diponegoro (2023) turut bersetuju bahawa kemajuan teknologi yang pesat turut mendorong peningkatan pemikiran yang lebih kreatif dan berimajinatif dalam memahami perkembangan media maklumat.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam menggunakan aplikasi YouTube merangkumi pelbagai jenis video yang sering digunakan dalam pengajaran, antaranya video yang berkaitan dengan subjek yang sukar difahami, hafazan, al-Quran, dan amali. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan di Emiriah Arab Bersatu mengkaji persepsi guru mengenai kelebihan, amalan semasa, dan cabaran penggunaan YouTube dalam bilik darjah, mendapati bahawa guru Pendidikan Islam sering menggunakan video yang berkaitan dengan bacaan al-Quran, ajaran Islam, dan demonstrasi praktikal (Simanjuntak et al. 2023). Penemuan ini selaras dengan kajian oleh Wahyuni dan Ramadhani (2024), yang mendapati bahawa guru menggabungkan video YouTube dalam rancangan pengajaran mereka untuk meningkatkan penglibatan pelajar. Kajian oleh Azizah et al. (2021) juga menyokong penemuan ini, di mana penggunaan video YouTube berkaitan bacaan al-Quran, ajaran Islam, dan demonstrasi praktikal dikenalpasti sebagai amalan biasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Selain itu, dalam pengajaran subjek lain sememangnya aplikasi YouTube boleh membantu pelajar dalam proses menyediakan dan mengulang kursus di sekolah (Gürkan Dağbaşı et al. 2023). Oleh itu diperlukan guru yang memiliki kemahiran yang baik dalam menggunakan aplikasi YouTube dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dapatan kajian ini disokong kajian lepas oleh Ishak dan Khalid (2021) dalam kajian kuantitatif, bahawa terdapat peningkatan markah dan peratusan yang ketara. Antara kumpulan yang menggunakan video YouTube berbanding kumpulan yang tidak menggunakan video YouTube dalam pembelajaran mereka sebanyak 27.5%. Selari dengan dapatan kajian Noraziela dan Nor Azira (2010) bahawa pelajar yang terlibat dengan pembelajaran menggunakan video YouTube berjaya mendapat 85.9% berbanding pelajar yang tidak terlibat dengan pembelajaran menggunakan video YouTube dengan mendapat markah hanya 50%. Oleh yang demikian, kemahiran Guru Pendidikan Islam sangat penting untuk menciptakan pembelajaran yang lebih berkesan.

Dapatan seterusnya adalah adanya integrasi elemen yang menarik dalam pengajaran. Hal ini termasuk interaksi dua hala, penggunaan video *live*, dan penggunaan quizzes. Dapatan ini disokong oleh Putra (2024) bahawa YouTube sebagai media sosial yang memiliki sifat interaktif dan menekankan pemberian maklumat secara dua hala. Manakala dalam kajian Fibrianto, Huda dan Diponegoro (2023) bahawa adanya interaksi dua hala antara murid dengan GPI menjadikan pembelajaran lebih menarik, dalam kajiannya beliau menggunakan aplikasi YouTube dalam pengajaran Islam yang merangkumi siaran rangkaian lagu dan doa kanak-kanak Islamik, siri cerita Islamik terhadap kandungan bertemakan pendidikan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Sethela et al. (2014), Kabooha dan Elyas (2015), Sethela et al. (2014), Wail Ismail et al. (2017), Misn et al. (2022), Sulaiman (2024) bahawa aplikasi YouTube terbukti mampu mewujudkan suasana dan persekitaran yang menyeronokkan dan menarik, sehingga dapat melahirkan pelajar yang lebih aktif serta dapat menggalakkan penglibatan pelajar dengan lebih baik serta dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritikal dengan lebih baik. Manakala dalam kajian Khoiruzzadi dan Purnomo (2022) beliau merasa terbantu dengan adanya platform YouTube untuk menerangkan bahan dan borang Google digunakan untuk membuat tugas dalam bentuk quizzes.

Selanjutnya, dapatan menunjukkan kemahiran Guru Pendidikan Islam sekolah menengah berkaitan dengan aplikasi YouTube adalah berkaitan dengan strategi guru dalam meningkatkan keberkesanan YouTube, seperti pemilihan video yang tepat, penghasilan video yang berkualiti, elemen interaktif, ganjaran, hubungan yang baik dengan pelajar, dan penilaian. Hasil kajian ini adalah selari dengan pandangan Mukarromah dan Andriana (2022) dan Fraile-Jurado et al. (2019) bahawa strategi pengajaran dan alat bantu mengajar adalah sangat penting dikuasai oleh guru. Ini kerana akan mempengaruhi minat dan keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Alobaid (2020) turut menyokong pendapat ini, bahawa penggunaan video YouTube sememangnya dianggap sebagai alat bantu pembelajaran yang berkesan. Walau bagaimanapun, seorang guru perlu berhati-hati dalam pemilihan video pembelajaran agar isi kandungan video tersebut bertepatan dengan kehendak serta objektif pembelajaran. Selari dengan pendapat Ishak dan Khalid (2021), Purnamasari dan Hafnita (2019) bahawa video pembelajaran haruslah mempunyai elemen-elemen multimedia seperti audio dan paparan visual supaya penyampaian maklumat lebih jelas serta dapat mewujudkan persekitaran yang interaktif dan berkesan. Dalam pengajaran Islam pula, Zulkiple (2021) menyatakan bahawa YouTube menjadi satu media dan komponen utama dalam membangunkan maklumat penting berkaitan ajaran Islam.

5.3.3 Cabaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Berkaitan dengan Aplikasi YouTube

Cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melaksanakan aplikasi YouTube boleh dikaitkan dengan pelbagai tema, termasuk cabaran dan cadangan penambahbaikan. Tema cabaran yang dihadapi Guru Pendidikan Islam mengandungi beberapa sub-tema, iaitu kemahiran yang terhad, minat guru terhadap teknologi, kurangnya sokongan dari pentadbir, fasiliti pembelajaran yang terhad, dan fokus murid dalam pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian ini, salah satu cabaran yang dihadapi GPI adalah kemahiran yang terhad. Dalam hal ini, Balbay dan Kilis (2017) menyokong hasil kajian ini, bahawa pelajar mendapat manfaat daripada menggunakan aplikasi YouTube, walaupun guru masih kurang mahir dalam menyediakan video dalam pembelajaran. Kajian Fathuddin et al. (2023) turut mendapati bahawa minat guru dalam menggunakan teknologi dan kaedah

pengajaran masih memerlukan lebih penambahbaikan. Isu dalam pembelajaran pendidikan Islam generasi milenial di sekolah menengah merangkumi masalah dalaman dan luaran. Masalah dalaman termasuklah keperluan guru untuk lebih mahir dalam menyampaikan pelajaran dan menggunakan teknologi pendidikan. Guru pendidikan Islam mestilah menjadi suri teladan kepada pelajar dari segi tanggungjawab, minat yang rendah dan motivasi untuk belajar. Isu luaran termasuk pengaruh kemajuan sains dan teknologi dalam komunikasi dan kesan persekitaran sosial. Penyelesaian masalah pembelajaran ini melibatkan guru Islam memperbaiki proses pembelajaran, menyediakan alat bantu belajar, dan menguasai teknologi pendidikan.

Selain itu, beberapa cabaran juga didapati oleh Suzlina dan Jamaludin (2016) bahawa tahap kemahiran guru dalam menggunakan Web 2.0 berada pada tahap sederhana. Adalah diperhatikan bahawa kekangan yang dihadapi oleh guru, berdasarkan tahap minimum yang paling rendah adalah disebabkan oleh ketiadaan capaian internet di rumah, kekurangan pengetahuan dalam menggunakan Web 2.0 dan internet, serta kekurangan masa untuk menyemak imbas dalam talian. Selari dengan dapatan kajian Sulaiman (2024), Parilah dan Joscyln (2015) bahawa guru mempunyai sikap positif dan memuaskan terhadap penggunaan ICT, tetapi beberapa cabaran didapati seperti kecekapan dan kemahiran guru yang terhad dalam menggunakan alatan ICT seperti Web 2.0, YouTube, dan media sosial, akses internet yang terhad, perisian dan perkakasan ICT yang lapuk dan tidak serasi, serta kekangan masa yang menjejaskan penggunaannya. Manakala kajian Nurul Farhana Rerah dan Mohd Faisal Mohamed (2021), menilai Guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tetapi tahap kemahiran dan sikap yang sederhana mengenai kesediaan PdP dalam talian.

Tambahan pula, beberapa kajian kuantitatif mendapati beberapa cabaran berkaitan dengan pengetahuan aplikasi YouTube dalam Pendidikan Islam. Misalnya, dalam kajian Tezci (2010) bahawa guru memiliki tahap pengetahuan dan sikap terhadap penggunaan ICT adalah pada tahap yang rendah. Walau bagaimanapun, kajian Rerah dan Mohamed (2021), Othman et al. (2022) bahawa tahap pengetahuan GPI berada pada tahap tinggi. Manakala dalam kajian Salleh (2022) mendapati tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan teknologi digital dan kemahiran GPI terhadap

PdP dalam talian adalah masih di tahap yang sederhana. Oleh itu, untuk menghadapi pembelajaran abad ke-21 ini diperlukan guru Pendidikan Islam yang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tinggi terhadap teknologi termasuklah aplikasi YouTube.

Selain itu, cabaran berkaitan dengan fasiliti pembelajaran yang terhad. Dapatan ini disokong oleh Kasturi dan Norasmah (2022) bahawa salah satu fasiliti yang mencabar ketika guru menggunakan aplikasi YouTube dalam pembelajaran adalah jaringan lemah dan aksesibiliti yang terhad. Manakala dalam kajian Arif Abd Aziz dan Abdurakhmonovich (2023) mendapati bahawa antara cabaran berkaitan dengan fasiliti pembelajaran adalah berkaitan dengan batasan gajet yang menyokong penggunaan kelas digital, kemahiran guru, dan peraturan sekolah untuk menyediakan sokongan. Selari dengan dapatan kajian Nurlita dan Kelik Wardiono (2021) bahawa penggunaan YouTube masih amat terhad, ia terhad kepada satu ciri YouTube sahaja dan tidak membincangkan proses tutorial bilik darjah atau kaedah penggunaan YouTube sebagai bahan pengajaran. Hal ini akan berdampak kepada kemahiran dalam penggunaan aplikasi YouTube dalam pembelajaran di kelas.

Selanjutnya, hasil kajian menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam memiliki kemahiran penggunaan aplikasi YouTube yang rendah. Dapatan ini disokong oleh Habes et al. (2019) dan Hayati dan Ningsih (2024) bahawa guru hanya boleh menggunakan satu ciri YouTube dan mengabaikan ciri lain yang penting. Manakala dalam kajian Zuraidah Ahmad et al. (2024) menunjukkan bahawa penggunaan video YouTube dalam pembelajaran Geografi di sekolah luar bandar memberikan kesan positif dari segi persepsi pelajar, walaupun impaknya terhadap peningkatan pencapaian akademik adalah terhad.

Selanjutnya adalah berkaitan dengan cadangan penambahbaikan, termasuk penggunaan YouTube yang lebih meluas, penyediaan pelbagai kursus dan latihan, sokongan pelbagai pihak, dan penghargaan bagi guru yang cemerlang dalam YouTube. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pandangan Eraku et al. (2023), bahawa guru dalam era digital mestilah berupaya menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi, Guru Pendidikan Islam

mesti meningkatkan keupayaan mereka menggunakan teknologi dan media pembelajaran berasaskan maklumat di dalam bilik darjah dan tidak bergantung sepenuhnya diri daripada buku teks supaya proses pembelajaran mencapai objektifnya dan menyediakan pelajar dengan banyak peluang untuk mengembangkan kreativiti pembelajaran mereka. Manakala dalam pandangan Hidayati et al. (2023), Ia bersetuju dengan hasil kajian yang diperolehi pengkaji bahawa salah satu cadangan penambahbaikan penggunaan aplikasi YouTube dalam pengajaran diperlukan sokongan pelbagai pihak, termasuklah sokongan daripada pentadbir sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa (1). Ahli Himpunan Pendidik dan Tenaga Kependidikan Anak Usia Dini Indonesia (HIMPAUDI) merasai nikmat mengikuti latihan berdasarkan media pembelajaran yang kreatif dan inovatif. 2. Tidak semua guru boleh memohon pembelajaran dalam talian kepada pelajar Pendidikan Anak Usia Dini (PAUD), baik kerana peralatan yang terhad mahupun kerana mereka tidak mempunyai kemahiran dalam bidang IT. 3. Pelajar PAUD dalam proses pembelajaran memerlukan bantuan tambahan terutama dalam pembelajaran dalam talian semasa pandemik. 4. Bantuan khas diperlukan untuk guru dalam membuat media pembelajaran.

5.4 IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu implikasi kepada teori dan implikasi kepada praktikal. Secara terperinci adalah seperti berikut ini.

5.4.1 Implikasi Kajian kepada Teori

Kajian ini memberikan implikasi penting kepada dua teori utama yang relevan dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam, iaitu Teori TPACK (*Technology Pedagogy Content Knowledge*) dan Teori Falsafah Imam Al-Ghazali. Kedua-dua teori ini memberikan perspektif berbeza mengenai penggabungan teknologi, pedagogi, dan pengetahuan kandungan dalam pengajaran serta pendekatan yang lebih holistik dalam mendidik pelajar.

a. Implikasi kepada Teori TPACK (*Technology Pedagogy Content Knowledge*)

Teori TPACK yang diperkenalkan oleh Shulman (1986) dan dikembangkan oleh Mishra dan Koehler (2006) menekankan pentingnya integrasi pengetahuan teknologi, pedagogi, dan kandungan dalam pengajaran. Dalam kajian ini, kemahiran penggunaan YouTube oleh guru Pendidikan Islam mencerminkan pengetahuan teknologi yang semakin penting dalam dunia pendidikan moden. YouTube menjadi platform yang memungkinkan guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam, terutamanya dalam menyampaikan kandungan yang sukar difahami seperti hafazan al-Quran dan ajaran Islam secara lebih visual dan interaktif.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan YouTube membantu guru untuk menyampaikan bahan pengajaran dengan lebih menarik dan berkesan, yang menyokong pedagogi inovatif. Guru yang mahir menggunakan teknologi ini dapat meningkatkan penglibatan pelajar dan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan bermakna. Oleh itu, teori TPACK dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam memberi penekanan kepada pentingnya keserasian antara teknologi yang digunakan (YouTube), teknik pengajaran yang diterapkan, dan kandungan pelajaran yang diajarkan. Ini menyumbang kepada pengembangan teori TPACK di dalam konteks penggunaan teknologi dalam pendidikan agama, khususnya dalam pengajaran al-Quran dan ajaran Islam.

b. Implikasi kepada Teori Falsafah Imam Al-Ghazali

Falsafah pendidikan Imam Al-Ghazali menekankan keseimbangan antara ilmu dan amal, serta pentingnya pendidikan yang menyeluruh, tidak hanya tertumpu pada aspek akademik tetapi juga pada pembangunan akhlak dan pemahaman rohani. Dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam, teori ini memberi penekanan bahawa pengetahuan agama harus disampaikan dengan cara yang mendidik hati dan jiwa pelajar, bukan hanya melalui kaedah yang bersifat logikal atau kognitif semata-mata.

Dalam kajian ini, penggunaan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam dilihat sebagai alat bantu mengajar yang berkesan dalam menyampaikan ajaran agama dengan cara yang lebih menarik dan praktikal. Dapatan kajian yang menunjukkan

penggunaan video hafazan al-Quran, demonstrasi praktikal dan ajaran Islam melalui YouTube, selaras dengan pendekatan pembelajaran yang menghubungkan pengetahuan dengan amalan seperti yang ditekankan oleh Imam Al-Ghazali. Sebagai contoh, video-video yang digunakan oleh guru tidak hanya bertujuan untuk memberikan maklumat tetapi juga untuk menyentuh aspek penghayatan agama dan membangunkan akhlak pelajar, yang sejalan dengan ajaran Imam Al-Ghazali mengenai pentingnya pengetahuan yang membawa kepada amal soleh.

Secara keseluruhan, kajian ini menyokong dan memperkaya kedua-dua teori TPACK dan falsafah Imam Al-Ghazali. Dengan menggunakan YouTube dalam pengajaran Pendidikan Islam, guru bukan sahaja menggabungkan teknologi dan pedagogi dengan lebih efektif, tetapi juga memperkenalkan pendekatan yang lebih holistik dalam mendidik pelajar, yang tidak hanya fokus kepada pengetahuan akademik, tetapi juga kepada pembentukan rohani dan akhlak pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa teknologi seperti YouTube, jika digunakan dengan tepat, boleh memperkukuh kedua-dua aspek pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Islam.

5.4.2 Implikasi Kajian kepada Praktikal

Dari sudut praktikal, kajian ini memberikan impak langsung kepada guru, pelajar, pentadbir sekolah, dan media dakwah islami. Secara terperinci seperti dalam huraian berikut ini.

a. Implikasi terhadap Guru

YouTube telah menjadi salah satu kaedah atau media pembelajaran yang menarik bagi guru Pendidikan Islam untuk menyampaikan pengajaran, khutbah, atau ceramah kepada pelajar mereka. Guru Pendidikan Islam boleh menyebarkan ilmu agama Islam kepada lebih ramai orang dengan menggunakan YouTube. Walau apa pun, guru Pendidikan Islam harus lebih berhati-hati apabila berkongsi video YouTube di media sosial. Guru Pendidikan Islam mesti lebih selektif apabila memilih kandungan yang benar-benar sesuai dengan ajaran Islam.

Guru yang memiliki pengetahuan serta kemahiran yang tinggi berkaitan dengan aplikasi YouTube, maka dapat membantu mempermudah proses pengajaran. Dalam bidang pendidikan, guru dikehendaki menguasai beberapa kemahiran, misalnya kemahiran pedagogi, sosial, profesional dan individu. Dalam kemahiran pedagogi, dijelaskan bahawa guru harus mampu menggunakan dan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi dalam melaksanakan pembelajaran. Oleh sebab itu, guru tidak boleh terpaku pada model pembelajaran bersemuka di kelas, tetapi juga harus dapat menggunakan media yang memudahkan mereka menyampaikan bahan pelajaran.

Pada masa ini, YouTube telah berkembang menjadi platform media yang menarik untuk pengajaran dan pembelajaran Islam. Seseorang boleh menggunakan YouTube untuk mendapatkan video yang lebih menarik untuk mengajar pelajaran Pendidikan Islam, seperti demonstrasi, video tutorial, atau penjelasan konsep. YouTube membolehkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menjadi lebih fleksibel kerana ia membolehkan guru dan pelajar belajar bila dan di mana sahaja mereka suka. Selain itu, GPI mempunyai keupayaan untuk menggunakan YouTube sebagai sumber media untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan kreatif. Walau bagaimanapun, GPI harus selektif apabila memilih kandungan yang boleh dipercayai dan sesuai tujuan pendidikan. Dengan demikian YouTube akan sangat berguna dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Pemilihan media YouTube merupakan salah satu media yang sesuai untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan Islam. Kelebihan guru dalam menggunakan media YouTube ialah YouTube sebagai sumber pengajaran yang baik, sebagai sumber alat motivasi mengajar yang boleh melibatkan pelajar dan gaya pembelajaran moden, juga sebagai sumber pembelajaran percuma dalam pendidikan, melalui YouTube proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Lebih praktikal hanya dengan memasukkan URL video di laman YouTube yang akan dipilih. Pengguna boleh membuat akaun untuk dipaparkan di hadapan kelas. Manfaat lain menggunakan media YouTube berasaskan *Blended Learning* ialah pelajar boleh memilih bahan pembelajaran berdasarkan minat mereka sendiri, supaya pembelajaran menjadi menyeronokkan, tidak membosankan, penuh motivasi, bersemangat dan menarik perhatian.

b. Implikasi terhadap Pelajar

Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pelajar berkaitan dengan YouTube sebagai salah satu aplikasi yang tidak dapat dipisahkan oleh generasi milenial. YouTube menjadikan sumber pendidikan yang lebih berkualiti. Ini kerana melalui YouTube terdapat banyak tutorial video, kelas dan perbincangan yang boleh berguna untuk pelajar dalam menerima pembelajaran, kerana YouTube boleh membantu generasi milenial belajar secara lebih menarik dan bermakna. Walau bagaimanapun, pelajar mesti berhati-hati dan menumpukan YouTube dengan perkara-perkara yang positif berkaitan dengan bahan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, apabila ingin menonton video di YouTube, guru atau ibu bapa harus mendampingi pelajar agar konten video yang mereka pilih bersesuaian dengan umur mereka. Selain itu juga pemilihan video yang berkualiti akan memberi impak yang positif bagi pelajar.

c. Implikasi terhadap Pentadbir Sekolah

Pentadbir sekolah sangat berperanan penting untuk memajukan sekolah berasaskan digital, seperti aplikasi YouTube sebagai salah satu aplikasi yang boleh dijadikan sebagai media pembelajaran. Dalam rangka meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru berkaitan dengan aplikasi YouTube, pentadbir sekolah boleh memberikan seminar pendidikan dan latihan kemahiran. Kegiatan ini boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru terhadap media pembelajaran berasaskan teknologi. Apabila kegiatan ini terlaksana, maka akan sangat membantu guru dalam mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran semasa.

d. Implikasi terhadap Media Dakwah Islamiah

YouTube menjadi platform yang menarik untuk membantu ramai orang menyebarkan dakwah Islamiah, yang merupakan kesan media dakwah Islamiah. Banyak video boleh tersebar dengan cepat melalui YouTube. Mesej dakwah Islamiah boleh disampaikan kepada pelbagai golongan melalui YouTube, termasuk yang mungkin tidak boleh diakses secara konvensional. Selain itu, YouTube membolehkan pendakwah atau ustaz berkongsi agama mereka dengan cara yang inovatif dan menarik. Namun, pendakwah perlu berhati-hati ketika memuat naik video YouTube agar kandungan dakwah menepati ajaran Islam yang

sebenarnya dan tidak mengelirukan. Jika YouTube digunakan dengan betul, ia boleh menjadi alat yang berkesan untuk menyebarkan dakwah Islamiah.

5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan kajian lanjutan ini bertujuan untuk memantapkan lagi perkara yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan pengkaji, iaitu mengenai pengetahuan dan kemahiran YouTube serta cabarannya dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Beberapa cadangan yang boleh dijadikan rujukan kajian lanjutan adalah:

1. Pengkaji hanya menggunakan metod kajian kualitatif secara penuh. Memandangkan kaedah ini mempunyai batasan dan kelebihan yang tersendiri, adalah disyorkan untuk menggunakan sama ada pendekatan kuantitatif sepenuhnya atau gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk kajian akan datang. Dengan itu, hasil kajian ini akan menghasilkan maklumat yang lebih tepat dan mendalam.
2. Kajian ini hanya menyasarkan sekolah-sekolah menengah di Selangor, Kelantan, dan Sabah yang melibatkan 4 guru sahaja. Oleh demikian, adalah dicadangkan untuk diperluaskan lagi skop kajian dengan melibatkan sekolah menengah yang berstatus Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), dan tidak hanya tertumpu di Selangor, Kelantan, dan Sabah tetapi di seluruh negara. Ini dapat memastikan dapatan kajian dapat digeneralisasikan kepada semua guru sekolah menengah.
3. Selain itu, kajian ini dijalankan pada aspek yang lebih spesifik dan terperinci iaitu tentang pengetahuan, kemahiran, dan cabaran aplikasi YouTube dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah. Oleh itu, satu kajian yang melibatkan skop lebih besar iaitu di peringkat makro yang tidak hanya melibatkan Guru Pendidikan Islam sahaja.
4. Kajian lanjutan di masa akan datang ini amat diperlukan bagi meneliti aspek-aspek yang turut berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, dan cabaran aplikasi YouTube dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah. Antaranya adalah penekanan daripada aspek kefahaman (*understanding*), aspek nilai (*value*), aspek sikap (*attitude*), dan aspek minat

(*interest*). Disamping itu, skop kajian dari aspek penelitian kandungan video sama ada aspek akidah, akhlak dan ibadah yang lebih mendalam.

5. Dalam kajian ini, pengkaji hanya melibatkan jantina perempuan sebagai pakar YouTuber yang ditemu bual. Dicapadangkan untuk kajian lanjutan, pengkaji boleh melibatkan jantina lelaki pula, atau pengkaji boleh melibatkan keduanya.
6. Kajian dianalisis berdasarkan tema atau kategori yang berulang, relevan, dan penting. Dalam kajian kualitatif, tematik analisis bertujuan untuk mengenal pasti dan mengelompokkan makna, idea, atau pola yang muncul daripada data yang dikumpul (seperti temu bual, pemerhatian, atau dokumen). Cadangan untuk kajian lanjutan, pengkaji boleh menggunakan alat bantu analisis misalnya menggunakan perisian Nvivo, ATLAS.ti, MAXQDA dan lain sebagainya.

Kesimpulannya, kajian tentang pengetahuan, kemahiran, dan cabaran aplikasi YouTube dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah ini diharap dapat membuka ruang dan peluang kepada kajian lain dengan lebih luas, serta dijalankan dari segi perspektif yang berbeza. Penyelidikan daripada perspektif berbeza perlu dijalankan bagi menambah baik kajian yang telah dijalankan serta berupaya memperkayakan lagi dapatan dari segi konsep, pelaksanaan serta boleh memberikan sumbangan yang bermakna secara teori dan praktikal dalam kalangan guru sekolah menengah.

5.6 SUMBANGAN KAJIAN

5.6.1 Sumbangan Kajian Terhadap Sekolah

Dapatan kajian ini memberi sumbangan terhadap sekolah agar kalangan guru-guru lebih meningkatkan pengetahuan dan kemahiran aplikasi YouTube dalam pengajaran GPI di sekolah. Guru yang mahir menggunakan YouTube dapat memudahkan kerjasama antara guru untuk berkongsi idea dan pengalaman menggunakan teknologi dalam pembelajaran. Guru boleh menyediakan pengajaran yang lebih menarik dan interaktif kepada pelajar, seterusnya meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah. Sumbangan kajian seterusnya adalah guru yang mempunyai pengetahuan dan

kemahiran dalam aplikasi YouTube boleh menjadi lebih berkesan dalam menyebarkan maklumat penting kepada seluruh komuniti sekolah.

Selain itu, dapatan kajian boleh menyumbang kepada pembangunan bahan pembelajaran di sekolah. Melalui pengetahuan tentang YouTube, guru boleh membangunkan bahan pembelajaran yang lebih pelbagai dan sesuai dengan keperluan pelajar dalam era digital ini. Dengan guru yang dapat mengoptimumkan YouTube untuk tujuan pembelajaran, reputasi sekolah juga boleh meningkat kerana hasil pembelajaran pelajar akan menjadi lebih baik.

5.6.2 Sumbangan Kajian Terhadap Guru

Kajian ini bertujuan untuk mengembangkan literatur berkaitan pengajaran dalam bidang Pendidikan Islam. Kajian ini boleh dikategorikan antara kajian yang terawal yang mengkaji tentang pengetahuan, kemahiran, dan cabaran aplikasi YouTube dalam kalangan GPI. Melalui kajian ini kalangan GPI akan menyedari mengenai sejauhmana tahap pengetahuan dan kemahiran yang mereka miliki dalam menyambut pelajar-pelajar abad ke-21 yang merupakan pelajar celik dengan teknologi. Salah satu yang boleh digunakan oleh GPI adalah penggunaan YouTube dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Beberapa sumbangan kajian mengenai YouTube yang boleh menjadi sumber maklumat yang mudah diakses oleh guru dalam membangunkan bahan pengajaran Pendidikan Islam. Dalam proses belajar mengajar, diperlukan idea kaedah pengajaran yang inovatif.

Melalui kajian ini, guru boleh menggunakan YouTube untuk mencari idea-idea inovatif dalam kaedah pengajaran yang lebih menarik dan interaktif. Selain itu juga, kajian ini menyumbang idea pembelajaran jarak jauh kepada pelajar yang tidak dapat hadir secara fizikal di dalam kelas. Selain itu, dapatan kajian ini boleh menyumbang kepada peningkatan kreativiti guru. Dengan melihat kandungan pendidikan di YouTube, guru boleh mendapat inspirasi untuk lebih kreatif dalam menyampaikan bahan pengajaran Pendidikan Islam. Terakhir sekali adalah dapatan kajian boleh menyumbang kepada penyertaan pelajar dan minat pelajar untuk belajar kerana bahan yang disampaikan lebih menarik dan interaktif.

5.6.3 Sumbangan Kajian Terhadap Pendidikan Islam

Kajian ini memberi sumbangan besar kepada bidang Pendidikan Islam dengan meneroka penggunaan YouTube sebagai alat bantu pengajaran yang efektif dalam meningkatkan kemahiran guru dalam teknologi dan memotivasi pelajar. Melalui Teori TPACK, kajian ini menunjukkan bahawa pengintegrasian teknologi dalam pengajaran perlu mengimbangi tiga aspek penting iaitu pengetahuan kandungan (*content*), pedagogi (*teaching methods*), dan teknologi (*tools*). Selain itu, Falsafah Imam Al-Ghazali yang menekankan keseimbangan antara akhlak dan ilmu turut dipertimbangkan dalam kajian ini untuk memastikan teknologi yang digunakan dalam pengajaran tidak hanya memberi pengetahuan semata-mata, tetapi juga mendalami aspek nilai moral dan spiritual dalam konteks Pendidikan Islam.

Di samping itu, kajian ini turut melihat cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam penggunaan YouTube, antaranya adalah kurangnya kemahiran dalam menghasilkan kandungan berkualiti serta cabaran dalam memastikan kesesuaian video dengan konteks pengajaran. Kajian ini mencadangkan supaya guru diberikan latihan profesional dan sokongan yang berterusan bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam memanfaatkan teknologi. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi impak kepada pembangunan kurikulum, memperkukuh pembelajaran interaktif, dan meningkatkan minat pelajar terhadap subjek Pendidikan Islam.

5.7 KESIMPULAN

YouTube telah berkembang dalam kalangan generasi abad ke-21 dan telah berkembang menjadi satu sumber media yang menarik dan sesuai untuk pelajar masa kini. Oleh itu, untuk meningkatkan pengajaran pendidikan Islam di sekolah menengah, adalah penting untuk mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan YouTube sebagai media pembelajaran. Selain itu, pengajaran Pendidikan Islam boleh disampaikan secara lebih berkesan kepada pelajar sekolah menengah, melalui penggunaan YouTube. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam menggunakan aplikasi YouTube dalam pengajaran pendidikan Islam. Misalnya, guru harus memastikan bahan yang dipaparkan adalah sah dan aman,

memastikan pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah boleh mencipta pembelajaran yang lebih menarik, interaktif, dan berdaya guna jika mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik mengenai aplikasi YouTube dan tahu cara menggunakannya dengan betul.



RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep al-mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2: 43-56.
- Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin, & Zamri Abdul Rahim. 2004. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. *Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Abd Halim, N. S. & Abd Rahim, N. A. 2023. Meneroka proses m-pembelajaran dalam kalangan pelajar dewasa program prasiswazah pendidikan jarak jauh (PJJ) di sebuah universiti awam. *International Journal of Education and Training (INJET)* 1-9.
- Abdullah, S. N. H. S., Yahya, S. & Misni, M. 2022. Tahap pengetahuan dan kesediaan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru kafa di daerah seremban. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II* 22(1).
- Abu Bakar, A. M. 2013. Integrating ICT in Islamic education: Pedagogical, ethical and philosophical considerations. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(2): 154–161.
- Abubakar, H. & Muhammed, H. B. 2023. A systematic literature review on teaching teachers pedagogy through youtube video technology. *Journal of Digital Educational Technology* 3(1): 2301.
- Agus Suradika, Andi Ahmad Gunadi & Sastra Aditya Jaya . 2020. Penggunaan youtube sebagai media pembelajaran jarak jauh pada kelas III sekolah dasar Islam An - Nizomiyah. *Prosiding Seminar Nasional Penelitian LPPM UMJ*.
- Agusdianita Neza, Karjiyati Victoria & Sufiyandi Sufiyandi. 2021. The use of ethnomathematics learning devices based on realistic mathematics education models on mathematics literacy mastery. *In International Conference on Educational Sciences and Teacher Profession (ICETeP 2020)* 317-324. Atlantis Press.
- Ahmad Al Hilmi Bin Mohammad Salleh. 2023. Pengaruh pengetahuan pedagogi isi kandungan dan sikap guru terhadap amalan pengajaran dan pemudahcaraan dalam pendidikan STEM. Thesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Bakhtiar, Sigit Widiyanto , Lidya Natalia Sartono, Isroyati, Lusiana Wulansari & Luluk Setyowati. 2024. Penggunaan media you tube dalam pembelajaran bahasa Inggris pada siswa sekolah dasar. *Warta Dharmawangsa* 18 (2): 532-539.

- Ahmad Noor Aini & Abu Hanifah Norhafizah. 2015. *Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran (special education teacher's level of knowledge in dealing with learning disabilities student)*. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education (Formerly Known as Journal of Educators And Education)* 30(1): 1-16.
- Ahmad, I. K. 2020. The acceptance of youtube as a source of Islamic religious information among the community in kampung Ulu Putatan, Sabah: The application of the technology acceptance model (TAM) and credibility theory. *Journal of Borneo Social Transformation Studies* 6(1): 174-188.
- Aji Ahmad Aji Pangestu, Luluk Ifadah & Nur Alfi Muanayah. Efektivitas pembelajaran berbasis multimedia dalam meningkatkan nilai kognitif peserta didik di SMP Maarif Tlogomulyo. *JIPSI: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Sains Islam Interdisipliner* 1(2): 70-83.
- Akademi Youtuber. 2023. Chatt group telegram. <https://t.me/AkademiYouTuber>.
- Akbaba Altun, S. 2006. Complexity of integrating computer technologies into education in Turkey. *Journal of Educational Technology & Society* 9(1): 176-187.
- Al Malah, D. K. A. R., Aljazaery, I. A., Alrikabi, H. T. S. & Mutar, H. A. 2021. Cloud computing and its impact on online education. *In IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* 1094(1): 012024. IOP Publishing.
- Al Malah, D. K. A. R., Majeed, B. H. & Al Rikabi, H. T. S. 2023. Enhancement the educational technology by using 5G networks. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (Online)* 18(1): 137.
- Al Sarry, M., Faris, I. & Majeed, B. H. 2022. A future vision of mathematics teacher preparation program at the universities. *International Education Culture Studies* 2(1): 1-12.
- Albahiri Mohammed, H. & Ali Albashir Mohammed Alhaj. 2020. Role of the visual element in spoken English discourse: Implications for youtube technology in EFL classrooms. *The Electronic Library* 38(3): 531-544.
- Albion Peter, Jamieson Proctor, Romina & Finger Glenn. 2010. Auditing the TPACK confidence of Australian pre-service teachers: The TPACK confidence (TCS) survey. *Proceedings of Society for Information Technology & Teacher Education International Conference*.
- Alenezi, M. 2023. Digital learning and digital institution in higher education. *Education Sciences* 13(1): 88.
- Al-Farabi. 1985. *On the Perfect State* (R. Walzer, Trans.). Oxford: Clarendon Press.
- Alhashmi, M. & Moussa Inaty, J. 2021. Professional learning for Islamic education teachers in the UAE. *British Journal of Religious Education* 43(3): 278-287.

- Alhrahshah, R., Owais, A., Alabidi, S., Alkhasawneh, T. & Momani, N. 2024. youtube's impact on students' learning motivation: Assessing ease of use and usefulness. *International Journal of Instruction* 17(2): 105-122.
- Alimemaj, Z. 2010. Youtube, language learning and teaching techniques. *The Magazine of Global English Speaking Higher Education* 2: 10-12.
- Alkhudaydi. 2018. Investigating factors that influence the use of you tube in teaching biology in high schools in Saudi Arabia based on the technology acceptance model. *Electronic Comprehensive Journal for Education and Science Publications* 13: 1-10.
- Al-Qudah, M. & Al-Khateeb, M. 2021. The role of Islamic education teachers in Jordanian Schools: Moral and social dimensions. *International Journal of Educational Development* 32(4): 152-160.
- Alwehaibi, H. & Abdulrahman, P. 2015. The impact of using youtube in EFL classroom on enhancing. *Journal of College Teaching and Learning* 12: 121-126.
- Amanda, G., Syafrizal, S., Sakdiah, H. & Juniati, J. 2023. Perbandingan hasil belajar siswa menggunakan platform sigum berbantuan media zoom dengan platform sigum berbantuan media google meet pada materi fluida statis. *Relativitas: Jurnal Riset Inovasi Pembelajaran Fisika* 5(2): 69-76.
- Andersen, M. H. 2011. Knowledge, attitudes, and instructional practices of michigan community college math instructors: The search for a kap gap in collegiate math. Thesis Dr. Fal, Western Michigan University Kalamazoo, Michigan.
- Anderson, A. K. 2005. Affective influences on the attentional dynamics supporting awareness. *Journal of Experimental Psychology: General* 134(2): 258-281.
- Antonietti, C., Cattaneo, A. & Amenduni, F. 2022. Can teachers' digital competence influence technology acceptance in vocational education? *Computers in Human Behavior* 132: 107266.
- Anugrahana, A. 2020. Hambatan, solusi dan harapan: Pembelajaran daring selama masa pandemi covid-19 oleh guru sekolah dasar. *Scholaria: Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 10(3): 282-289.
- Aras, A., Fauzi, I. R., Zulfa, K., Sangadah, K., Ulfa, S. & Listiyaji, P. 2024. Sosialisasi pembuatan website dan optimalisasi youtube sebagai sarana digitalisasi PKBM tunas mekar. *Jurnal Abdi Negeri* 2(1): 7-13.
- Arif Muhamad, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Yuldashev Azim Abdurakhmonovich. 2023. Model for economical digital smart classes Indonesian Islamic primary schools (madrasah ibtidaiyah) in the 21st century. *Child Education Journal* 5(1): 11-23.
- Aripin Norizah & Chong Zhuang Li. 2016. Gen 'Y' and instagram video: The differences between gender and acceptance of instagram video.

- Arsana, I. K. S. 2020. Pengaruh keterampilan mengajar guru dan fasilitas belajar terhadap motivasi belajar siswa. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial* 6(2): 269.
- Ary. 2006. *Introduction to Research in Education*. Wadsworth: Cengage Learning.
- Ashidiqi, M. N. A., Rohmatiah, A. & Rahmah, F. A. 2019. Youtube free quran education as a source of Islamic education learning materials and media. *Khalifa: Journal of Islamic Education* 3(2): 126-141.
- Asiah, S., Huda, M., Rofieq, A., Muttaqin, S., Rosyada, D. & Rahim, H. 2023. Benefits of youtube live streaming as a learning media for students during covid-19 pandemic. *In Proceedings of The 5th International Graduate Conference in Islam and Interdisciplinary Studies, IGCIIS 2022, 19-20 October 2022, Mataram, Lombok, Indonesia*.
- Ayanwale, M.A. 2023. Can experience determine the adoption of industrial revolution 4.0 skills in 21st century mathematics education? *Research in Social Sciences and Technology* 8(1): 74-91.
- Az Zahra, F. 2023. Integrasi Islam dan sains serta implikasinya dalam teknologi pendidikan. *Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam dan Sains* 5(1): 86-88.
- Azfaedahanim Azis & Farhana Sabidin . 2020. Faktor kredibiliti dalam penerimaan youtube sebagai medium agama di kalangan pelajar politeknik negeri Sabah. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial* 3: 11.
- Azizah Nurul, Silva Asep Bayu Dani Nandiyanto, Verra Wulandary & Asep Rudi Irawan. 2021. Implementation of video learning media in Islamic religious education subjects for elementary school students. *Universitas Pendidikan Indonesia Press* 2(1) : 91-96.
- Azmian, M. N. M., Sarifin, M. R., Bolong, J., Yusoff, N., Adnan, M. H. M. & Abdullah, M. S. 2024. Pengaplikasian konsep kawalan sosial dalam komuniti maya. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16(1): 66-79.
- Azra, A. 1999. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Baihaqi, A., Mufarroha, A. & Imani, A. I. T. 2020. Youtube sebagai media pembelajaran pendidikan agama Islam efektif di SMK Nurul Yaqin Sampang. *Edusiana Jurnal Manajemen dan Pendidikan Islam* 7(1): 74-88.
- Baihaqi, A., Mufarroha, A. & Imani, A. I. T. 2020. Youtube sebagai media pembelajaran pendidikan agama Islam efektif di SMK Nurul Yaqin Sampang. *Edusiana Jurnal Manajemen dan Pendidikan Islam* 7(1): 74-88.
- Baihaqi, A., Mufarroha, A. & Imani, A. I. T. 2020. Youtube sebagai media pembelajaran pendidikan agama Islam efektif di SMK Nurul Yaqin Sampang. *Jurnal Manajemen dan Pendidikan Islam* 7(1): 74-88.

- Bakar, Z. & Yusof, M. 2020. Integrating Islamic values and modern technology in Islamic education teaching. *Asian Journal of Education and Learning* 18(2): 125-135.
- Balbay, S. & Kilis, S. 2017. Students' perceptions of the use of a youtube channel specifically designed for an academic speaking skills course. *Eurasian Journal of Applied Linguistics* 3(2): 235-251.
- Bardaki, S. 2019. Exploring high school students' educational use of youtube. *Athabasca University Press* 20(2).
- Belina, A. 2023. Semi-structured interviewing as a tool for understanding informal civil society. *Voluntary Sector Review* 14(2): 331-347.
- Berliner, D.C. 2005. The near impossibility of testing for teacher quality. *Journal of Teacher Education* 56: 205-213.
- Bernard, H. R. 2002. *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*. Edisi ke-3. Walnut Creek, CA: Alta Mira Press.
- Birgante, C. S., Wismanto, A. & Warkito, P. J. 2024. Pemanfaatan youtube sebagai media pembelajaran efektif materi berita bagi peserta didik. *Jurnal Pendidikan Tambusai* 8(2): 17523-17528.
- Bohloko, M., Makatjane, T. J., Mokuku, T. & George, M. J. 2019. Assessing the effectiveness of using youtube videos in teaching the chemistry of group I and VII elements in a high school in Lesotho. *African Journal of Research in Mathematics, Science and Technology Education* 23(1): 75-85.
- Borthwick, A. C., Anderson, C. L., Finsness, E. S. & Foulger, T. S. 2015. Special article personal wearable technologies in education: Value or villain? *Journal of Digital Learning in Teacher Education* 31(3): 85-92.
- Bozkurt, A. & Sharma, R. 2018. The role of youtube in education: A global perspective. *International Review of Research in Open and Distributed Learning* 19(3): 15-28.
- Bozkurt, A. & Sharma, R. C. 2020. Emergency remote teaching in a time of global crisis due to coronavirus pandemic. *Asian Journal of Distance Education* 15: 1-6.
- Cahyono Guntur & Hassani Nibros. 2019. Youtube seni komunikasi dakwah dan media pembelajaran. *Al-Hikmah* 13: 23.
- Cañas, A. J., Coffey, J. W., Carnot, M. J., Feltovich, P., Hoffman, R. R., Feltovich, J. & Novak, J. D. 2003. A summary of literature pertaining to the use of concept mapping techniques and technologies for education and performance support. *Report to The Chief of Naval Education and Training* 1-108.

- Çangal, Ö. 2020. Yabancılara Türkçe öğretiminde sosyal medya kullanımının yazma becerisine Etkisi. (the effect of social media usage on writing skills in teaching Turkish to foreigners). Unpublished Thesis Dr. Fal, Hacettepe University.
- Casas, P., Schatz, R. & Hossfeld, T. 2013. Monitoring youtube qoe: Is your mobile network delivering the right experience to your customers? *IEEE Wireless Communications and Networking Conference, WCNC* 1609–1614.
- Chan, A., Lim, K. & Tan, P. 2020. Integrating youtube in educational practices: The impact on student engagement in Singapore. *Educational Research Journal* 31(4): 215-227.
- Charmaz, K. 2006. *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide Through Qualitative Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Chien, P. & Liu, J. 2021. Exploring the impact of youtube on teaching and learning.
- Chua, Y. P. 2014. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi ke-3. McGraw Hill Education.
- Chuang, H. H. & Ho, C. J. 2011. An investigation of early childhood teachers' technological pedagogical content knowledge TPACK in Taiwan. *Ahi Evran Üniversitesi Kırşehir Eğitim Fakültesi Dergisi* 12(2): 99-117.
- Cihangir Hasan Hüseyin & Çoklar Ahmet Naci. 2021. Using youtube as an education environment: Examining follower views. *International Technology and Education Journal* 5(1): 50-60.
- Clifton Andrew & Mann Claire. 2010. Can youtube enhance student nurse learning? *Nurse Education Today* 31: 311-3.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2000. *Research Methods in Education*. Edisi ke-5. Routledge Falmer, London.
- Colim, A., Carneiro, P., Carvalho, J. D. & Teixeira, S. 2022. Occupational safety & ergonomics training of future industrial engineers: A project-based learning approach. *Procedia Computer Science* 204: 505–512.
- Cresswell, J. W. & Plano Clark, V. L. 2011. *Designing and Conducting Mixed Method Research*. Edisi ke-2. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Edisi ke-2. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. 2010. *Research Design: Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif, dan Mixed*. Edisi ke-3. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Creswell, J. W. 2013. *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Los Angeles: Sage Publications, Inc.

- Creswell, J. W. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Edisi Ke-3. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. 2018. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi Ke-5. Sage Publications.
- D'Aquila, J. M., Wang, D. & Mattia, A. 2019. Are instructor generated youtube videos effective in accounting classes? a study of students' performance, engagement, motivation, and perception. *Journal of Accounting Education* 47: 63-74.
- Damayanti, N. T. & Juliawati, M. 2024. Pemanfaatan youtube sebagai sumber pembelajaran untuk mahasiswa. *E-Gigi* 13(1): 64-71.
- Darwish, H. 2018. Expanding industrial thinking by formalizing the industrial engineering identity for the knowledge era. Thesis Dr. Fal, Potchefstroom: North-West University.
- Dasgupta Subhasish, Mary Granger & Nina McGarry. 2002. User acceptance of ecollaboration technology: An extension of the technology acceptance model. *Group Decision and Negotiation* 11(2): 87-100.
- Daud, A. F. C., Mustapha, N. F. & Hajimaming, P. 2022. Problems in Arabic writing skills among malay students in Malaysia: A review. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(1): 2028-2039.
- Davis, F. D. 1986. Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly* (13:3): 319-339.
- Deepika, N. 2020. The impact of online learning during covid-19: students' and teachers' perspective. *The International Journal of Indian Psychology* 8(2): 784-793.
- Demarrais, K. & Lapan, S. D. (pnyt.), 2004. *Foundations for Research: Methods of Inquiry in Education and The Social Sciences*. Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Denzin & Lincoln. 2009. *Handbook of Qualitative Research*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. 2000. *Handbook of Qualitative Research*. Edisi Ke-2. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. 2009. Pendahuluan memasuki bidang penelitian kualitatif (Dariyatno, B. S. Fata, Abi & J. Rinaldi, Trans.). Dlm. N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (pnyt.), *Handbook of Qualitative Research*, hlm. 1-25. Edisi ke-2. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Desai, S. 2010. Role of information communication technologies in education. *In Proceedings of The 4th National Conference* 6(2): 109-126.

- Destya Ramadhina & Izza Rohman. 2022. Problematika guru dalam penggunaan video youtube sebagai media pembelajaran di sekolah dasar. *Jurnal Mimbar Ilmu* 27(1): 117-123.
- Devi, D. 2023. Pembinaan prototaip VAGAT dalam peningkatan kemahiran bertutur murid sekolah tamil. Thesis Dr. Fal, University of Malaya (Malaysia).
- Dewitt Dorothy, Norlidah Alias, Saedah Siraj, Mohd Yusaini Yaakub, Juhara Ayob & Rosman Ishak. 2013. The potential of youtube for teaching and learning in the performing arts. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 103: 1118-1126.
- Djatkika Djatkika, Bahtiar Mohamad, Riyadi Santosa & Agus Hari Wibowo. 2024. Intercultural communicative competence among Indonesian migrant workers in Malaysia: A qualitative exploration. *Frontiers Media* 9.
- Dreon Jr, O. & Dietrich, N. I. 2009. Turning lemons into lemonade: Teaching assistive technology through wikis and embedded video. *Tech Trends* 53(1):78-80.
- Dubovi, I. & Tabak, I. 2020. An empirical analysis of knowledge co-construction in youtube comments. *Computers & Education* 156: 103939.
- Eraku, S.S., Baruadi, M.K., Anantadjaya, S.P., Fadjarajani, S., Supriatna, U. & Arifin, A. 2023. Digital literacy and educators of Islamic education. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam* 10(01): 569-576.
- Fanani, A. A. 2024. Utilization of youtube to improve learning outcomes in madrasah. *Journal of Nusantara Education* 4(1): 38-45.
- Fathuddin, F., Nurdin, N. & Rustina, R. 2023. The challenges of teaching Islamic education in the millennial generation era. *International Journal of Contemporary Islamic Education* 5(1): 1-14.
- Febriana, G. & Hafifah, G. N. 2019. Teachers' beliefs and practices of using youtube in EFL context in Muhammadiyah senior high schools of Surabaya. *Humanities & Social Sciences Reviews* 7(3): 389-397.
- Fibrianto, A. F. A., Huda, M. K. & Diponegoro, A. M. 2023. Youtube Kidz Application as a medium for broadcasting Islamic educational content for early childhood. *In Proceeding International Seminar of Islamic Studies* 1301-1306.
- Fidan, M. & Debbag, M. 2018. The usage of video blog (vlog) in the "school experience" course: The pre-service teachers' opinions. *Journal of Education and Future* (13): 161-177.
- Fleiss, J.L. 1981. The measurement of interrater agreement. Dlm. *Statistical Methods for Rates and Proportions*, hlm. 212-236. Edisi ke-2. USA: John Wiley.

- Fuad Sufyan Tsauri Bin Muhammad, Norhisyam Bin Zarmi & Syed Najihuddin Bin Syed Hassan. 2023. Analisis aplikasi youtube dalam mendepani cabaran dunia dakwah pada hari ini.
- Fyfield, M., Henderson, M. & Phillips, M. 2021. Navigating four billion videos: Teacher search strategies and the youtube algorithm. *Learning, Media and Technology* 46(1): 47-59.
- Gay, L. R. 1996. Educational research: Competencies for analysis and application. Edisi ke-5. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Incorporated.
- Ghazali Darusalam & Hussin Sufean. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan : Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Godwin Jones Robert. 2007. Tools and trends in self-paced language instruction. *Language Learning & Technology* 11(2): 10–17.
- Grek, S. 2008. From symbols to numbers: The shifting technologies of education governance in Europe. *European Educational Research Journal* 7(2): 208-218.
- Guba, E. G. & Lincoln, Y. S. 1985. *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Guikema, J. P. 2014. Digital literacies in foreign and second language education. L. F. Williams (pnyt.), *Computer Assisted Language Instruction Consortium (CALICO)*.
- Guntoro, S. N., Siswanti, H., Aldiansyah, S. D., Agustin, A., Prasetyo, A. N. & Amina, N. R. 2022. Pengembangan materi dan media pembelajaran di SDN Bogokidul Kediri dengan e-learning youtube dan instagram. *Prapanca: Jurnal Abdimas* 2(1): 44-50.
- Gurkan Dagbasi, M., Murat Demir, A. & Murat Ozcan, A. 2023. The impact of youtube on teaching Islamic education: A global perspective. *International Journal of Educational Technology* 17(1): 23-36.
- Gürkan Dağbaşı, Yasin Murat Demir & Murat Özcan. 2023. Opinions of Arabic prep class students on the use of youtube in teaching Arabic. *Asian Institute of Research Education Quarterly Reviews* 6(1).
- Habes, M., Salloum, S. A., Alghizzawi, M. & Mhamdi, C. 2019. The relation between social media and student's academic performance in Jordan: Youtube Perspective. Dlm. A. Hassanien, K. Shaalan & M. Tolba (pnyt.), *Advances in Intelligent Systems and Computing*, hlm. 382-392. Springer.
- Habibah, R., Salsabila, U. H., Lestari, W. M., Andaresta, O. & Yulianingsih, D. 2020. Pemanfaatan teknologi media pembelajaran di masa pandemi covid-19. *Trapsila: Jurnal Pendidikan Dasar* 2(02): 1.

- Haleem, A., Javaid, M., Suman, R. & Vaishya, R. 2022. Exploring the capabilities of modern technologies for health care. *Apollo Medicine* 19(1): 37-40.
- Halili, S. H. & Sugumaran, R. 2019. Faktor mempengaruhi penggunaan video youtube dalam kalangan guru sekolah rendah dalam kesusasteraan tamil. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 7(1): 39-45.
- Halim, T. 2007. Islamic education in Malaysia: The teaching and learning of Islamic education. *Jurnal Pendidikan Islam* 12(2): 21-34.
- Ham, L. M., Zawawi, M. T. S. A. & Hashim, Z. M. 2024. Implementasi pembelajaran fleksibel escape room chembond dalam meningkatkan penguasaan pelajar bagi topik ikatan kimia di kolej matrikulasi perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 22(1): 63-101.
- Handayani, T. & Silalahi, F. 2023. Peran teknologi terhadap konsepsi pendidikan agama Islam berkemajuan: Berkemajuan, konsepsi pendidikan Islam, teknologi. *Edu Manage-Journal of STAI Nurul Ilmi Tanjungbalai* 2(1): 70-79.
- Hasami Hazwani & Nor Aishah Buang. Keberkesanan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) terhadap pengetahuan dan tahap kemahiran pelajar kolej komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)* 43: 89-106.
- Hasan, L. M. U. & Machmudah, U. 2022. Imla' learning media by using youtube for prospective students at Gontor Islamic boarding school Darussalam. *In International Symposium on Religious Literature and Heritage (ISLAGE 2021)* 65-69. Atlantis Press.
- Hashim, R. 2004. Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Hasin Anuar, Zainora Daud & Norazman Alias. 2020. Cabaran pelaksanaan pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian dalam fasa PKP: Kajian di fakulti pengajian quran dan Sunnah. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hasmiza, H. & Humaidi, M. N. 2023. Efektivitas youtube sebagai media pembelajaran pendidikan agama Islam di era digitalisasi. *Research and Development Journal of Education* 9(1): 97-105.
- Hasmiza, H. & Romelah, R. 2022. Implementasi pembelajaran pendidikan agama Islam melalui media youtube di SMP Nurul Jannah Natuna. *Research and Development Journal of Education* 8(1): 354-362.
- Hassan, A. & Ibrahim, M. 2021. Peranan guru pendidikan Islam dalam pembentukan karakter pelajar. *Jurnal Pendidikan Islam* 15(2): 87-95.
- Hawkrige, D. 2022. *New Information Technology in Education*. Routledge.
- Hayati, F. H. & Ningsih, T. 2024. Peran media sosial dalam pelajaran IPS kelas V di MI Ma'arif NU 1 Ajibarang Wetan. *Islamika* 6(3): 938-950.

- Hector, S. & Salinitri, G. 2022. Experiential learning in a Canadian physical education class: A comparative perspective from pre-service PE teachers in Canada and China. *ECNU Review of Education* 5(3): 509-519.
- Hendryadi. 2012. Jumlah sampel penelitian kualitatif. jumlah sampel penelitian kualitatif- teori online.
- Hening kusumaningrum, Unik Hanifah Salsabila, Nanik Rahmanti, Istiani Nur Kasanah & Dian Sidik Kurniawan. 2020. Optimalisasi media youtube sebagai media pembelajaran daring. *Jurnal Pendidikan dan Agama Islam (Saliha)* 5(1): 92-114.
- Hepi Ikmal. 2023. *Media Pembelajaran Pendidikan Agama Islam (Konsep, Pemilihan, Pengembangan dan Evaluasi)*. Nawa Litera Publishing.
- Heryana, A. & Unggul, U.E. 2018. Informan dan pemilihan informan dalam penelitian kualitatif. *Universitas Esa Unggul* 25: 15.
- Hidayati, D.I.N., Rahayu, A.D., Alfarizi, G.M., Purnama, I., Kartika, L., Wulandari, M., Asbari, M. & Purwanto, A. 2023. Training of learning media for early childhood Islamic education. *Journal of Community Service and Engagement* 3(1): 14-26.
- Hossain, M. A., Rahman, M. M. & Islam, S. M. 2022. Enhancing student engagement and learning outcomes using youtube in secondary education. *Asian Journal of Educational Technology* 17(3): 178-190.
- Huberty Jennifer, Siahpush Mohammad, Beighle Aaron, Fuhrmeister Erin, Silva Pedro & Welk Gregory. 2011. Ready for recess: A pilot study to increase physical activity in elementary school children. *The Journal of School Health* 81: 251-7.
